

Mingguan Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA

LANGGAN
MINGGUAN
AMANAH
SEGERA!
**PERCUMA
T-SHIRT**

untuk urusan Langganan
011 3233 4322

Mahfuz cabar Pas saman beliau segera, bukan lepas PRU



→ ms2

Presiden Pas didakwa menipu isu pindaan perlembagaan Pas



Jentera Dun, 12 UPU Pas Kelaboran lumpuh akibat pengguguran Zakia

→ ms8



DARI MANA SUMBER PAS

PAS dijangka perlukan wang sehingga RM50 juta untuk pilihan raya kali ini jika benar parti itu akan bertanding 160 kerusi parlimen dan ratasan lagi kerusi Dewan Undangan Negeri sebagaimana yang diumumkan presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang. Dari manakah sumber kewangan Pas sebanyak itu?

→ Laporan penuh muka 2



MOHAMAD menerima permohonan menjadi ahli AMANAH dari kaum India Muslim.

Gelombang India Muslim bersama AMANAH

GELOMBANG baru India Muslim kini bersama AMANAH apabila kira-kira 300 dari mereka membuat permohonan untuk menyertai parti itu baru-baru ini.

Penyerahan borang itu dikemukakan kepada Presiden AMANAH, Haji Mohamad Sabu di Wisma Amanah Kuala Lumpur baru-baru ini.

RAYUAN DANA PRU14

PARTI AMANAH NEGARA

SUMBANGAN BOLEH DISALURKAN KE NO AKAUN:

564294309586

Parti Amanah Negara

Maklumkan sumbangan anda ke email kewangan@amanah.org.my

Mahfuz cabar Pas saman beliau segera, bukan lepas PRU

DATUK Mahfuz Omar men-cabar Timbalan Pesuruh-jaya Pas Terengganu Satiful Bahri Mamat segera mengambil tindakan undang-undang terhadapnya tanpa perlu menunggu selepas pilihan raya umum atas da-kwaan Pas Terengganu menerima sejumlah wang dari Umno.

Ahli Parlimen Pokok Sena itu berkata, adalah pelik dan kelakar jika Pas mahu tunggu selepas PRU14 untuk menyamannya.

"Ustaz Satiful sewajarnya mengambil tindakan segera kerana selagi tiada sebarang tindakan undang undang diambil, isu tersebut akan menjadi bahan perbualan masyarakat khususnya pengundi pengundi Pas dan ianya akan memberikan kesan buruk kepada Ustaz Satiful dan dua lagi rakan khususnya dan Pas amnya.

"Adakah Ustaz Satiful sanggup membiarkan imej partinya dilihat buruk dengan menerima dana dari Umno? Adakah Satiful sanggup Pas tewas dalam PRU14 nanti dek kerana isu penerimaan dana dari Umno ini? Adakah Ustaz Satiful sanggup membiarkan Umno tersebut nyum gembira apabila Pas kalah dalam PRU14 nanti?" soal Mahfuz dalam satu kenyataan beliau.

Beliau menjawab balas kenyataan Satiful, dalam sidang akhbaranya yang menuduh bahawa Pas Terengganu menerima wang Umno sebanyak RM1 juta yang dimasukkan ke akaun bersama beliau dan dua lagi pimpinan Pas Terengganu pada 21 Mac lalu.

RM1.5 juta lagi didepositkan ke akaun Jabatan Pembangunan JPP Pas Pusat.



Mahfuz mencabar 3 pemimpin Pas ini menyaman beliau segera bukan selepas pilihan raya umum.

Menurut Mahfuz lagi, Satiful dan dua rakananya atau Pas sewajarnya mengambil tindakan undang-undang seberapa segera yang boleh jika mahu imej Pas dilihat bersih di kalangan pengundi dan ahli Pas

sendiri.

"Ustaz Satiful dan Pas perlu segera mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang mendedahkan isu ini. Ini maruah Pas. Tidak cukup sekadar

menafikan sahaja.

"Orang gila juga nafikan dia gila. Tetapi untuk menentukan dia gila atau tidak, perlu diperiksa oleh doktor pakar.

"Pas juga perlu membuktikan mereka tidak terima dana Umno seperti didakwa.

"Dengan mengambil tindakan undang-undang di mahkamah, semua bukti termasuk akaun bank yang didakwa boleh dibuktikan kewujudannya di mahkamah

"Kalau sudah berbincang dengan peguam, arahkan peguam failkan tindakan. Adakah Ustaz Satiful mencari hari yang sesuai untuk failkan tindakan? Jangan tunggu lama-lama nanti habis duit tak sempat nak fail," ujarnya sinikal dengan menasihati Pas segera memfailkan saman terhadapnya.

Pas perlukan RM50 juta untuk belanja pilihan raya

PENGUMUMAN Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang baha-wa parti itu akan bertanding 160 kerusi parlimen dalam PRU 14 kini menimbulkan tandatanya, dari manakah parti itu mendapatkan wang untuk menampung perbelanjaan pilihan raya kali ini.

Ini kerana, deposit untuk kerusi parlimen sahaja Pas perlu bayar RM15,000 x 160 kerusi iaitu RM2.4 juta.

Belanja untuk kempen pula adalah RM32 juta untuk parlimen sahaja dengan anggaran RM200,000 bagi setiap kawasan parlimen.

Ini bermakna, Pas perlu keluar kan wang sebanyak RM34.4 juta untuk kawasan parlimen sahaja.

Untuk keseluruhan perbelanjaan termasuk calon Dewan Undangan Negeri, Pas dijangka

perlukan RM50 juta.

Dari manakah Pas mendapatkan duit sebanyak itu?

Inilah persoalan yang ditanya oleh ahli bawahan Pas kepada pimpinan parti itu kerana pada PRU 13 Pas bertanding di 76 kerusi parlimen sahaja.

Pas sentiasa menjawab, sumber kewangan parti itu adalah dalam poket ahlinya yang dikatakan hampir satu juta itu.

Namun bagi pengkritik Pas, wangnya kali ini adalah datangnya dari kawan baru parti itu, Umno.

Bekas Naib Presiden Pas, Datuk Mahfuz Omar sebelum ini mendakwa Pas menerima RM2.5 juta wang dari Umno melalui dua akaunnya pada 21 Mac lalu.

AJK Pas Pusat, Nik Mohamad Abduh dalam satu audio yang disebarluaskan sebelum ini mengaku

Pas menerima duit Umno termasuk RM2 juta untuk pilihan raya negeri Sarawak sebelum ini.

Beliau juga mengaku turut menerima wang dari Umno.

Namun begitu para penyokong Pas menuduh ini adalah fitnah dari musuh mereka.

Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang pula berkata, bagaimana parti itu mahu mendapatkan duit dari Umno sedangkan parti itu akan melawan Umno di semua kerusinya.

Naib Presiden Amanah, Husam Musa menjelaskan, Pas mengambil duit Umno ada lojiknya kerana Pas akan bertanding untuk memecahkan undi Pakatan Harapan (PH) bagi membolehkan calon Umno menang.

Ini kerana Pas bertanding di kerusi yang tidak mungkin di-

menangi oleh parti itu.

"Apa tujuannya, untuk menangkan Umno," kata Husam dalam satu ceramahnya di Kota Bharu.

Pengerusi PH, Tun Dr Maha-

thir Mohamad juga mendakwa, Pas hanya musuh kecil mereka sahaja.

Ini kerana, Pas hanya bertanding untuk memenangkan BN sahaja.

Kastam sahkan projek China dapat perlepasan GST

KETIKA rakyat marah kerana dibebani cukai Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), syarikat-syarikat dari negara China bukan sahaja mendapat tanah, kawasan yang strategik, projek besar bahkan juga dibebaskan dari GST oleh kerajaan.

Jabatan Kastam Diraja Malaysia mengesahkan sijil pelepasan GST kepada kontraktor projek Laluan Keretapi Pantai Timur (ECRL), China Communications Construction Company (CCCC) yang tular di media sosial.

Ketua Pengarah Kastam Datuk Seri Subromaniam Tholasy berkata, pihaknya memberi sokongan bagi mempertimbangkan pelepasan oleh Kementerian Kewangan kepada CCCC.

Sebab pelepasan berkenaan kata beliau, projek ECRL itu adalah projek melibatkan dua kerajaan yang membabitkan kepentingan awam.

Dan juga katanya, bagi mengurangkan kos projek yang berorientasikan kemudahan awam.

"Secara amnya, pelepasan ke atas syarikat ini (CCCC) bagi memastikan projek strategik ECRL dapat dilaksanakan dengan jayanya serta memberi manfaat besar kepada rakyat secara keseluruhannya, katanya dalam kenyataan 16 Mac lepas.

Naib Presiden AMANAH Husam Musa, sebelum ini memuat naik sijil pelepasan GST yang menyatakan ia diberikan bawah Seksyen 56(3)(a) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Seksyen itu menyatakan kuasa menteri kewangan untuk memberikan pelepasan berkenaan.

Turut disertakan kepala surat CCCC yang memberitahu pembekalnya bahawa ia diberikan pelepasan GST berdasarkan surat oleh Kementerian Kewangan bertarikh 7 Feb tahun ini.



Sokong Palestin tapi tingkat dagang Israel

KUALA LUMPUR: Rakyat negara ini perlu menilai sokongan sebenar kerajaan BN pimpinan Datuk Seri Najib Razak terhadap Palestin kerana di masa yang sama, perdagangan antara kedua negara dilaporkan meningkat saban tahun.

Sehubungan itu, Ketua Pemuda Pakatan Harapan (PH), Nik Nazmi Nik Ahmad menyifatkan kerajaan BN hanya bersandiwara dalam membela rakyat Palestin bertujuan meraih sokongan masyarakat Islam negara ini. Kata beliau, sejak akhir-akhir ini Najib sering ‘mendabik dada’ di media sosial dengan menggambarkan seolah-olah Umno-BN adalah pejuang Palestin dan umat Islam.

Pada masa yang sama, tambah beliau, pengurus BN itu menuduh PH tidak mengambil hirau tentang Palestin.

Bagaimanapun beliau menasihati rakyat agar menilai sikap sebenar kerajaan BN terhadap rakyat Palestin khususnya di Gaza.

“Akhbar the Times of Israel sendiri telah melaporkan bahawa walaupun Malaysia tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel dan mengaku

memihak kepada Palestin, hubungan perdagangan antara dua negara terus meningkat saban tahun.

“Di dalam artikel ‘Malaysia favors Palestinians but buys from Israel’, ia menyatakan bahawa mengikut Biro Perangkaan Israel, pada tahun 2013 nilai perdagangan di antara dua negara tersebut mencecah USD1.529 bilion, peningkatan dua kali ganda daripada tahun 2012, manakala ia meningkat lagi 27 peratus pada awal 2014.

“Hubungan ini tidak dinyatakan dengan jelas dalam laporan perdagangan luar negara kita kerana Israel dikategorikan di dalam ‘lain-lain’ tetapi hubungan ini bukanlah satu rahsia,” jelas beliau lagi.

Tambah Nik Nazmi, selain mengukuhkan hubungan perdagangan, Najib Razak juga gagal untuk menyatakan pendirian ketika bertemu dengan Presiden Amerika Syarikat Donald Trump baru-baru ini walaupun bermegah dapat mengadakan pertemuan empat mata dengan presiden Amerika paling pro-Zionis dalam sejarah politik negara itu.

Najib juga katanya, ialah perdana menteri Malaysia pertama sejak lebih



NIK NAZMI
NIK AHMAD

50 tahun membenarkan delegasi Israel diketuai bekas Timbalan Duta Israel ke PBB David Roet, memasuki Malaysia pada awal tahun ini.

“Setiap apa yang dilakukan ini tidak menggambarkan seorang pejuang Palestin yang ikhlas, malah hanya menggunakan isu ini untuk meraih undi.

“PH telah menjelaskan dalam manifesto melalui Janji 59 bahawa kami akan memimpin usaha menyelesaikan konflik Palestin dan Rohingya. Kami akan membawa suara Palestin dengan lebih aktif

ke peringkat OIC dan PBB untuk mencapai penyelesaian muktamad.

“Malah pemimpin kedua-dua pimpinan utama PH, Dr Mahathir dan Anwar Ibrahim juga masih disegani sebagai pemimpin Islam di persada dunia dan telah lama memperjuangkan hak Palestin di peringkat tertinggi,” kata Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) itu.

Ujar Nik Nazmi, Najib harus berhenti bersandiwara dalam hal ini dan tidak cuba memperbodohkan rakyat hanya demi mendapatkan undi.

53 peratus kerusi Parlimen Melayu jadi penentu PRU

Oleh ARIF ATAN

KUALA LUMPUR: Akhbar milik MCA, Sunday Star 15 April lalu menegaskan segmen pengundi Melayu dan Bumiputera di kawasan luar bandar menjadi penentu pada pilihan raya umum ke-14 (PRU14) bukannya pengundi Cina yang rata-rata berpihak kepada pembangkang.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif

Star Media Group Berhad, Datuk Seri Wong Chun Wai berkata, pengundi Melayu dan Bumiputera terutamanya yang menetap di kawasan luar bandar bakal menentukan rupa bentuk kerajaan akan datang.

Menurutnya, terdapat 117 daripada 222 kerusi Parlimen di kawasan Melayu luar bandar di Semenanjung Malaysia.

Jumlah itu, jelasnya bertambah ekoran pelaksanaan persempadanan semula ka-

wasan pilihan raya berbanding 114 kerusi di kawasan majoriti Melayu ketika Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13).

“Terdapat 19 kerusi masing-masing di Sabah dan Sarawak yang mempunyai lebih banyak pengundi Bumiputera,” ujar Wong dalam kolumn mingguannya ‘On the Beat’.

Beliau berpendapat penentuan PRU14 tidak akan terletak di tangan pengundi Cina di bandar-bandar yang secara

tradisional bersikap antipihak berkuasa.

“Walaupun penduduk bandar telah membuat bising, sama ada dalam perbincangan peribadi atau daripada banyak komen ‘berang’ dalam media sosial, ia akan bergantung kepada orang luar bandar yang senyap untuk membuat keputusan muktamad,” katanya.

Menurut Wong, jumlah 117 kerusi itu termasuk 52 di

kawasan Felda yang dianggap sebagai kawasan teras (heartland) orang Melayu, dengan tumpuan utama penduduk di situ adalah isu-isu bersifat perkauman dan keagamaan.

“Tidak ramai penduduk bandar, dengan suhu politik yang semakin meningkat, mahu mendengar atau menerima pandangan bahawa PRU kali ini hanyalah satu pertarungan di kawasan teras orang Melayu di luar bandar,” katanya lagi.

Tidak masuk akal Pas bertanding 160 kerusi

KUALA LUMPUR: Pengumuman Pas untuk bertanding di 160 kerusi Parlimen diragui penganalisis politik malah matlamat sebenar parti itu pada pilihan raya umum ke-14 (PRU14) menjadi persoalan.

Felo Kanan Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Faisal S. Hazis berpendapat jumlah kerusi parlimen yang mahu ditandingi Pas itu tidak munasabah.

“Keputusan untuk bertand-

ing sehingga 160 kerusi itu daripada segi percaturan politik seolah-olah tidak masuk akal.

“Pas telah menjelaskan perannya dalam PRU14 adalah untuk menjadi ‘king maker’. Menurut percaturan mereka tidak akan ada mana-mana parti sama ada BN maupun Pakatan Harapan (PH) yang mampu membentuk majoriti mudah.

“Mereka sasarkan untuk menang sekurang-kurangnya 40 kerusi maka boleh pergi sama

ada kepada BN atau PH.

“Kalau dengan strategi sebegitu rupa, fokusnya harus kepada pengundi Muslim dalam sekitar 120 kerusi dengan harapan menang satu per tiga daripada jumlah itu,” ujarnya dalam forum #MalaysiaMemilih di Astro Awani.

Walau bagaimanapun, Dr Faisal menambah Pas dilihat bukan sahaja mahu berperanan sebagai ‘king maker’ apabila ingin bertanding sehingga 160 kerusi Parlimen.

“Kalau bertanding sehingga

160 kerusi, apakah sebenarnya matlamat anda (Pas) dalam pilihan raya kali ini?

“Adakah anda sebenarnya bukan sahaja menjadi ‘king maker’ tetapi cuba mensabotaj PH dalam pilihan raya kali ini?” soalnya.

Sehubungan itu, Dr Faisal menjangkakan persoalan tentang kerjasama Pas dengan Umno akan kembali hangat semula ekoran keputusan mutakhir Pas tersebut.

Angka 160 kerusi itu disebut Presiden Pas, Datuk Seri Abdul

Hadi Awang ketika berucap pada Majlis Pelancaran Gagasan Sejahtera Peringkat Pulau Pinang sempena PRU14 di Markas Tarbiyah Pas Pongsu Seribu, 16 April lalu.

Abdul Hadi memberitahu pada mulanya Pas mahu bertanding di 130 kerusi tetapi hasil perbincangan kemudiannya memutuskan untuk meletakkan calon di 160 kerusi termasuk calon-calon daripada parti-parti gabungan Gagasan Sejahtera yang diterajui Pas.

Minda Pengarang

Tsunami rakyat, bukan berdasarkan kaum

Gelombang perubahan yang dilihat menjelang PRU14 bulan depan tidak dilihat sama sekali berasaskan perkauman atau sesuatu kaum. Kerana ia tidak sama sekali didukung oleh semangat perkauman atau ekstrisme apa-apa pun yang bersifat melampau atau berasaskan kebencian akan sesuatu golongan. Tidak sama sekali.

Oleh itu tidak benar sama sekali bahawa kali ini akan berlaku tsunami Melayu, justeru kerana ada tanda-tanda orang Melayu akan menyokong pembangkang, Pakatan Harapan dalam PRU14 ini. Maka kebangkitan ini, oleh sesetengah pihak, ditafsirkan sebagai tsunami Melayu. Padahal yang sebenarnya ialah tsunami rakyat pelbagai kaum.

Ini kerana memang jelas kini bahawa rakyat semua kaum, bukan Melayu saja, mahukan perubahan atas sebab-sebab yang telah diketahui umum. Terutama kerana kenaikan harga barang keperluan, cukai GST, pengangguran belia yang semakin bertambah, keadaan ekonomi yang semakin parah, hutang negara yang membimbangkan dan pelbagai lagi.

Oleh itu apa yang mahu dilaksanakan oleh Pakatan Harapan jika memenangi PRU14 ini ialah memulihkan ekonomi negara dan segala yang berhubung dengannya.

Perubahan berdasarkan demokrasi ini yang hendak dilaksanakan oleh Pakatan Harapan, seperti yang diikrarkannya dalam Manifesto PH itu. Oleh itu, rakyat pelbagai kaum dilihat merasa yakin jika PH mencapai kemenangan, maka perubahan akan dapat dilaksanakan.

Keyakinan ini mendorong rakyat pelbagai kaum untuk melakukan perubahan. Maka ia tidak boleh dilabel sebagai 'Tsunami Melayu'. Lebih-lebih lagi Pakatan Harapan berjuang untuk semua kaum, bukan sesuatu kaum saja. Ini kerana

rakyat menantikan suatu perubahan untuk kelangsungan hidup mereka yang lebih baik dan terjamin.

Kesedaran rakyat dari Johor, negeri paling selatan hingga ke utara, juga rakyat di pantai timur untuk melihat perubahan yang akan dibawa oleh PH jika menang sangat besar dan hampir menyeluruh, termasuk juga di kawasan tanah rancangan Felda. Maka kita yakin tsunami rakyat ini akan kekal momentumnya dan sama sekali tidak berasaskan sesuatu kaum.

Pakatan Harapan sendiri yang mengambil peranan di tengah rakyat, dengan komponennya – PKR, DAP, AMANAH dan Pribumi – bermatlamatkan untuk membela rakyat pelbagai kaum. Maka itu memanglah wajar apabila semakin ramai rakyat pelbagai kaum menyokong gabungan mega pembangkang itu, maka adalah tsunami rakyat.

Sambutan rakyat pelbagai kaum terhadap Jelajah Pakatan Harapan di seluruh negara dan juga pelbagai ceramah bersaiz sederhana juga di seluruh negara serta pelbagai tinjauan di di tengah rakyat – bandar dan luar bandar – menghantar isyarat jelas bahawa mereka mahukan perubahan.

Rakyat yang datang mendengar ceramah ini datang secara sukarela, tidak dikerah atau diberi habuan. Tetapi dengan kerelaan sendiri. Mereka datang dari jauh dan dekat. Oleh itu ia tentulah boleh dianggap sebagai gelombang rakyat atau tsunami rakyat.

Kita yakin semakin dekat hari mengundi, nescaya akan semakin nyata gelombang atau tsunami rakyat ini. Dalam masa yang sama, kita juga yakin pendukung Pakatan Harapan akan benar-benar memahami kehendak tsunami rakyat ini.

Kita mahukan negara ini makmur, aman damai dan ditegakkan di atas keadilan yang berdasarkan kepada amanah rakyat.

Polemik calon Muslim lawan non-Muslim

Di samping itu, ayat yang melarang kita mengambil non muslim sebagai kawan rapat serta penolong, *illah* (sebab) nya bukan semata-mata kufurnya mereka kepada Islam. Firman Allah SWT dalam surah al-Mumtahanah ayat 1 maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil musuhku dan musuh kamu menjadi teman rapat, dengan cara kamu sampaikan kepada mereka dengan sebab hubungan baik dan kasih mesra yang ada di antara kamu dengan mereka, sedang mereka telah kufur ingkar terhadap kebenaran (Islam) yang sampai kepada kamu; mereka pula telah mengeluarkan Rasulullah (SAW) dan juga mengeluarkan kamu disebabkan kamu beriman kepada Allah Tuhan kamu.

Ayat ini telah menafsirkan ayat-ayat yang awal di atas, bahawa larangan Allah Azza wa Jalla menjadikan non muslim sebagai kawan rapat dan penolong bukan hanya kerana tidak berimannya mereka, tetapi juga bergabung dengan *illah* (sebab) lain iaitu menghalau dan mengusir nabi SAW dan umat Islam daripada kediaman mereka tanpa hak. Oleh itu, jika seorang non muslim hanya sekadar tidak beriman tanpa *illah* (sebab) kedua iaitu menghalau, maka tiada larangan. Persoalannya ialah bagaimana pula dengan calon muslim yang terang-terang menentang, mempersenda dan menolak Islam menerusi ucapan dan tulisan mereka?

Mengetahui perbahasan ayat-ayat di atas menjadikan kita faham dan memperhalusi maksud *muwalat* (penggunaan) non muslim yang sebenarnya dilarang oleh Islam. Dengan kefahaman tersebut kita terhindar daripada kesilapan memetik dan istinbat hukum hanya kerana baru berjumpa dengan satu ayat al-Qur'an yang belum tentu *dalalah* (pendalilan) nya *qat'ie* (putus dan pasti). Ia keliru dan mengelirukan!

Calon yang menang dalam pilihanraya nanti bakal menjadi seorang wakil rakyat bukannya khalifah, Imam atau ketua negara. Itu pun bukannya wakil kepada kesemua rakyat tetapi hanya mewakili satu *juzu'* daripada jumlah rakyat di seluruh negara (kerusi Parlimen) atau negeri (kerusi DUN). Seorang wakil (rakyat) bukannya ketua, menteri atau gabenor, tetapi dia mewakili kawasannya dalam dewan yang berfungsi untuk menegur kepimpinan, penguasa dan para



Pencerahan Mingguan

**TANWEER
USBU'I**

DR ANHAR OPIR

menteri. Oleh itu, dia menegur bukannya yang ditegur.

KUASA TERHAD

Kuasa seorang wakil rakyat di Malaysia terhad dan terbatas, dikawal dan terikat dengan undang-undang serta perlumbagaan negara. Apakah lagi ingin menyentuh sebarang urusan yang berkaitan dengan agama Islam, perlu melepas dan mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung dan Majlis Raja-raja. Tambahan pula jumlah non muslim tidak majoriti dalam DUN atau Parlimen. Dan pasti wakil-wakil rakyat muslim akan bersuara dan berperanan mempertahankan. Melainkan jika mereka hanya datang untuk tunjuk muka kepada 'bos' serta klim tambang hadir persidangan semata-mata!

Tidak mempunyai kuasa penuh dan terhad ini yang menyebabkan al-Mawardi (450H) memberarkan ahli al-Zimmah boleh dilantik menjadi menteri yang hanya bersifat membantu melaksanakan dan melicinkan kerja seorang ketua negara. Kata al-Mawardi:

Harus seorang menteri (tanfiz) itu daripada ahli *a-Zimmah* meskipun dia tidak boleh memegang jawatan menteri *tafwidh* (mendapat kuasa). Perbezaan di antara kedua-dua kementerian ini berdasarkan perbezaan dua kuasa, yang demikian itu dari empat aspek; salah satunya ialah menteri *tafwidh* berkuasa untuk menentukan hukum dan menghapuskan kezaliman, sedang ini tiada pada menteri *tanfiz*.

Menurut al-Mawardi, menteri *tanfiz* (pelaksana) bidang kuasanya tertakluk kepada arahan imam (ketua negara). Ini berbeza dengan menteri *tafwidh* yang mendapat kuasa penuh untuk melakukan sebarang tindakan berdasarkan kehendak dan pendapatnya. Ini menunjukkan hukum harus perlantikan mereka.

Ini dalam hal melantik menteri, adapun wakil rakyat ia lebih rendah darjatnya dan tidak sepenting jawatan menteri. Keadaan dan sistem yang berbeza juga me-

nyebabkan kita perlu menilai dan meneliti setiap perbezaan ungkapan para ulama. Yang salah bukan pandangan mereka, tetapi kita yang sering silap menggunakan secara pukul rata untuk semua perkara sedangkan konteksnya berbeza. Sistem pen-

tadbiran negara Malaysia yang berasaskan demokrasi berperlembagaan tidak sama dengan sistem khalifah pada kurun-kurun awal Islam. Walaupun berkongsi istilah seumpama menteri dan kementerian, namun ia belum tentu sama pada perlaksanaannya.

Selepas tiada teks dalil yang *qat'ie* (putus dan pasti) melarang daripada mengundi calon non muslim dalam PRU, maka masalah mursalah menjadi sandaran kepada keharusan hukum mengundi mereka. Ini kerana kita tidak boleh menafikan kewujudan mereka di Malaysia yang mewakili hampir 40 peratus daripada jumlah keseluruhan rakyat Malaysia. Mereka akan mewakili suara non muslim di dalam sidang DUN atau Parlimen. Maka maslahat dan kepentingan wujud di sini untuk didengar pandangan serta tuntutan mereka untuk memelihara hak mereka yang dijamin oleh Islam sebagai kumpulan minoriti.

Jangan kerana ingin menang mudah dalam PRU dan menafikan hak orang lain, dengan senang kita meletakkan hukum haram mengundi calon non muslim.

Tindakan ini bakal mematikan keanjalan dan kesyumulan *syari'at* Islam sebagaimana para sahabat yang telah menyebabkan kematian sahabat mereka sehingga ditegur oleh nabi SAW kerana kesilapan memberi fatwa. Diriwayatkan daripada Ibn Abbas RA katanya yang bermaksud: Seorang lelaki cedera pada zaman nabi SAW, kemudian bermimpi, disuruh kepadanya mandi, lalu dia pun mandi dan meninggal dunia. Kisah itu sampai ke pengetahuan nabi SAW lalu nabi bersabda: mereka telah membunuhnya, Allah akan membunuh mereka. Bukankah ubat bagi orang yang tidak tahu adalah bertanya. (Riwayat Abu Daud)

Kesimpulannya, tiada dalil *qat'ie* yang melarang untuk mengundi calon non muslim dalam PRU di Malaysia. Ia termasuk dalam *siasah syar'iyah* bagi pemerintah untuk membenarkan pencalonan mereka atas dasar maslahat kumpulan minoriti. *Wal-lahu a'lam*.



Rakyat bandar, luar bandar mahu perubahan

Dengan dekatnya hari mengundi PRU14 ini rakyat di mana-mana dari bandar hingga ke luar bandar, malah di kawasan Felda, sudah memperlihatkan dengan jelas mahukan perubahan. Bermakna mereka menaruh harapan – gabungan pembangkang, Pakatan Harapan – akan memenuhi PRU14 kali ini. Insya-Allah kata mereka.

Di pasar pagi, pasar malam, pasar minggu, kedai gunting, warung teh di pinggir jalan dan di ana-mana rakyat bercakap mengenangi PRU14 ini yang akan berlangsung pada 9 Mei depan, suatu detik yang sangat dinantikan oleh rakyat. Di sinilah hendaknya demokrasi bendar-benar berfungsi dan meriah, tidak akan ada hal-hal yang tidaak diingini berlaku.

Hendaknya ia menjadi pesta



CETUSAN MINDA
ABDUL SHUKUR HARUN

demokrasi yang meriah. Kerana setiap rakyat yang mengundi berhak memilih siapa yang wajar mereka pilih.

Laporan dari Melaka, negeri penuh sejarah, sangat menarik. Ini kerana kesedaran rakyat di negeri Hang Tuah itu telah diperlihatkan termasuk di kawasan luar bandar.

Pengerusi AMANAH Melaka, Adly Zahari dilaporkan berkata, perkembangan mutakhir di negeri itu juga menyaksikan ramai pemimpin akar umbi Umno di kawasan kampung juga menyertai tsunami sokongan kepada Pakatan

Harapan.

Beliau melawat Taboh Naning, Dun (Dewan Undangan Negeri) yang pengundinya paling kecil di Melaka sekitar 8,000 orang.

“Saya merasmikan penubuhan satu PDM (Pusat Daerah Mengundi) di Sungai Buloh. Yang datang sekitar 70 orang, 50 orang adalah orang tempatan, selebihnya orang luar Taboh Naning. Antara yang hadir ialah bekas ketua pemuda Umno cawangan dan bekas se-tiausaha Umno cawangan juga ahli jawatankuasa kampung,” katanya dalam Ceramah Pakatan Harapan di Bukit Baru kelmarin.

Sehubungan itu, beliau menyifatkan gelombang perubahan tsunami rakyat bukan saja berlaku di bandar dan pinggir bandar malah penduduk di kampung juga bertekad untuk membuat peruba-

han. N.05 Taboh Naning adalah antara lima kawasan Dun di bawah Parlimen Masjid Tanah dengan jumlah keseluruhan pemilih 8,198 orang. Disandang Datuk Latipah Omar dari BN, Taboh Naning bakal menyaksikan pertandingan sekurang-kurangnya tiga penjurur apabila Pas sejak akhir tahun turut berhasrat untuk bertanding.

Melaka mempunyai 28 kerusi dan enam Parlimen dengan jumlah keseluruhan 495,645 pemilih berdaftar. Kesedaran harkat mahukan perubahan ini kelihatan dirasakan di mana-mana, termasuk di kawasan Felda yang selama ini kawasan menjadi kubu Umno. Tetapi kini sudah berubah.

Di Johor, negeri tempat lahir Umno kini mnampakkan lonjakan kesedaran rakyat. Kedatangan Pengerusi PPakatan Harapan di

Pasir Gudang, Parit Sulong, Muar dan beberapa tempat lagi telah dihadiri bukan saja penduduk sekitar, atau orang tempatan, tetapi ramai yang datang dari kampung yang jauh. Mereka datang dengan berkongsi kereta, van dan motosikal. Keadaan ini sangat luar biasa.

Sama juga yang berlaku di pedalaman Selangor, Temerloh, Pahang dan negeri di utara. Kesedaran rakyat, termasuk dari luar bandar sangat luar biasa. Dengan itu kita semakin yakin bahwa PRU14 kali ini akan melaraskan sejarah, menyerlahkan keinginan rakyat mahukan perubahan. Tidak ada hujah lagi yang mampu menafikannya.

Maka itu, apabila rakyat mahukan perubahan, tidak akan ada lagi yang boleh menghalang, sebab ia adalah manifestasi kuasa rakyat.

Punca Pas bertanding sehingga 160 kerusi Parlimen

Oleh JAMZURI ARDANI

Baru-baru ini, Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang mengumumkan Pas akan bertanding 160 kerusi Parlimen. Angka yang beliau sebut ini bagi kebanyakkan penganalisis politik adalah di luar kemunasabahan. Tidak ada satu pun parti politik termasuk Umno yang pernah bertanding sebanyak itu.

Selain dari faktor kekuatan jentera pilihan raya, faktor kewangan juga menjadi tanda tanya besar.

Apapun, Pas berhak bertanding seberapa banyak kerusi yang mereka mahu.

Pas sering mengubah angka sasaran dan jumlah kerusi yang mahu dipertandingkan. Bermula dari 70 kepada 80, 120, 130, 150 dan yang terbaru sebanyak 160 kerusi.

Bagi saya, angka ini terpaksa diubah-ubah kerana mahu menjawab persoalan yang berlebar di kepala para penyokong Pas sendiri. Kalau mahu bertanding 70 kerusi Parlimen, retorik mahu mentadbir kerajaan Islam dan melaksanakan syariat Islam kelihatan seperti tidak berpijak di bumi nyata.

Teori ‘king maker’ pula tersembunyi dengan persoalan ‘dengan siapa Pas mahu bentuk kerajaan nanti?’. Apakah Pas sanggup bersama BN yang akan meneruskan GST yang mereka sendiri sebut sebagai ‘haram’?

Apakah Pas sanggup pula membentuk kerajaan dengan

PH yang mereka tuduh sebagai ‘musuh Islam’?

Hakikatnya, menjadi ‘king maker’ bukan pilihan yang ada pada Pas. Pilihan yang ada cuma untuk kekal sebagai pembangkang, sama ada dengan kerusi atau tiada kerusi.

Jelas, andaian awal untuk bertanding 70 kerusi dengan sasaran menang 40 kerusi tidak membantu naratif perjuangan parti tersebut di dalam percaturan politik kuasa. Angka itu perlu diubah dan akhirnya membawa kepada 130 kerusi.

Tetapi dilema itu tetap tidak

berakhir. Pas tetap berhadapan dengan persoalan dari penyokong mereka. Katakan Pas meletakkan calon di kerusi Parlimen Hulu Langat dan Dun Dusun Tua, iaitu dua kerusi yang mereka pernah menang dan mereka mahu pertahankan.

Para pengundi mereka di Dun Semenyih akan bertanya, siapa yang mereka perlu undi sekiranya Pas tidak meletakkan calon di situ. Kalau nak suruh mereka undi BN, pasti ada yang tidak setuju. Kalau nak suruh undi PH pasti ada juga yang tidak setuju. Kalau nak suruh undi rosak, lagilah mereka tak

setuju. Susah-susah balik mengundi, takkan nak rosakkan undi.

Akhirnya Pas terpaksa meletakkan calon di Dun Semenyih untuk memastikan penyokong mereka turut keluar mengundi untuk calon Parlimen mereka.

Begitu juga yang berlaku di Dun Sg Ramal. Pas pasti akan meletakkan calon untuk mempertahankan kerusi Dun Sungai Ramal. Tetapi, penyokong mereka di Dun Sungai Ramal akan bertanya, calon Parlimen nanti nak undi siapa?

Dilema yang sama dihadapi seperti juga halnya dengan penyokong mereka di Dun Semenyih.

Akhirnya, Pas terpaksa meletakkan calon di kerusi Parlimen Bangi dan kemudian di Dun Kajang dan Dun Balakong juga.

Inilah sebabnya kerusi yang bakal mereka tandingi sentiasa bertambah-tambah dari satu masa ke masa.

Rakan kerjasama politik mereka ikutan pula seperti tidak berminat untuk bertanding. PCM hanya mahu bertanding di Pulau Pinang sahaja. Akhirnya, Pas terpaksa ‘tampau’ semua kerusi lain yang ada.

Fenomena ini berlaku dalam skala yang besar, menyebabkan Pas akhirnya mengumumkan angka bertanding 160 kerusi Parlimen. Saya jangka, kerusi Dun juga akan bertambah secara drastik.

Untuk bertanding secara bermaruah di kerusi-kerusi sebanyak ini, Pas perlu menjadi sebuah parti yang kaya seperti Umno. Umno pun tidak bertanding sebanyak itu.

Ya. Dianggarkan Pas perlu menyediakan sekurangnya RM50 juta hanya untuk bertanding dalam PRU14.

Dari mana datangnya duit sebanyak itu? Dan kalau betul mereka ada duit sebanyak itu ... berbaloikah?

Saya bertanya seorang veteran Pas yang banyak pengalaman dalam gerak kerja pilihan raya soalan ini. Dia hanya menggeleng kepala. Ia di luar jangkauan akal kami.



Kenyataan Presiden Pas mengenai jumlah kerusi yang bakal ditandingi menimbulkan pelbagai tanda tanya.

Bekas Hakim dilantik Pengerusi Tatatertib AMANAH

KUALA LUMPUR: Parti Amanah Negara (AMANAH) 13 April lalu mengumumkan pelantikan Lembaga Tatatertib berdasarkan peruntukan perlombagaan parti.

Sehubungan itu, bekas Ketua Hakim Mahkamah Rayuan Datuk Mohamad Arif Md Yusuf dilantik Pengerusi Lembaga Tatatertib manakala bekas Ketua Setiausaha Kementerian Tanah dan Koperasi Datuk Dr Nik Mohd Zain Nik Yusof sebagai timbalan pengerusi.

Setiausaha Agung AMANAH Mohd Anuar Tahir berkata, pelantikan dua anggota Lembaga Tatatertib dan tiga lagi Jawatankuasa Lembaga Tatatertib itu dibuat berdasarkan peruntukan 22.2 Perlombagaan AMANAH.

"Perlatihan Lembaga Tatatertib ini berdasarkan Peruntukan Fasal 21.1 dalam perlombagaan parti AMANAH yang terdiri daripada seorang pengerusi dan timbalan.

"Manakala 3 ahli lembaga tatatertib berdasarkan peruntukan 21.2 perlombagaan AMANAH," ujarnya dalam sidang media yang diadakan di Wisma Amanah Negara, dekat sini.

Bidang kuasa Lembaga Tatatertib mengikut peruntukan perlombagaan parti di bawah 21.8.8 adalah memberi amaran jika ada ahli melanggar tatatertib; menggan-



Abang Ahmad Kerdee menyerahtakan surat perlantikan kepada Dr Nik Mohd Zain manakala Mohamad Arif menunjukkan surat pelantikannya sambil diperhatikan Mohd Anuar.

tung keahlian; memecat mana-mana ahli yang melakukan kerosakan kepada nama baik parti; menasihati parti bagi melarang mana-mana ahli parti daripada bertanding di dalam pilihan raya atau memegang apa-

apa jawatan di dalam parti.

Menurut Mohd Anuar, dengan tertubuhnya Lembaga Tatatertib parti, struktur parti AMANAH kini lengkap sebagaimana dikehendaki peruntukan perlombagaan parti.

Beliau menambah, kesemua lima anggota Lembaga Tatatertib ini adalah ahli biasa dan tidak memegang sebarang jawatan di peringkat nasional.

Beliau tidak menamakan tiga lagi ahli Lembaga Tatatertib kerana masih lagi di peringkat teknikal dan akan mengumumkan pelantikan mereka kemudian.

"Kita mahu menjaga integriti dan keadilan dalam pelaksanaan tataterbit. AMANAH telah melantik ke semua ahli lembaga dari pada kalangan ahli AMANAH yang bukan daripada jawatkuasan nasional seperti yang dikehendaki perlombagaan parti," ujarnya.

Beliau memberitahu semua proses pengadilan oleh lembaga ini akan mengikuti proses biasa dengan ahli akan diberikan peluang membela diri dan membuat rayuan.

"Lembaga ini mempunyai kuasa besar dalam parti. Jika parti lain majlis tertinggi mereka boleh memecat secara automatik, tetapi AMANAH memberikan kuasa memecat ini kepada lembaga untuk memberikan hak dan keadilan kepada ahli."

"Keputusan lembaga tidak boleh dicabar di mana-mana mahkamah," terangnya.

Turut hadir dalam sidang media itu Timbalan Setiausaha Agung AMANAH Abang Ahmad Kerdee Abang Masagus.

Takrifan 'berita palsu' perlu tepati perundangan

KUALA LUMPUR: Akta Antiberita Tidak Benar 2018 yang digazetkan secara rasmi 11 April lalu tidak akan mencapai matlamat menangani berita palsu sekiranya takrifan 'berita palsu' yang terkandung dalam akta itu tidak menepati undang-undang.

Bekas Hakim Mahkamah Persekutuan Datuk Mohamad Ariff Md Yusof berkata, selagi takrifan yang tepat tentang 'berita palsu' tidak dibuat, akta tersebut tidak dapat dikuatkuaskan secara lancar dan mencapai matlamat.

"Seharusnya pihak kerajaan meneliti perkara ini. Sepatutnya kita tarik balik (akta) untuk kaji lebih mendalam lagi," ujarnya ketika menjawab pertanyaan wartawan pada sidang media mengumumkan pelantikan beliau sebagai Pengerusi Lembaga Tatatertib AMANAH di Wisma Amanah Negara, dekat sini, 12 April lalu.

Mohamad Ariff berkata, tindakan kerajaan yang secara tergesa-gesa menggubal rang undang-undang itu hanya semata-mata untuk mengawal media sosial,

“Kalau sesuatu perkara itu mengandungi teori jenayah kesalahan itu mesti jelas. Jika kesalahan itu tidak jelas akan timbul persoalan besar sama ada kesalahan itu ‘constitutional’ atau tidak tanpa menentukan apa sebenarnya kesalahan jenayah itu...”

sedangkan peruntukan undang-undang sedia ada di negara ini memadai untuk mengisi kelompong tersebut.

"Kalau matlamat kita untuk mengawal media sosial ada cara lain untuk kawal dengan undang-undang sedia ada," katanya.

Beliau juga bimbang dengan skop akta baru itu yang sangat luas dan tidak terhad kepada berita bersumberkan media sosial malah turut membabitkan berita dari sumber lain termasuk kartun.

"Sama ada ia akan digunakan terhadap pembangkang atau tidak, kerajaan perlu memastikan takrifan 'berita palsu' itu tepat.

"Kalau sesuatu perkara itu me-

ngandungi teori jenayah kesalahan itu mesti jelas. Jika kesalahan itu tidak jelas akan timbul persoalan besar sama ada kesalahan itu 'constitutional' atau tidak tanpa menentukan apa sebenarnya kesalahan jenayah itu," ujarnya.

Pada 3 April lalu Pakatan Harapan (PH) mengumumkan akan memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar 2018 sekiranya berjaya mentadbir Putrajaya.

PH juga akan memansuhkan Akta Hasutan 1948, Akta Pencegahan Jenayah 1959, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta Majlis Keselamatan Negara 2016.

Anwar ragui ketelusan, keadilan SPR

KUALA LUMPUR: Beberapa keputusan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mutakhir ini mengesahkan keraguan ramai terhadap ketelusan, kebebasan dan keadilan suruhanjaya itu, kata Ketua Umum Pakatan Harapan (PH) Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, penetapan hari Rabu, 9 Mei sebagai hari pembuangan undi menyukarkan pengundi terutama pekerja di daerah berjauhan untuk pulang mengundi.

"Tempoh kempen selama 11 hari adalah di antara tempoh terpendek di dunia. Umno-BN diizinkan berkempen sejak awal, menggunakan media termasuk media rasmi kerajaan.

"Senarai pengundi digunakan terbatas hingga 2017. Dengan segala kecanggihan teknologi dan dana RM500 juta diperuntukkan kepada SPR, apakah masalah menggunakan senarai hingga Mac 2018. Ramai anak-anak muda mendaftar awal tahun ini," ujarnya dalam satu kenyataan media.

Beliau turut mempersoalkan muslihat SPR untuk menafikan hak pengundi yang mendaftar di awal tahun 2018.

Merujuk pasukan pemerhati pilihan raya antarabangsa yang dicadangkan pelbagai pihak, Anwar menyarankan wakil-wakil daripada negara-negara yang terkenal jujur dan adil dalam mengendalikan proses pilihan raya seperti India, Indonesia, Turki dan Filipina dijemput ke negara ini.

"Saya tegaskan kepada SPR, bahawa rakyat sedang memerhati tindak-tanduk mereka.

"Media sosial akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk memantau dan menilai kerja mereka.

"Apakah ada kesediaan SPR untuk menjalankan tugas yang diamanahkan dengan bebas, jujur dan adil," ujarnya.



Amanah

RAYUAN DANA PRU14

PARTI AMANAH NEGARA

SUMBANGAN BOLEH DISALURKAN KE NO AKAUN:

564294309586

Parti Amanah Negara

Maklumkan sumbangan anda ke email kewangan@amanah.org.my

Presiden Pas didakwa menipu isu pindaan perlembagaan Pas

Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dikecam dan didakwa berbohong apabila mendakwa pemimpin AMANAH sekarang adalah kumpulan yang mahu meminda perlembagaan Pas untuk mengurangkan peranan Majlis Syura Ulamak bagi membolehkan Pas bekerjasama dengan DAP ketika berada dalam Pas dahulu.

Bekas Pengurus Jabatan Undang-Undang dan Hak Asasi Pemuda Pas Pusat (Juham), Nor Azmir Zakaria berkata, adakah seorang ulamak yang kerap menipu dan memfitnah masih boleh dianggap ulamak?

"Ana tak tahu. Ana bukan ulamak."

Tapi ana dah move on. Tak sanggup ana. Nanti Tuhan tanya, kenapa anda masih ikut manusia yang menipu dan memfitnah?" kata Azmir dalam tulisan di facebook beliau mengulas laporan media mengenai kenyataan Hadi itu.

Dalam laporan Sinar Harian itu, Hadi berkata, bekas pemimpin Pas yang kini menubuhkan AMANAH cuba membawa usul meminda perlembagaan Pas, bagi mengurangkan peranan Majlis Syura Ulamak sebagai badan tertinggi parti kepada badan penasihat.

Menurut Azmir, jawatankuasa untuk mengkaji dan perkasa perlembagaan ini hanya 4-5 orang sahaja anggotanya.



"Ada yang background ustaz, dan ada yang istiqamah masih kekal dalam Pas hingga kini."

"Arahan pula datangnya direct dari

Jawatankuasa Pas Pusat. Manakala presidennya pula masa itu yang pasti bukanlah Lim Kit Siang."

"Ana tak tahu lah pula kalau arahan Pas Pusat tu melalui Lim Kit Siang," katanya.

Seorang anggota jawatankuasa ini, Dr Zulkarnain Luqman pula berkata, tujuan cadangan pindaan perlembagaan itu dibuat adalah "untuk jelaskan kedudukan Majlis Syura supaya tidak bertindih dengan Jawatankuasa Pusat."

"Tuduhan untuk kurangkan kuasa Majlis Syura itu bohong," kata beliau.

Sebelum ini, bekas AJK Pas Pusat, Khalid Samad telah menerangkan

panjang lebar perkara ini dalam satu tulisan beliau di sini.

"Perkara yang ingin dilakukan adalah untuk menentukan mereka yang dilantik oleh AJK PAS Pusat (ke Majlis Syura) bukan terdiri dari AJK PAS Pusat itu sendiri.

"Begitu juga yang dilantik oleh Dewan Ulama Pusat semestinya selain dari anggota Dewan Harian Dewan Ulama Pusat.

"Ini bertujuan untuk mengelak dari berlakunya pertindihan dan 'conflict of interest' atau pertembungan kepentingan," katanya.

Jentera Dun, 12 UPU Pas Kelaboran lumpuh akibat pengguguran Zaki

Hampir semua jawatankuasa Dun Kelabaran, Kelantan dan sekurang-kurangnya 12 dari 14 jentera peringkat Unit Pusat Mengundi (UPU) kawasan itu bakal lumpuh akibat pengguguran Mohd Zaki Ibrahim sebagai calon Pas dalam pilihan raya umum ke-14 (PRU14).

Pengerusi Pergerakan Prihatin Rakyat Kelabaran, Mohd Syafie Abdullah berkata perkara itu tidak dapat dielakkan kerana cara pimpinan Pas mengendalikan perkara ini amat kasar dan bercanggah dengan suara akar umbi.

Beliau sungguh terkejut dengan Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakub selepas mereka menyerahkan memorandum kepadanya.

"Semasa di hadapan kita langsung dia tidak beritahu tentang pengguguran YB Zaki.

"Selepas kami beredar boleh pula dia beritahu wartawan bahawa Pas Pusat telah buat keputusan untuk rehatkan YB Zaki dan dia sebagai pesuruh-jaya terpaksa akur kehendak jemaah," katanya.

Sikap membelakangkan pengundi seperti itu menurut beliau bakal mengundang padah kepada Pas.

"Kami beramai-ramai jumpa MB semalam adalah untuk menyelamatkan Pas dan bukannya untuk merosakkan parti.

"Kami berharap apa pun keputusan yang hen-



Seorang petugas pilihan raya Kelabaran membuang poster di bilik gerakannya kerana marah Pas menggugurkan Zaki sebagai calon. Gambar dipetik dari satu video yang disebarluaskan.

dak dibuat perlu dengan makluman dan perbincangan dengan rakyat dan pengundi terlebih dahulu.

"Kalu beginilah caranya saya amat bimbang apa yang terjadi dalam pilihan raya nanti," katanya.

Tinjauan di bilik gerakan utama Dun Kelaboran mendapati susana sepi tanpa aktiviti.

"Saya jangka sekurang-kurang 12 dari 14 jentera telah lumpuh dan tidak lagi meneruskan operasi kempen yang sudah giat berjalan," katanya.

Dari muka 32

Tidak terbayang pemimpin Pas berkawan dengan CIA

Bekas Adun Batu Burok, Terengganu, Dr Syed Azman Ahmad Nawawi berkata beliau tidak pernah terbayang sebelum ini pemimpin Pas boleh berkawan dengan CIA dan FBI.

"Zaman kami dulu tidak sampai tahap itu. Pada malam ini saya sahkan itu memang ucapan Nik Abdur yang tersebar luas yang telah memecahbelahkan pimpinan Pas dan telah meletakkan kawan-kawan menjadi mangsa."

"Apa yang dilakukan ini adalah konspirasi jahat oleh mereka yang mana dalang di belakannya adalah pemimpin-pemimpin Umno dan BN," ujarnya.

Pada Februari lalu, klip audio tersebut di media sosial yang didakwa sebagai "bukti" penyaluran wang oleh Umno kepada Pas.

Versi penuh audio tersebut disebar di media sosial kemudiannya antara lain mendedahkan beberapa pimpinan Pas mengambil wang

daripada Umno selain suara yang dikatakan mirip Nik Abdur itu mendakwa mempunyai hubungan dengan pihak Agensi Perisikan Pusat (CIA) Amerika Syarikat.

Bagaimanapun Nik Abdur yang juga bekas Ahli Parlimen Pasir Mas itu menafikannya dan menyifatkannya sebagai "karut, mengarut dan fitnah" terhadap dirinya serta Pas.

Razman ambil alih Gunong Semanggul, kubu kuat Pas Perak



PESURUHJAYA Pas Perak, Razman Zakaria akan bertanding di kerusi Gunong Semanggul, kubu kuat Pas, meninggalkan parlimen Lenggong pada pilihan raya umum ke 13 lalu.

Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang mengumumkan pencalonan Razman bersama sebahagian calon-calon parti itu yang akan bertanding dalam PRU 14 ini.

Dalam pilihan raya umum ke 13 lalu, Razman kalah kepada calon BN, Shamsul Anuar Nasarah dengan majoriti 3453 di Lenggong.

Menurut perancangan awal Pas Perak, Bendahari Pas Pusat ini sepatutnya bertanding di DUN Selinsing, namun kini berpindah ke Gunong Semanggul.

Sebelum ini, ketika Adun Gunong Semanggul Mohd Zawawi Abu Hassan sakit, Pas kawasan ini mahu Ketua Muslimat Pas kawasan Rohaya Bakar menjadi calon mereka.

Pada PRU 13 lalu, ketika Pas bersama gabungan Pakatan Rakyat, calon Pas Mohd Zawawi Abu Hassan menang di Gunong Semanggul dengan majoriti 1,405 undi.

Tiga doktor pakar calon PH di Kelantan

Tiaga doktor pakar dan pensyarah perubatan yang juga aktivis masyarakat kini menjadi calon Pakatan Harapan di Kelantan.

Pengundi Demit, Kelantan bertuah apabila seorang bekas profesor yang juga cucu Tok Kenali, Dr Wan Ahmad Kamil Wan Abdullah dipilih sebagai calon wakil rakyat mereka.

Bukan setakat cucu Tok Kenali, Dr Wan Ahmad Kamil juga adalah rakan kepada Yusof Islam atau nama asalnya Cat Steven, penyanyi yang terkenal di London.

Bekas pensyarah perubatan di USM Kubang Kerian yang bersara wajib 10 Februari 2018 lalu bakal mewakili Pakatan Harapan untuk bertanding di kerusi yang sebelum ini dianggap paling kuat Pas di seluruh negara itu.

Sementara itu, di Parlimen Kubang Kerian, seorang pagi



pensyarah perubatan USM, Datuk Dr Abdul Halim Yusof (**gambar**) akan menjadi calon PH.

Dr Halim juga adalah aktivis masyarakat sebelum ini termasuk menjadi pemantau pilihan raya.

Kubang Kerian, jiran kepada Kota Bharu, terkenal sebagai bandar universiti. Di sini terletaknya salah satu pusat latihan perubatan untuk bakal doktor di seluruh Malaysia, di Hospital Universiti Sains Malaysia.

Bandar ini juga menempatkan istana diraja Kelantan, dan menjadi tempat kediaman rasmi Sultan

Kelantan serta kerabat diraja.

Bagi rakyat Kelantan, ia juga terkenal dengan pondok terbesar di negeri itu, Pondok Pasir Tumboh yang cukup sinonim dengan pemimpin lapisan PAS.

Parlimen Kubang Kerian, yang mempunyai 65,390 pengundi berdasarkan statistik 2013, dibentuk pada pilihan raya umum 1995, selepas persempadanan semula pada 1993.

Dr Halim dijangka akan melawan timbalan presiden Pas, Datuk Tuan Ibtahim Tuan Man yang buat pertama kali mencuba nasib di Kelantan.

Di Rantau Panjang, doktor pakar dari sebuah pusat perubatan di Kota Bharu, Dr Wan Shah Jihan Wan Din bakal menjadi calon PH di parlimen Rantau Panjang.

Beliau kini adalah Pengurus Pakatan Harapan Rantau Panjang.

Amiruddin calon Kubang Pasu dan Anak Bukit

Bekas ketua pembangkang Kedah yang meninggalkan Pas dan menyertai Bersatu Datuk Amiruddin Hamzah diumum bertanding dua kerusi iaitu Parlimen Kubang Pasu dan Dun Anak Bukit.

Pengumuman beliau dibuat oleh Pengurus PH, Tun Dr Mahathir Mohamad di Langkawi baru-baru ini.

Pengurus PH Kedah, Datuk Mukhriz Mahathir juga bertanding dua kerusi iaitu Parlimen Jerlun dan DUN Jitra.

Tun Dr Mahathir Mohamad turut menamatkan spekulasi mengenai kerusi pilihannya setelah diumumkan sebagai calon bagi Parlimen Langkawi oleh Presiden Pakatan Harapan (PH) Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.



Penganalisis politik yang menyertai Bersatu sebelum ini, Wan Saiful Wan Jan pula diumumkan bertanding di Pendang walaupun sebelum ini beliau disebut-sebut bakal bertanding di Titiwangsa, Kuala Lumpur.

Di Melaka, bekas Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Dr Sabirin Ja'afar dan bekas Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Roslin Husin adalah antara calon Pakatan Harapan di Melaka.

Dr Sabirin akan bertanding di kerusi Parlimen Masjid Tanah dan Roslin akan bertanding di kerusi negeri Ayer Limau, Melaka.

Mematikan mitos DAP mahu merobek perlembagaan

DALAM tulisan Presiden PAS, Dato'Seri Abdul Hadi Awang bertajuk "Ungkapan kata-kata manis yang meracunkan" (16/4/2018), beliau menulis antara lain, "Saya tercium betapa DAP mendapat bayangan kalan-gan mereka itu, menjadikannya sangat galak berjuang merobek Perlembagaan Persekutuan, mendesak supaya merendahkan kedudukan Islam dan melemahkan Institusi Raja-Raja Berperlombagaan secara senyap dan sindiran. Mereka bergabung dengan golongan anti hadis dan liberal. Kalangan ahli politik yang mencari jalan pintas bergayut bersama, sama ada kalangan umat Islam yang bebal sepak terjang politik atau yang buta politik, dan juga kalangan bukan Islam."

Tulisan itu telah dikongsi dengan ramai orang terutamanya di kalangan penyokong dan ahli PAS. Malang sekali, tulisan itu bukan sahaja tidak berpaksikan kepada undang-undang malah juga tidak berpaksikan kepada fakta.

Perlombagaan Persekutuan adalah satu dokumen yang mempunyai mekanisme perlindungan yang tersendiri. Perlombagaan Persekutuan tidak boleh sewenang-wenangnya dirobek oleh sesiapa pun melainkan melalui cara yang telah diperuntukkan dalam Perlombagaan itu sendiri.

Perkara 159 Perlombagaan Persekutuan menyatakan tatacara bagi meminda Perlombagaan. Perkara pertama yang perlu dipenuhi adalah bahawa suatu rang undang-undang bagi meminda Perlombagaan mestilah mendapat sokongan majoriti dua pertiga ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada Bacaan Kedua dan Ke-



tiga. Perlu ditegaskan bahawa majoriti dua pertiga ini bukan setakat dua pertiga daripada ahli yang hadir bahkan ianya mesti dua pertiga daripada 222 ahli Dewan Rakyat dan 65 ahli Dewan Negara.

Atas alasan ini sahaja hujah Presiden PAS itu boleh dipatahkan kerana jumlah ahli Dewan Rakyat DAP dalam penggal PRU 13 yang lepas hanyalah 36 orang sahaja. Jika pun berlaku tsunami rakyat Malaysia dalam PRU 14 ini jumlah kerusi yang akan dimenangi DAP tidak mungkin melebihi 50-60 kerusi. Begitu juga DAP tidak mempunyai wakil yang mencukupi dua pertiga di Dewan Negara.

Keduanya, ada perkara tertentu yang tidak boleh dipinda meskipun syarat dua pertiga yang dinyatakan di atas boleh dipenuhi iaitu pindaan yang menyentuh kedaulatan dan kepentingan Raja-Raja seperti pindaan berhubung Majlis Raja-Raja, kekebalan Raja-Raja, kedudukan istimewa orang Melayu dan anak-anak negeri Sabah dan Sarawak serta kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Malah, Perkara 38 Perlombagaan juga menyatakan bahawa tiada undang-undang yang secara langsung menyentuh keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran Raja-Raja boleh diluluskan tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja.

Ketiganya, ada pindaan yang

menyentuh kepentingan negeri Sabah dan Sarawak yang mesti mendapat persetujuan daripada kedua-dua negeri berkenaan.

Justeru, secara undang-undang adalah mustahil DAP boleh merobek Perlombagaan kerana kesukaran untuk meminda Perlombagaan walau-pun pindaan itu melibatkan satu abjad atau satu huruf sahaja. Apakah lagi jika didakwa DAP itu ingin meminda peruntukan berkaitan kedudukan istimewa Raja-Raja Melayu, Bahasa Melayu dan orang Melayu. Dalam keadaan DAP menguasai dua pertiga majoriti di Dewan Rakyat pun pindaan ini adalah mustahil dapat dibuat kerana DAP tidak menguasai Dewan Negara.

Secara faktanya, DAP sendiri pun hanya akan bertanding maksima 50-60 kerusi seluruh Malaysia. Jika kerusi

itu dimenangi kesemuanya DAP masih gagal untuk mendapat dua pertiga kerana jumlah dua pertiga ahli Dewan Rakyat adalah minima sebanyak 149 kerusi. Jika ada parti yang mahu meminda Perlombagaan adalah sebenarnya parti PAS kerana PAS bertanding 160 kerusi!

Maka dengan ini usahlah para pengundi percaya dengan mitos yang ditaburkan oleh Presiden PAS itu. Sebenarnya Presiden PAS itu hanya cemburu dengan keutuhan Pakatan Harapan yang mana nama-nama besar dalam politik seperti Tun Mahathir, Mat Sabu dan Lim Kit Siang boleh bersatu hati di bawah satu lambang 'mata' bagi menghadapi PRU 14. Langkah ini pastinya akan gagal jika PAS masih berada dalam Pakatan Harapan dan ini adalah hikmah besar perjuangan menuju Putrajaya kerana

halangan dan kemuncup perjuangan sudah terpinggir daripada arena politik negara. PAS sudah menjadi parti yang angkuh dan ego sehingga mampu melawan tabie alam iaitu berkaitan penciptaan pelbagai agama dan bangsa di Malaysia. Resam yang bersifat majmuk di Malaysia ini menghendaki penyatuan antara kaum dan agama dan mengelakkan pertelingkahan. Jika sifat majmuk ini berjaya disatukan maka baharulah akan muncul kemenangan. Telahan kekalahan teruk PAS dalam PRU 14 ini juga telah disebut oleh beberapa pakar politik negara seperti Profesor Dr Muhd Agus Yusoff, Profesor Dato Dr Ridzuan Othman (IDE) dan Ben Sufian (Merdeka Centre). Sama-sama kita menanti sejauh manakah prestasi PAS selepas PRU 14 kelak.

SERUM

CONTENT:

- OLIVE OIL, AVOCADO OIL, ROSEHIP SEED OIL, ARGAN OIL, VITAMIN E OIL, VIRGIN COCONUT OIL, SWEET ALMOND OIL, GRAPE SEED OIL, CASTOR OIL, JOJOBA OIL

-20% Sale

Discount

DR. OLIVE BODY CARE

NATURAL . SAFE . EFFECTIVE

+60 13 754 9335

www.droleibodycare.wixsite.com/droleibodycare

Umno takut Anwar, Tun M bergabung

Oleh HUSIN MAHAT

KUALA LUMPUR: Bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hairan dengan sikap para pemimpin Umno yang khuatir dengan jalinan kerjasama beliau dan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Saya tidak tahu mengapa pimpinan Umno menganggap kerjasama saya dan Tun Mahathir sebagai satu perkara yang janggal kerana kami telah bermusuhan begitu lama."

"Pernah saya jelaskan bahawa kesediaan Tun Mahathir menjalin persahabatan telah saya terima dengan baik dengan semangat bersilaturrahim."

"Saya musyik mengapa Umno begitu takut dengan gabungan Tun Mahathir dan Anwar," ujarnya



Anwar menyapa mesra Tun Mahathir ketika bertemu di mahkamah tahun lalu.

dalam satu kenyataan media.

Setelah menjadi seteru politik lebih satu setengah dekad, Tun Ma-

hathir yang memecat Anwar dari jawatan timbalan perdana menteri pada 1998 kembali menjalankan

“Pernah saya jelaskan bahawa kesediaan Tun Mahathir menjalin persahabatan telah saya terima dengan baik dengan semangat bersilaturrahim.

persahabatan dengan Anwar.

Tun Mahathir bertemu Anwar beberapa kali di mahkamah membawa kepada pertautan kembali hubungan antara dua tokoh negara itu.

Anwar yang kini menjalani hukuman penjara dipilih sebagai ketua umum Pakatan Harapan (PH) yang menggabungkan Keadilan, DAP, AMANAH dan PPBM manakala Tun Mahathir dilantik sebagai penggerusi pakatan pembangkang itu.

Menurut Anwar, muafakat yang terjalin antara beliau dan Tun Mahathir bersandarkan tekad

bersama untuk menjana perubahan kerana negara kini menjadikan rasuah dan penyalahgunaan kuasa sebagai budaya.

"Skandal skala besar seperti 1MDB dan Felda cuba dilindungi. Maka hanya dengan perubahan kuasa, negara dapat dikemudi berdasarkan Perlumbagaan dan hukum," katanya.

PRU14, tambah Anwar adalah kesempatan terbaik bagi rakyat menentukan masa depan negara, menghentikan kezaliman dan membebaskan rakyat dari segala bentuk penindasan.

Akta antiberita palsu berkuatkuasa 12 April

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengumumkan pen- guatuasaan Akta Antiberita Tidak Benar bermula 12 April lalu selepas mendapat kelulusan Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V.

"Sukacita saya maklumkan sebentar tadi saya dimaklumkan menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa Akta Anti-Berita Tidak Benar 2018 telah menerima perkenan Agong dan diwartakan hari ini, 11 April," katanya di majlis sambutan Hari Wartawan Nasional 2017-2018.

Akta itu memperuntukkan hukuman pen-

jara sehingga 6 tahun dan denda RM500,000 jika sabit kesalahan.

"Berita tidak benar adalah musuh negara," kata beliau.

Dewan Negara meluluskan rang undang-undang itu 3 April lepas, dalam usaha kerajaan menangani penularan berita tidak benar.

Akta mentakrifkan berita tidak benar sebagai apa-apa berita, maklumat, data atau laporan yang sepenuh atau sebahagiannya tidak benar, sama ada dalam bentuk tulisan, visual, rakaman audio atau apa-apa bentuk lain yang berupaya mencadangkan per-

kataan atau idea.

Kerajaan berkata undang-undang sebelum ini tidak dapat mengawal penularan berita palsu secara berkesan berikut perkembangan teknologi maklumat.

Pengamal undang-undang bagaimanapun berkata RUU itu tidak menambah nilai kepada undang-undang sedia ada seperti Kanun Keseksian, Akta Hasutan 1948 dan Akta Fitnah 1957.

Selain itu, wujud isu untuk menentukan apakah yang benar kerana mahkamah tertakluk kepada keterangan yang ada sahaja.

Najib berkata pentadbirannya hari ini

tidak berhasrat menggunakan undang-undang itu untuk menyekat kritikan terhadap kerajaan, melihat kepada berbagai akhbar pro-pembangkang dan portal berita hari ini.

"Akhbar propembangkang seperti Harakah, Roketkini dan Watan masih diterbitkan tanpa halangan termasuk portal berita yang tidak mesra kerajaan masih beroperasi.

"Ini bermakna kerajaan beri kebebasan bersuara, ternyata berbeza dengan rekod pemimpin utama pembangkang yang da- hulunya pernah 22 tahun pernah memimpin negara," katanya dipetik FMT.

Usaha rakyat kongsi kereta balik mengundi dipuji

KUALA LUMPUR: Pengurus Pakatan Harapan (PH) Tun Dr Mahathir Mohamad melahirkan rasa gembira dan terima kasih kepada rakyat Malaysia yang perihatin untuk keluar mengundi pada 9 Mei depan.

Beliau berkata, keputusan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan hari pembuangan undi bagi pilihan raya umum ke-14 (PRU14) pada Rabu iaitu hari bekerja mendorong sebahagian rakyat negara ini untuk berkongsi kereta pulang mengundi di kampong masing-masing.

"Saya ingin menyatakan perasaan gembira kerana rakyat apabila diberitahu pengudian di buat pada hari bekerja mereka sudahpun membuat persediaan dengan mengadakan kereta yang boleh diguna oleh kawan-kawan yang lain supaya dapat keluar beramai-ramai mengundi..."

“Saya ingin menyatakan perasaan gembira kerana rakyat apabila diberitahu pengudian di buat pada hari bekerja mereka sudahpun membuat persediaan dengan mengadakan kereta yang boleh diguna oleh kawan-kawan yang lain supaya dapat keluar beramai-ramai mengundi..."

boleh diguna oleh kawan-kawan yang lain supaya dapat keluar beramai-ramai mengundi.

"Inilah semangat yang diperlukan oleh negara. Jika rakyat tidak tunjuk minat untuk mendirikan kerajaan, rakyat akan jadi mangsa kerana tidak buat sesuatu," ujarnya dalam video yang dimuat naik di laman facebook rasmi PPBM.

Pengerusi PPBM itu juga berharap rakyat dapat menyusun jadual perjalanan pada hari pengundi untuk memastikan mereka tidak terlepas peluang pada hari pembuangan undi.

"Saya harap semua susun jadual supaya pada hari mengundi seberapa ramai yang mungkin boleh keluar mengundi.



Tun Dr Mahathir Mohamad

Bagi PRU14 kali ini, 14,960,624 dicatatkan sebagai pemilih berdaftar.

PRU-14 melibatkan 222 kawasan Parlimen dan 505 kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) tidak termasuk Sarawak yang mengadakan Pilihan Raya Negeri pada 2017.

Hari Mengundi Awal pada 5 Mei 2018 (Sabtu) dan Hari Mengundi pada 9 Mei (Rabu).

Kerajaan mengistiharkan cuti kelepasan tambahan pada 9 Mei yang dibuat berdasarkan Seksyen 8 Akta Hari Kelepasan 1951 bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Bagi Sabah dan Sarawak, kerajaan negeri perlu mengisytiharkan hari kelepasan am tambahan pada tarikh tersebut mengikut Ordinan Hari Kelepasan Am masing-masing.

Rahsia cantik secara alami bersama Dr Olive Body Care

DR. OLIVE BODYCARE merupakan jenama yang telah dipilih untuk produk kami. Olive atau buah zaitun memang sudah terkenal penggunaannya didalam produk penjagaan diri. Olive itu sendiri melambangkan kesucian, kecantikan yang alami dan abadi. Pokok Olive memang menakjubkan. Ia dapat bertahan dalam cuaca yang ekstrim. Buah zaitun kaya dengan khasiat pemakanan hingga disebut namanya dalam Al-Quran. Kebetulan pula nama pengasas produk ini ialah Dr. Zaiton.

Kini sudah terdapat berbagai jenis dan jenama produk penjagaan diri di pasaran. Apa yang istimewanya produk Dr. Olive Bodycare ialah, ia merupakan produk yang homemade, tidak menggunakan bahan kimia yang membahayakan kesihatan, tiada pengawet, menggunakan bahan-bahan asli dan selamat. Pada masa yang sama kami telah menjalankan kajian terhadap khasiat herba-herba tradisional untuk digunakan dalam produk-produk kami.

Produk penjagaan diri komersil yang terdapat dipasaran mengandungi terlalu banyak bahan kimia dan pengawet yang membahayakan kesihatan. Walaupun Dr. Olive Bodycare setaraf dengan produk-produk seperti Bodyshop misalnya, namun harganya jauh lebih rendah dan mampu dimiliki oleh orang kebanyakkan. Matlamat kami ialah untuk membolehkan orang ramai menikmati kebaikan produk-produk yang menggunakan bahan-bahan alami, selamat dan berkesan. Dr. Olive Bodycare memberikan alternatif yang baik untuk menggantikan produk komersil yang sarat dengan kimia.

Produk-produk Dr. Olive Bodycare terdiri daripada berbagai jenis sabun muka dan badan, sabun syampu (shampoo bars), deodoran, sunscreen, bodyscrubs, berbagai serum, teh herba dan supplement seperti manjakani, biji betik dan pelansing.

Bahan-bahan utama dan asas yang digunakan dalam sabun muka dan badan ialah minyak kelapa, minyak zaitun, minyak kelapa sawit dan minyak castor. Campuran minyak-minyak mesra kulit (skin loving oils) ini membersihkan, melembutkan dan melembapkan kulit. Testimoni dari pengguna-pengguna sabun kami mengatakan mereka berpuas hati

dengan sabun-sabun kami kerana kulit terasa lembut dan lembab. Mereka tidak perlu lagi menyapu losyen badan selepas mandi kerana kulit tidak lagi kering.

Dalam kategori sabun, kami menyediakan sabun yogurt, sabun kopi, sabun kunyit, sabun kulit kayu manis, sabun moringga, sabun bidara, sabun manjakani, sabun chamomile, sabun charcoal dan Kaolin Clay, sabun propolis, sabun gelenggang dan sabun Loofah.

Setiap sabun mempunyai keistimewaananya sendiri.

Rambut kita berbeza-beza dan penjaanya tentu sajalah berbeza. Kami menyediakan sabun syampu untuk rambut kering, rambut berkelimumur dan rambut berminyak. Sebagai bahan aktif kami menggunakan minyak avocado, amla, aloe vera, pudina, badam dan bijan untuk sabun shampu yang berbeza. Sabun syampu tidak mengandungi cecair dan boleh disimpan dalam beg cabin apabila menaiki kapal terbang. Ia tahan 2 kali lebih lama dari syampu biasa.

Satu lagi produk yang laris ialah deodoran. Kita semua pakai deodoran setiap hari sejak dari umur kita 12 tahun lagi sehingga sekarang. Deodoran yang biasa dibeli dari supermarket dan farmasi mengandungi banyak kimia. Ada yang boleh menyebabkan kanser. Tidak hairanlah kenapa ketiak kita sudah berwarna gelap. Deodoran dari Dr. Olive Bodycare mampu memberi perlindungan sepanjang hari dan daam masa 2 minggu sahaja ia boleh memutihkan semula ketiak hitam. Apa lagi, jom bertukar kepada Dr.Olive Bodycare Deodorant.

Selain daripada produk-produk diatas, kami menyediakan beberapa jenis serum; serum anti penuaan, serum parut, serum clear-skin, serum mata hitam (dark-circle eye serum) dan serum untuk memanjangkan bulu mata. Yang paling popular ialah serum anti penuaan yang membantu mengecilkan pori-pori, menghilangkan kedutan kuit halus dan melembabkan kulit muka. Kami menerima maklumbalas yang sangat positif dari pengguna-pengguna serum ini. Kesannya boleh dilihat seawal 2

minggu selepas penggunaan.

Di keluaran akan datang, kami akan menulis lagi tentang kegunaan produk-produk Dr. Olive Bodycare. Sehingga di lain siaran, jaga diri baik baik dan jom bertukar kepada produk Dr.Olive Bodycare yang alami, selamat dan berkesan.

Sekian sahaja perkongsian dari kami untuk kali ini. Semoga apa yang telah kami kongsikan ini memberi manfaat kepada semua. Sekiranya anda ingin mengemukakan soalan mengenai produk ini, sila email atau whatsapp kepada nombor yang tertera dalam iklan. InsyaAllah, akan kami perjelaskan dengan sebaik mungkin.

Soalan-soalan ini akan membantu kami menyediakan ruangan FAQ bagi produk Dr. Olive Bodycare.

Salam hormat dan jaga diri baik-baik.

Dr. Olive

**Untuk maklumat lanjut sila layari
www.wix.com/drolivebodycare**

HANDMADE
NO HARMFUL CHEMICALS
PARABEN FREE
HALAL

Natural Safe Effective

DR. OLIVE BODY CARE

OTHER PRODUCTS:
SOAP
BODYSCRUBS
SERUMS
DEODORANT
SUNSCREEN
TEA
SUPPLEMENTS

SABUN MANJAKANI
KAPSUL MANJAKANI

Contact Info:
TEL: +6013 754 9335
EMAIL: drolivebodycare@gmail.com
WEBSITE: www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare

Kita lawan kerana BN tidak peduli

PILIHAN raya umum 2018 bukan sekadar pertandingan di antara Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN). Ia juga bukan perlawanan di antara Tun Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Najib Razak. Dan tentunya ia bukan soal saya bertanding melawan Datuk Seri Wee Ka Siong di Ayer Hitam.

Yang lebih penting dalam PRU ke-14 ini adalah rakyat Malaysia pelbagai kaum dan agama bersatu hati, berganding bahu melawan kerajaan Najib dan BN. Kita bangun menentang salah urus tadbir, keangkuhan kuasa dan kleptorasi kerana semua ini memberi kesan buruk kepada rakyat dan negara.

Sejak PRU 2013, masalah mula timbul dengan pelaksanaan GST pada 1 April 2015, kejatuhan nilai ringgit sejak Oktober 2014 dan pemansuhan subsidi secara berterusan. Ia telah menyebabkan harga barang meningkat.

Pendapatan boleh-guna rakyat terjejas dan ia memburukkan sektor kegunaan domestik. Ini bermakna bil bulanan yang kita bayar semakin bertambah. Kos sara hidup meningkat sedangkan gaji dan pendapatan kita masih di takuk lama.

Golongan pelajar dan mahasiswa tertekan manakala ibu bapa mereka menderita ter-

paksa membanting tulang mencari pendapatan tambahan. Ini bermakna pendidikan tinggi di Malaysia sudah menjadi satu kemewahan yang tidak mampu dinikmati semua rakyat Malaysia.

Dalam keadaan ini, apa yang kerajaan Najib lakukan?

Kerajaan BN bersikap angkuh dan tidak peduli. Najib tidak memahami kehidupan rakyat biasa dan tidak bersedia mengakui bahawa pengurusan ekonominya gagal memenuhi keperluan rakyat Malaysia.

Apabila rakyat membangkitkan masalah mereka, rakyat pula dipersalahkan. Mereka dituduh malas atau tidak pandai mencari peluang. Inilah keangkuhan kuasa BN.

Apabila ekonomi Malaysia muram, rakyat terpaksa berhijrah mencari kerja. Dalam masa tidak sampai lima tahun kebelakangan ini, jumlah rakyat Malaysia yang setiap hari berulang-alik ke Singapura melalui Tambak Johor meningkat daripada 200,000 kepada 300,000. Kebanyakan mereka terpaksa bekerja di sektor sukar, kotor, dan bahaya yang bergaji rendah.

Malah ada juga rakyat Malaysia yang terpaksa bekerja secara haram di United Kingdom, New Zealand, Australia dan Korea Selatan.

Semua ini berlaku kerana pentadbiran Najib tidak menepati janji-janjinya pada PRU13. Sebaliknya, skandal mega 1MDB serta Felda dan Mara menyebabkan beban kewangan negara teruk terjejas. Semua ini membebankan rakyat.

Saya amat memahami masalah tekanan ekonomi. Ibu bapa saya datang dari kawasan perumahan paling miskin di Kuala Lumpur. Rumah kami terletak di kawasan perkuburan di Sungai Besi.

Ayah saya melibatkan diri dalam beberapa perniagaan kecil tetapi malang datang menimpa-nimpa sehingga dia pernah hilangkan semua wang simpanannya akibat krisis ekonomi.

Ibu saya pula bekerja sebagai kerani yang terpaksa berhenti untuk menjaga anak selepas adik saya dilahirkan. Dia turut menjual tiket loteri untuk menyara keluarga.

Oleh itu, saya marah dengan segelintir golongan elit, termasuk pemimpin kerajaan, yang menganggap sesiapa yang tidak berjaya dalam perniagaan sebagai orang yang kurang cerdik atau pemalas.

Golongan mewah ini lupa bahawa setiap kali krisis ekonomi terjadi, termasuk akibat daripada salah urus kerajaan, golongan yang paling bawahlah yang akan merasai



**PENDAPAT
LIEW CHIN TONG**

kesan paling buruk.

Oleh kerana pentadbiran Najib dan kerajaan BN telah gagal menangani semua masalah ini – semuanya ditimbulkan oleh mereka sendiri – masanya tiba untuk kita membuat perubahan.

Inilah sebabnya mengapa kita semua melawan BN. Ia bukan sekadar Pakatan Harapan melawan BN, ia adalah perjuangan semua rakyat Malaysia melawan pentadbiran Najib dan BN.

■ **Liew Chin Tong ialah calon Pakatan Harapan bagi Parlimen Ayer Hitam merangkap Pengarah Pendidikan Politik DAP Kebangsaan.**

Tuduhan 'DAP penajah' hina minda rakyat Johor

DAP membantah dan mengutuk kenyataan Menteri Besar Kerajaan Sementara Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin yang berbaur perkauman, menimbulkan kebencian dan bersifat berita tidak benar, apabila menuduh DAP sebagai penajah baru.

Beliau dilaporkan membuat fitnah itu di hadapan pemberita sewaktu merasmikan Pusat Dialisis Perbadanan Islam Johor dan Pelancaran Skim Pinjaman Usahawan Tabung Wakaf Rakyat Johor di Baru Pahat, 16 April lalu.

Menurut laporan Bernama, Khaled menuduh DAP berpura-pura baik untuk merampas kuasa Melayu dan cuba mencampuri urusan agama Islam seperti yang pernah dilakukan oleh penajah British dahulu.

Saya ingin mengingatkan Khaled bahawa sejarah Malaysia adalah kisah perjuangan rakyat pelbagai kaum menentang penajah untuk memerdekaan negara daripada cengkaman pihak asing. Ya, semua kaum bangkit melawan penajah.

Oleh itu, bukan sahaja tidak masuk akal tetapi juga biadab untuk beliau menyamakan DAP dengan penajah.

Kenyataannya juga menghina minda



**PENDAPAT
WONG SHU QI**

warga Johor, terutamanya orang Melayu, seolah-olah mereka tidak cerdik dan akan mudah percaya apa sahaja yang dikatakan oleh pemimpin UMNO seperti beliau.

Mungkin Khaled lupa bahawa tokoh Johor, Datuk Onn Jaafar, merupakan wira Melayu menentang penajah yang sudi bekerjasama dengan semua kaum. Sedangkan Khaled masih berperangai seperti 'pencacai Umno' yang mencipta fitnah baru terhadap DAP.

Sebenarnya, kita tahu Khaled, Umno dan BN semakin panik apabila melihat gelombang kebangkitan orang Melayu menentang Datuk Seri Najib Razak dan kroni-



kroninya, yang menjerumuskan negara dalam krisis ekonomi dan perpecahan rakyat.

Pemimpin Umno-BN juga sedar DAP kini bersama dengan Tun Dr Mahathir Mohamad, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan ramai lagi tokoh Melayu dalam Pakatan Harapan.

Fitnah 'penajah' mencerminkan betapa

takutnya Khaled setelah sedar rakyat sedang berubah arah untuk menyokong Pakatan Harapan. Semoga Khaled sedar hakikat ini, dan berhenti daripada bermain politik kotor seperti menyebarkan fitnah dan mengapi-apikan sentimen perkauman.

■ **Wong Shu Qi ialah Calon Pakatan Harapan bagi Parlimen Kluang merangkap Setiausaha Publisiti DAP Johor.**

Semua parti PH berkurban demi rakyat

Oleh ARIF ATAN

KUALA LUMPUR: Pengorbanan keempat-empat parti di bawah gabungan Pakatan Harapan (PH) memberi peluang tinggi buat blok pesing BN itu untuk mencapai kemenangan pada pilihan raya umum ini, kata Pengarah Komunikasi AMANAH Khalid Samad.

Beliau juga yakin kesediaan kesemua komponen parti dalam PH mengorban kan kepentingan sendiri akan dinilai oleh rakyat dalam PRU14 ini yang dianggapnya sebagai luar biasa.


"Pilihan raya kali ini luar biasa. Peluang Pakatan Harapan mencapai kemenangan adalah amat tinggi kerana setiap anggota parti dalam Pakatan Harapan masing-masing melakukan pengorbanan."

"Bukan satu, dua (parti) tetapi semua berkurban dan pengorbanan PH ini amat jelas dapat dilihat dan dinilai oleh seluruh pengundi," katanya dalam program Fokus yang disiar secara langsung di Oren TV, 11 April lalu.

Paling terbaru jelasnya, DAP sanggup tidak menggunakan logo parti berlambang roket demi menjamin imej Pakatan Harapan yang padu dan utuh.

"Mereka sanggup tidak menggunakan lambang roket yang cukup dikenali rakyat dan telah mereka gunakan kira-kira 60 tahun."

"Jadi, tidak ada sebab mana-mana pengundi berasa risau sekiranya Pak-



Khalid Samad

tan Harapan akan berbalah apabila menang nanti," tegasnya.

Menurut beliau, DAP terbukti melakuk an pengorbanan besar untuk menggunakan logo Keadilan pada PRU kali ini walaupun bertanding di kawasan yang jika diikutkan tidak perlu pun menggunakan lambang parti lain.

Pada masa sama, jelasnya Keadilan juga terlebih awal melakukan pengorbanan walaupun lambang parti mereka digunakan oleh semua parti termasuk DAP.

"Hakikatnya pemimpin dan pengikut tegar mereka sejak Reformasi lagi ter-

lebih dahulu telah melakukan pengorbanan apabila bersetuju menerima Tun Dr Mahathir sebagai Pengerusi Pakatan Harapan dan bakal Perdana Menteri jika Pakatan Harapan memenangi cukup kerusi untuk ke Putrajaya.

"Keadilan sanggup mengetepikan perasaan marah, dendam, benci dan melupakan perkara lalu yang pahit dan menyayat hati bagi menentukan gabungan PH bersatu dan bersama menghasilkan cabaran cukup berkesan terhadap Najib dan BN."

"Tun Mahathir pun ada menyebutkan hal ini dalam Konvensyen Pakatan Harapan di Shah Alam lalu," ujarnya.

Bahkan, Khalid berpandangan PPBM juga telah berkurban apabila membentuk parti baharu selepas keluar dari Umno biarpun ada yang sudah puluhan tahun berada di dalamnya serta mendapat kuasa dalam kerajaan.

"Mereka yang daripada parti pemerintah keluar dari Umno hingga terpaksa menempuh ranjau penuh liku untuk membina Bersatu dan menarik sokongan daripada Umno bagi menjatuhkan Najib dan BN pada PRU kali ini."

"Ia bukan satu perkara yang mudah, lebih-lebih lagi seorang yang menjadi Perdana Menteri untuk 22 tahun tetapi kemudiannya datang duduk semeja dengan mereka yang pernah menjadi lawannya dahulu."

"Lanya satu pengorbanan, datang ber-

damping dengan orang yang pernah menjadi musuh dan memohon kerjasama dalam usaha menjatuhkan BN dan Najib," hujahnya.

Begitu juga AMANAH, jelasnya, turut melakukan pengorbanan besar apabila memutuskan untuk keluar dari Pas meskipun ada yang bersama parti berlogo bulan itu sejak zaman remaja lagi.

"Ada yang berpuluh tahun membina Pas, akhirnya keluar tubuhkan AMANAH sebagai parti baru."

"Sehingga kami berdepan pelbagai ancaman, gelaran menghina, dimaki, solat hajat dan doa laknat oleh agama-wan yang sepatutnya menzahirkan akhlak jauh lebih mulia seperti ditunjukkan oleh Rasullullah," ujarnya.

Sehubungan itu, Khalid menyifatkan semua bentuk pengorbanan oleh keempat-empat parti dalam PH itu hanya bagi memastikan hasrat rakyat untuk melihat perubahan tercapai.

"Insya Allah, rakyat akan dibebaskan daripada dibelenggu oleh BN. Keempat-empat parti berkurban demi menjamin kemenangan rakyat."

"Rakyat sekarang jelas ditindas dan Umno-BN hanya ingin memaksa kepimpinan mereka ke atas rakyat dengan sedaya upaya menggunakan tipu helah dan salah guna kuasa bagi memastikan mereka tetap akan memerintah walau pun rakyat sudah tidak mahu," tegasnya lagi.

Memo desak KPN ekstradisi Jho Low

KUALA LUMPUR: Sekretariat Anak Muda Cari Jho Low (AMCJL) 12 April lalu menghantar memorandum kepada Ketua Polis Negara Tan Sri Fuzi Harun di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan menyeru rakyat membuat petisyen untuk mendesak Jho Taek Low @ Jho Low disiasat pihak berkuasa negara.

Serahan memorandum itu bertujuan menuntut pihak polis bekerjasama dengan kerajaan di seluruh dunia bagi membolehkan lelaki paling dikehendaki itu diekstradisi ke negara ini susulan pembabitannya dalam skandal 1 Malaysia Development Berhad (1MDB).

Jurucakap AMCJL Shazni Munir Mohd Ithnin yang juga naib ketua Pemuda AMANAH berkata, sudah tiba masanya pihak berkuasa Malaysia terutama ketua polis negara memandang serius mengenai skandal 1MDB.

"Kes 1MDB ini mencemarkan nama baik negara kerana media antarabangsa memperlekehkan kredibiliti penguatkuasaan negara ini kerana gagal menyelesaikan isu ini secara

tuntas.

"Isu ini bukan sekadar isu politik tetapi dari sudut kredibiliti negara, skandal 1MDB ini menyebabkan Malaysia menerima cemuhan antarabangsa," ujarnya dalam sidang media selepas menyerahkan memorandum.

Memorandum itu diterima pegawai polis Bukit Aman, DSP Norsuzila Kamaruddin.

Menjawab pertanyaan media, Mohd Shazni berkata, desakan perlu disebarluaskan kepada rakyat dan bukan sahaja membabitkan parti politik atau pertubuhan bukan kerajaan seperti AMCJL.

Justeru beliau mencadangkan agar satu petisyen dilaksanakan oleh rakyat bagi mendesak pihak berkuasa mengambil serius isu berkaitan 1MDB dan Jho Low yang membabitkan individu yang digelar 'Malaysian Official No 1' (MO1) oleh Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ).

"Kita akan terus berkomunikasi dengan pihak polis, dari semasa ke semasa untuk tahu progres memorandum ini. Kita fahami kekangan yang



Shazni bercakap kepada pemberita selepas menyerahkan memorandum kepada ketua polis negara di Bukit Aman.

ada. Sebagai warganegara kita berhak menyuarakan pandangan.

"Saya minta anak muda dan orang ramai jika boleh adakan petisyen secara bebas mendesak Jho Low di bawa ke muka pengadilan. Dengan membawa

Jho Low ke muka pengadilan kita akan tahu sejauh mana terkaitnya MO1 dalam skandal 1MDB, sejauh mana kebertanggungjawaban kabinet dalam isu ini," ujarnya.

Undi pos meragukan, boleh dimanipulasi

KUALA LUMPUR: Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Tun Dr Mahathir Mohamad meragui sistem undi pos yang dilaksanakan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) kerana ia terdedah kepada manipulasi dan penipuan.

"Pengundi boleh undi di rumah dan hantar undinya kepada SPR. Tidak ada 'polling agent' parti pembangkang mengawasi pengundi atau sesiapa lain semasa mengundi."

"Parti lawan tidak dapat mengetahui siapa yang mengundi, ke mana undi itu dihantar, siapa yang menyimpannya, di mana peti undi (jika ada) disimpan."

"Pengundi pos juga disenarai dalam senarai pengundi biasa dan boleh mengundi secara biasa. Besar kemungkinan pengundi undi dua kali," tulis beliau di laman blognya chedet.cc, 11 April lalu.

Beliau juga khuatir jika undi bukan lagi suatu rahsia menjadikan pengundi terdedah kepada ugutan.

Dr Mahathir mengulas laporan majalah mingguan The Economist yang melaporkan kemungkinan proses pilihan raya negara ini akan dimanipulasi bagi membolehkan BN yang dipimpin Datuk Seri Najib Razak terus

berkuasa.

Presiden PH itu menambah, proses PRU14 akan dipenuhi dengan aneka jenis penipuan sehingga menarik perhatian media antarabangsa seperti The Economist untuk membuat laporan awal.

Namun ujar beliau, penipuan itu boleh dibantutkan sekiranya 85% pengundi keluar mengundi dalam tiap-tiap kawasan pilihan raya.

"Dan sekarang hari mengundi ditetapkan pada hari Rabu, hari bekerja. Ini satu lagi cara Najib untuk sekat rakyat dari mengundi."

"Semasa saya jadi PM pernah hari mengundi ditentukan pada hari Isnin. Tetapi diberi cuti pada hari itu."

"Jangan takut. Undi biasa di tempat mengundi adalah rahsia. Jika kelebihan mengatasi 10,000 bagi PH, undi pos tidak akan mencukupi untuk disumbat ke dalam peti undi," katanya.

Menyentuh hal sogokan PRU, beliau menerangkan pengundi mengambil wang dan hadiah yang diberi kerana ianya datang dari wang pengundi sebagai rakyat.

"Pengundi tidak perlu terima kasih kepada Najib atau mengundi BN."

"Jika disuruh bersumpah, bersumpahlah.

Tetapi buat niat lain - niat untuk menolong PH. Niat lebih diterima dari sumpah paksa yang dilafaz," ujarnya.

Dalam perkembangan berkaitan, pemantau pilihan raya Bersih 2.0 mempertikaikan penambahan 9 kategori pengundi pos dan menuduh pihak berkuasa mewartakan kategori-kategori itu secara sulit tahun lalu tanpa mewajarkan mengapa mereka layak mengundi dari jauh.

Bersih berkata langkah terbaru Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) itu satu langkah ke belakang dari sasaran memansuhkan undi pos dan mengantikannya dengan pengundian awal sehari sebelum hari pengundi.

"SPR tidak mempunyai alasan untuk memperluaskan undi pos kepada kategori-kategori di atas yang amat besar dan tidak berasas," kata Bersih dalam kenyataan 21 Feb.

SPR pada 19 Feb mengumumkan sudah bersedia untuk menerima permohonan daripada penjawat awam yang mahu mengundi secara pos jika majikan mengesahkan mereka perlu bertugas pada hari pengundi.

Pengerusi SPR Tan Sri Mohd Hashim Abdullah berkata selain kakitangan SPR, polis dan tentera, 9 lagi kategori penjawat

awam boleh memohon untuk menjadi pengundi pos.

Kategori itu termasuk anggota Agensi Penguatan Maritim Malaysia; Jabatan Penjara; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; anggota dan petugas hospital serta klinik kerajaan; sukarelawan polis; Angkatan Pertahanan Awam Malaysia; Jabatan Imigresen; Agensi Pengurusan Bencana Negara dan Jabatan Pendaftaran Negara yang bertugas di Pusat Transformasi Bandar (UTC).

Bersih berkata membésarkan kategori pengundi pos adalah 'bermasalah' dan melanggar prinsip hak mengundi, keselamatan undi, integriti pilihan raya dan proses demokrasi.

Pemantau itu juga berkata tiada garis panduan yang jelas tentang identiti 'majikan' bagi pengundi pos.

"Lebih membimbangkan adalah permohonan pengundi pos dalam negara telah dibuka sebelum tarikh sebenar pilihan raya dimaklumkan."

"Bagaimana penjawat awam boleh membuat permohonan undi pos tanpa mengetahui bahawa mereka sememangnya bertugas pada hari mengundi?" katanya.

Nik Omar tak bertanding kerana hormati ibu

KUALA LUMPUR: Anak kedua bekas menteri besar Kelantan Tuan Guru Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat tidak akan menyertai politik atau bertanding pada pilihan raya umum kerana tidak mendapat keizinan ibunya.

Sinar Harian memetik Nik Omar Nik Abdul Aziz, yang berkata keputusan itu kerana ibunya Datin Tuan Sabariah Tuan Ishak tidak membenarkan beliau menyertai politik.

"Semua bergantung

kepada bonda, selagi bonda tidak izin, bonda minta tidak terlibat, kita kena terima. Bonda melihat mungkin kerana berlaku pertembungan.

"Bila ditanya kenapa bonda? Saya nak tunjuk apa jua yang kita lakukan pentingnya mendapat keizinan dan restu ibu," katanya.

Nik Omar juga menafikan dakwaan beliau akan menyertai AMANAH dan bertanding di Chempaka, kerusi arwah bapanya.



Nik Omar Nik Abdul Aziz

"Setakat ini tidak akan

menyertai AMANAH dan bertanding," katanya.

Nama Nik Omar disebut-sebut apabila Pengerusi AMANAH Kelantan Wan Abdul Rahim Wan Abdullah berkata pihaknya sedang berunding dengan Nik Omar untuk membawanya menyertai AMANAH.

Sebelum ini, Presiden AMANAH Mohamad Sabu berkata Nik Omar belum disahkan secara rasmi bertanding mewakili parti itu dalam PRU14.

Tempoh singkat kempen PRU mengecewakan

KUALA LUMPUR: Bekas Pengerusi Bersih 2.0 Maria Chin Abdullah kesal kerana tempoh berkempen yang diumumkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi pilihan raya umum ke-14 (PRU14) hanyalah 11 hari dan menggapnya tidak mencukupi untuk kerja kempen.

"Saya hampa dengan tempoh singkat berkempen yang telah diumumkan oleh SPR iaitu sebanyak 11 hari."

"Tempoh berkempen semasa PRU13 ialah 15 hari dan hari pengundian pula jatuh pada hujung minggu."

"Kali ini, hari pengundian 9 Mei jatuh pada hari berkerja. Ini menimbulkan satu masalah kepada sesiapa yang ingin mengambil hari cuti untuk perjalanan pulang ke kampung," ujarnya dalam satu kenyataan.

Kata beliau lagi, kebanyakannya kaki-tangan awam digolongkan sebagai pengundi awal dan mereka mempunyai satu kelebihan berbanding pengundi biasa.

"Dengan memilih 9 Mei hari mengundi memperlihatkan niat sebenar SPR untuk melucutkan hak mengundi

pemilih dan mengurangkan peluang untuk pengundi dari luar negara terutamanya dari Singapura, Brunei, Thailand dan Filipina," ujar Maria yang bakal bertanding atas tiket PKR.

Pengerusi SPR Tan Sri Mohd Hashim Abdullah mengumumkan hari penamaan calon pada 28 April, hari mengundi awal pada 5 Mei 2018 dan hari pengundian pada 9 Mei 2018.

Seramai 14,636,716 orang adalah pemilih biasa diikuti pemilih awal (300,255 orang) dan Pengundi Tidak Hadir Luar Negara (3,653 orang).

PH akan umum calon PRU14 pada 25 April

BUTTERWORTH: Calon-calon Pakatan Harapan (PH) bagi pilihan raya umum ke-14 (PRU14) akan diumumkan selepas mesyuarat kepimpinan pada 25 April ini di Kuala Lumpur.

Presiden PH Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata mesyuarat itu akan turut dihadiri semua calon yang akan bertanding pada PRU berkenaan.

"Saya masih meneliti ciri-ciri dan teknikaliti calon yang akan bertanding pada PRU14. Saya seorang yang sign (tanda tangan) untuk semua calon, jadi mereka harus hadir untuk mendengar taklimat pada 25 April nanti."

"Saya dan Pengerusi PH Tun Dr Mahathir Mohamad akan memberi amanat terakhir sebelum mereka diumumkan sebagai calon PRU14," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Penyerahan Bantuan Kerajaan Negeri bersama Ketua Menteri Lim Guan Eng lapor FMT.

Ditanya tentang keengganan penyandang kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) Penanti Dr Norlela Ariffin untuk bertanding di Selangor, Wan Azizah berkata perkara itu belum diputuskan.

"Kami ada jawatankuasa saringan untuk menentukan siapa yang sesuai bertanding, kami belum menentukan lagi. Tunggu sampai mesyuarat pada 25 April nanti," katanya.

Beliau juga berkata calon-calon PH tidak akan menjalani saringan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) seperti yang dilakukan oleh BN.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 28 April sebagai tarikh penamaan calon, 5 Mei untuk pengundian awal dan 9 Mei sebagai hari pengundi untuk PRU14.

Pekerja, majikan berang SPR pilih Rabu

Oleh ARIF ATAN

KUALA LUMPUR: Keputusan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memilih Rabu, 9 Mei sebagai hari mengundi mengundang kemarahan orang ramai kerana menyukarkan pelbagai urusan.

Kewajaran Pengerusi SPR, Tan Sri Mohd Hashim Abdullah memilih tarikh itu juga gagal dijelaskan apabila tidak melayan soalan pemberita pada sidang media, 10 April lalu.

Golongan pekerja di perantauan seperti pengundi di Kelantan yang mencari nafkah di Lembah Kelang serta kira-kira 300,000 rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura adalah segmen pengundi paling teruk terkesan.

Malah, pengundi yang bekerja dan tinggal di kawasan Lembah Kelang turut berang memandangkan terpaksa membuang masa menempuh kesesakan lalu lintas untuk pergi dan pulang dari pusat membuang undi.

Hari buang undi pada PRU 1999 yang jatuh pada Isnin diisyihar sebagai cuti umum.

Banyak pihak menyalur keputusan SPR yang sebelum ini dilihat bersekongkol dengan BN dengan

menganggap peruntukan pengendalian PRU-14 yang mencecah RM500 juta tidak berbaloi dalam memudahkan pengundi menunaikan tanggung jawab.

Walaupun pada era pentadbiran Tun Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri, Pilihan Raya Umum (PRU) pernah berlangsung pada hari bekerja tetapi situasinya adalah berbeza.

Pada PRU 1982, pemilih membuat undi pada 22 April iaitu Khamis ketika cuti umum kebanyakan negeri pada masa itu pada Jumaat dan Sabtu.

Pola sosio-ekonomi masyarakat awal tahun 80-an itu juga menyaksikan sebahagian besar pengundi masih bekerja di sekitar kawasan penempatan masing-masing selain tinggal di kawasan luar bandar.

Seterusnya, bagi PRU 1995 dan 1999 pula, kedua-dua hari membuang undi pada penggal itu diisyiharkan sebagai cuti umum.

Semakan mendapati pada PRU 1995, Mahathir mengumumkan 25 April yang jatuh pada hari Selasa sebagai cuti umum bagi membolehkan rakyat membuang undi.

Cuti umum juga diisyihar pada 29 November 1999 dalam PRU ke-10. Pemilihan Isnin sebagai hari membuang

undi ketika itu bagaimanapun dilihat memberi peluang terhadap kumpulan di saat-saat akhir memandangkan bertutan dengan Sabtu dan Ahad.

Akibat kedegilan memilih tarikh pertengahan minggu sebagai hari membuang undi, sebahagian besar pemilih tidak mempunyai banyak pilihan termasuk terpaksa mengambil cuti tanpa gaji.

Jika keluar mengundi kemudian masuk bekerja semula pun, banyak pihak melihat itu tidak menyumbang pada produktiviti kerja apabila mengambil kira faktor jarak dan masa bagi perjalanan antara pusat membuang undi dan tempat kerja.

Seramai 14,940,624 pemilih layak mengundi pada PRU-14 yang buat pertama kali dalam sejarah pilihan raya menyaksikan istilah kleptokrasi dikaitkan dengan pemimpin tertinggi BN.

Daripada jumlah itu, 14,636,716 adalah pengundi biasa manakala 300,255 pemilih awal akan membuang undi pada 5 Mei.

Selain itu, terdapat 3,653 pengundi luar negara turut menentukan pembentukan kerajaan pada penggal ke-15 akan datang.

Pemuda Umno WP dicabar lapor polis

KUALA LUMPUR: Ketua Pemuda Umno Wilayah Persekutuan Mohd Razlan Muhammad Rafi dicabar membuat laporan polis berhubung tindakan sebuah syarikat yang menawarkan RM300 kepada pemilik kereta yang memasang pelekat BN.

Ahli Parlimen Segambut Lim Lip Eng mempersoalkan sikap pemurah syarikat berkenaan dan adakah pemilik syarikat tersebut mempunyai apa-apa kepentingan dengan BN.

Malah Lip Eng sanggup menemankan Razlan ke syarikat tersebut bersama pihak media bagi membersihkan nama Pemuda Umno Wilayah Persekutuan (WP).

"Polis juga boleh dijemput sama bagi memastikan mereka juga membuat siasatan dan mendakwa pihak terbabit kerana mencemarkan nama baik BN WP.

"Jika Razlan gagal berbuat seperti yang saya cadangkan, ketua BN WP Tengku Adnan Mansor perlu juga berbuat sesuatu untuk membersihkan nama sayap pemuda dan BN daripada dicemari," kata peguam DAP itu.

Menurut Lip Eng lagi, terdapat banyak alasan untuk polis segera menyiasat sumber dana tersebut kerana orang ramai akan dengan mudah membuat spekulasi bawa ia datang daripada 1MDB atau Jho Low.

Tambah beliau, jika wang berkenaan datang dari BN, orang ramai perlu tahu berapa banyak BN berbelanja dalam pilihan raya ini.

"Razlan tidak boleh hanya membuat penafian terbuka tanpa menghentikan pihak terbabit menyalahgunakan nama BN.

"Sementara itu, saya menggesa orang ramai untuk turut membuat laporan polis terhadap sesiapa sahaja yang menawarkan wang untuk menampal logo parti pada kenderaan mereka," katanya.

Najib perlu jelaskan isu penswastaan tanah ATM

KUALA LUMPUR: Persatuan Patriot Kebangsaan (Patriot) mahu Perdana Menteri memberi penjelasan berhubung pendedahan bekas Menteri Perdagangan Antarabangsa Tan Sri Rafidah Aziz tentang tanah milik Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang telah diswastakan.

Presidennya Brig Gen (B) Datuk Mohamed Arshad Raji berkata, lebih 300,000 veteran dan 150,000 anggota tentera yang sedang berkhidmat terkejut dengan pendedahan itu.

"Banyak soalan yang berlekar di benak terutamanya berkaitan dengan penutupan semasa Pangkalan Tentera Udara Sg Besi yang memalukan dan pemindahan kembang tentera lama yang mempunyai nilai komersial tinggi ke kawasan-kawasan terpencil di seluruh negara," kata beliau dalam satu kenyataan media. Jelas Mohamed Arshad,

penswastaan dan mengkomersialkan bidang-bidang tanah berharga dan strategik milik tentera adalah perkara serius.

"Ia tidak boleh dan tidak seharusnya diputuskan oleh seorang menteri kabinet, tanpa perdebatan di parlimen dan tanpa pengetahuan rakyat jelata.

"Di atas segala-segalanya, pandangan setiap warga ATM adalah sangat penting tetapi tidak di diminta. Veteran yang pernah berkhidmat di kembang tentera juga melampirkan nilai sentimental yang tinggi, dan suara mereka juga seharusnya didengar," kata beliau.

Katanya lagi, memandangkan isu ini dianggap serius, Patriot menuntut jawapan segera Datuk Seri Najib Razak terhadap tiga persoalan utama iaitu, apakah yang berlaku terhadap cadangan

tersebut dalam masa 10 tahun ini (2008 hingga 2018).

Perdana menteri juga perlu menjelaskan sama ada kesemua 40,000 hektar tanah Kementerian Pertahanan (Kementah) telah diswastakan dan syarikat manakah yang mendapat durian runtuh itu juga para pemiliknya.

Tambah beliau, semua tanah milik Kementah dan angkatan tentera terletak di lokasi strategik di seluruh negara.

"Selain nilai komersial, sebarang penempatan semula pangkalan tentera akan mempunyai implikasi strategik, keselamatan, dan pertahanan yang serius.

"Di samping itu, pemindahan ke kawasan terpencil akan menyebabkan banyak ketidaksesuaian kepada warga pakaian seragam dan keluarga mereka.

"Patriot menunggu jawapan soalan-soalan ini," tegasnya.

Isa Samad masih dicalon Umno

KUALA LUMPUR: Bekas Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd Isa Samad antara nama yang disenarai pendek untuk bertanding pada pilihan raya umum ke-14 (PRU14).

Pengerusi BN Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan mengesahkan hal tersebut tetapi memberitahu bukan dirinya yang menyenaraikan nama Ketua Umno Bahagian Teluk Kemang itu.

Beliau berkata, Isa dicadangkan oleh bahagiannya untuk dipertimbangkan bertanding namun pucuk pimpinan parti yang akan memukadmkannya.

Menurutnya pada sidang media selepas Majlis Pecah Tanah Bangunan Baru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Ulu Kanchong di Seremban, 11 April lalu, senarai calon telah dihantar kepada Presiden Umno Datuk Seri Najib Razak.

"Saya telah minta yang nama setiap Ketua Bahagian itu perlu ada dalam senarai calon yang dicadangkan dan beliau (Isa) memegang jawatan itu.

"Tapi, bukan khusus untuk bertanding di Parlimen Port Dickson," ujar Mohamad dipetik Sinar Harian.

Pada 5 Januari lalu, Isa telah memberi

keterangan kepada polis di Ibu Pejabat Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman selepas lebih tiga jam disoal siasat.

Bekas Pengerusi Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV) itu memberi keterangan berhubung kes peminahan hak milik tanah Felda di Jalan Semarak, Kuala Lumpur mencecah lebih RM200 juta.

Menjawab ura-ura pertukaran kerusi antara Umno dan MIC mungkin berlaku di Parlimen Port Dickson dengan meletakkan Isa sebagai calon, Mohamad memberitahu yang dirinya tidak tahu mengenai hal itu.

Beliau mengulangi kenyataannya sebelum ini bahawa kerusi tersebut kekal milik MIC.

Walau bagaimanapun, jelasnya, jika berlaku perubahan pada saat akhir itu bergantung pada keputusan pucuk pimpinan BN.

Mohamad selanjutnya berkata akan mempertahankan 22 kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) yang dimenangi pada PRU13.

"Pada masa sama saya melihat lima hingga tujuh kerusi lain termasuk kerusi Dun Chuah dan Sri Tanjung boleh dimenangi pada PRU14," katanya lagi.

Medan tempur PH di

Oleh MOHD ALI HASHIM


KUAH: Langkawi bakal menjadi medan tempur utama Pakatan Harapan (PH) di negeri jelapang padi apabila Pengurus PH Tun Mahathir Mohamad diumumkan akan bertanding di kerusi parlimentari pada pilihan raya umum (PRU) ini.

Pengumuman yang dilakukan Presiden PH Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail pada majlis ceramah Jelajah PH di Padang Matsirat, dekat sini, 16 April lalu menamatkan spekulasi mengenai kerusi yang bakal ditandingi Tun Mahathir yang juga calon perdana menteri PH.

Dr Mahathir sebelum ini menyatakan hasrat untuk bertanding di Langkawi, Putrajaya dan kemungkinan kembali ke Kubang Pasu, kerusi yang pernah disandangnya selama enam penggal ketika menjawat perdana menteri selama 22 tahun.



Para pemimpin PH di pentas utama program Jelajah PH di Padang Matsirat.



Tun Mahathir melambai tangan kepada hadirin diiringi Dr Wan Azizah dan Presiden PPBM Tan Sri



Tun Mahathir berucap di hadapan ribuan hadirin di Padang Matsirat, Langkawi.



i Langkawi

Wan Azizah ketika berucap berkata, pencalonan Tun Mahathir adalah satu penghormatan kepada Keadilan dan PH.

"Saya anggap pengumuman malam ini bersetara dengan penghormatan bagi saya, PKR (Keadilan) dan Pakatan Harapan. Penduduk Langkawi sedar bahawa Tun Mahathir ialah bekas perdana menteri dan tokoh yang telah menjana perubahan bagi pulau lesu ini menjadi pulau hebat membangun."

"Anwar (Ketua Umum PH) pernah beritahu Tun M mempunyai sentimental dengan pulau Langkawi. Sebaik menjadi PM, beliau berikhtiar mengangkat pulau ini," ujarnya.

Pada majlis yang sama, Tun Mahathir diberi penghormatan mengumumkan calon-calon pilihan raya PPBM yang bakal bertanding di Kedah.

Naib Presiden PPBM yang juga bekas menteri besar Kedah diumumkan bertanding di Parlimen Jerlun dan Dun Jitra.

Manakala bekas ketua pembangkang Kedah yang meninggalkan Pas dan menyertai PPBM, Datuk Amiruddin Hamzah bakal bertanding di Parlimen Kubang Pasu dan Dun Anak Bukit.

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (Ideas) Wan Saiful Wan Jan akan bertanding di parlimen Pendang.

Anak bekas menteri besar Kedah Allahyarham Tan Sri Sanusi Junid, Akhramsyah Muamar Ubaidah Sanusi akan bertanding di Parlimen Jerai.

PH Negeri Kedah akan bertanding di 15 kerusi Parlimen dan 36 kerusi Dun pada PRU14 menggunakan simbol Keadilan.

Pada malam itu, Dataran Harapan Padang Maksirat turut dirasmikan Tun Mahathir Mohamad.



selepas diumum sebagai calon sambil
tuan Muhyiddin Yassin.



Dr Wan Azizah menunjukkan mesej diterimanya kepada Mukhriz sambil diperhatikan Tun Mahathir.



Pemimpin PPBM bersama menjulang tangan seusai pengumuman senarai calon PPBM yang akan bertanding di Kedah.

Gelombang rakyat humban BN membuaak

Kelolaan ARIF ATAN

Hasrat majoriti 14,940,624 pemilih berdaftar untuk menghumban rejim Umno-BN dari Putrajaya sudah tidak lagi terbendung, tegas Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Sany Hamzan.

Menurutnya, Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) menjadi medan untuk rakyat bangkit menyuarakan penolakan mereka terhadap Umno-BN yang kini kronik bergelumang dengan jenayah kleptokrasi.

Bagaimanapun, jelasnya, sikap Umno-BN yang menyalahgunakan jentera kerajaan dan pada masa sama memonopoli akses media arus perdana banyak menghalang untuk tercapainya hasrat perubahan rakyat.

"Pilihan raya adalah peperangan parti politik tetapi di negara kita ini Umno mengatakan mereka mengamalkan demokrasi yang paling



baik di dunia.

"Sekarang, Parlimen pun sudah bubar, kita minta sebagai rakyat, BN bertarung jantan lawan jantan. Jangan gunakan apa jua jentera kerajaan dalam pilihan raya umum yang akan datang.

"Umno kalau tidak guna jentera kerajaan sudah lama melingkup. Kalau (Umno) tidak gunakan akhbar, TV3, TV1, kementerian, jabatan, KEMAS, JASA serta tidak guna bajet kerajaan sebenarnya, kita sudah lama memerintah di peringkat Persekutuan," tegasnya.

Timbalan Ketua Pemuda Pakatan Harapan (PH) tersebut berkata demikian ketika berucap dalam siri Jelajah Bina Semula Negara 2.0 2018 di

Dewan Undangan Negeri (Dun) Batang Kali, Hulu Selangor pada 12 April lalu.

Meskipun BN memanipulasi jentera kerajaan sepanjang musim pilihan raya umum kali ini, Sany berkata, keinginan rakyat untuk meningkirkan BN pada PRU14 sudah di tahap meluap-luap.

"Kamu gunalah apa jua instrumen kerajaan tetapi kami mahu beritahu gelombang rakyat sudah membuaak-buak. Rakyat sudah tidak sabar menghumban Umno-BN pada PRU14. Angkat PH dan humban Umno-BN dalam PRU kali ini," serunya.

Sehubungan itu, beliau mengulangi iltizam PH yang tidak akan menghapuskan prinsip-prinsip

Tun M sesuai ketuai transisi

Walaupun pada awalnya sukar untuk menerima keputusan Pakatan Harapan (PH) mengangkat Tun Dr Mahathir sebagai calon Perdana Menteri, tetapi faktor kewibawaan tokoh itu amat penting dalam proses transisi kerajaan.

Naib Ketua DAPSY Petaling Jaya Utara, Lim Yi Wei mengakui hal demikian dalam wawancara isu semasa di saluran Jom Channel pada 16 April lalu.

Menurutnya, pemimpin Umno-BN tidak akan begitu mudah melepaskan kuasa pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) selepas memangnya sekian lama.

"Pengalaman saya sebagai anak kepada kedua-dua ibu bapa yang merupakan guru dan seorang ahli majlis yang bekerja dalam perkhidmatan awam, Tun Mahathir saja yang mampu mengetuai transisi kerajaan yang stabil."

"Bayangkan jika PH menang, apakah Umno akan melepaskan kuasa begitu sahaja? Sebab itu mereka (Umno) memainkan sentimen kaum dan agama selain meluluskan akta berita palsu dan perempadanan semula kawasan pilihan raya.

"Mereka rasa terdesak dan tidak sanggup melepaskan kuasa begitu sahaja," tegas ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya itu.

Yi Wei menyifatkan Tun Mahathir berupaya mengumpul kesepakatan segenap lapisan rakyat di negara ini untuk memecahkan cengkaman korupsi Umno.

"Kalau PH menang, industri rasuah (Umno-BN) berbilion ringgit yang disokong kroni-kroni akan musnah."

"Mereka dalam keadaan tidak mahu lepaskan cengkaman dan itu sebab Tun Mahathir sahaja yang mampu menyatukan penjawat awam dan rakyat secara keseluruhan untuk melakukan transisi perubahan kuasa secara aman," ujarnya lagi.

Melayu tinggalkan kepompong ketakutan

Tarikh 9 Mei sepatutnya menjadi titik tolak untuk pengundi Melayu meninggalkan kepompong ketakutan kononnya hak dan kepentingan mereka akan terancam jika Umno-BN tersungkur.

Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Faiz Fadzil berkata, kesedaran itu perlu memandangkan Umno-BN yang menguasai kerajaan terbukti merompak wang rakyat sekali gus bercanggah dengan larangan Islam.

Menurutnya, orang Melayu masih tetap menduduki komposisi kaum paling ramai di negara ini serta menjadi majoriti dalam sebahagian besar kerusi Parlimen.

"Kerajaan yang ada sekarang orang Islam tetapi menghalalkan kecurian, rompakan wang rakyat, rasuah. Jadi, bagaimana tanggapan orang bukan Muslim terhadap apa yang Islam ajar.

"Orang Melayu bukan tidak tahu apa yang berlaku pada hari ini tetapi mereka takut pada bayangan sendiri. Orang Melayu kaum terbanyak dan kerusi yang ditandingi pun paling banyak adalah Melayu."

"Jadi, kalau orang Melayu dapat keluar dari kepompong ketakutan ini, maka kita dapat ganti dengan kerajaan yang amanah, telus dan bertanggungjawab."



Faiz Fadzil (tengah) bersama Abbas Azmi dan Lim Yi Wei berdialog menjelang PRU14.

"Yang pasti, Melayu tidak sepatutnya rasa terancam sebab perdana menteri, timbalan perdana menteri adalah Melayu."

"Kerajaan baharu Pakatan Harapan (PH) ini kita akan melaksanakan urus tadbir lebih baik dan berintegriti seperti dibuktikan kerajaan PH Selangor dan Pulau Pinang," jelasnya.

Calon Dewan Undangan Negeri (Dun) Permatang Pasir itu berkata demikian dalam wawancara isu semasa di saluran Jom Channel ber-

tajuk 'Mampukah Kerajaan Pakatan Pulau Pinang dan Selangor Jadi Model Putrajaya?', 16 April lalu.

Turut dijemput sebagai ahli panel Naib Ketua DAPSY Petaling Jaya Utara, Lim Yi Wei manakala Ketua Pemuda AMANAH Selangor, Abbas Azmi sebagai perantara.

Sehubungan itu, Faiz menegaskan AMANAH sebagai komponen PH berperanan untuk menterjemahkan makna Rahmatan Lil Alamin dengan membuktikan

asas pembentukan negara bangsa seperti termaktub dalam Perlembagaan negara.

Jelasnya, sikap Umno-BN yang mengitar semula fitnah kononnya PH akan mengancam agama Islam, kedudukan hak istimewa Melayu, institusi raja dan bahasa Melayu tidak harus lagi menghantui rakyat.

"Umno-BN setiap malam mereka jaja kalau depan orang Cina, DAP tidak boleh jadi perdana menteri. Apabila Najib cakap depan Melayu pula, PH kalau ke Putrajaya nanti Lim Kit Siang seorang Cina dari DAP akan jadi perdana menteri.

"Isu ini sebenarnya sudah mati apabila keempat-empat pimpinan PH telah menamakan Tun Dr Mahathir sebagai bakal perdana menteri Malaysia.

"PH juga telah menamakan Wan Azizah sebagai bakal timbalan perdana menteri. Tun Mahathir dan Wan Azizah seorang Melayu atau Cina? Oleh sebab itu, kita jangan mudah terpesona dengan fitnah dan adu domba yang dimainkan Umno-BN," ujarnya.

Tambahnya, rakyat tidak harus khuatir untuk berubah pada PRU14 ini memandangkan hal berkaitan Melayu dan Islam tetap terpelihara walaupun PH mendapat mandat di Putrajaya.

"Kami (PH) pergi ke Putrajaya, institusi raja masih ada, bahasa Melayu tetap jadi bahasa rasmi negara. Jangan takut untuk melakukan perubahan untuk kita humban kerajaan Najib yang merompak, menyamun dan merogol harta rakyat," tegas Sany lagi.

Islam meraih dan menjaga kebijakan semua kaum.

"PH mahu menjadi kerajaan yang adil, bebas rasuah, berintegriti dan memiliki akauntabiliti tinggi. Di sutilah, masyarakat pada masa sama akan melihat keindahan Rahmatan Lil Alamin," tambahnya.

Untuk rekod, terdapat 117 daripada 165 kerusi Parlimen di Semenanjung terdiri daripada majoriti Melayu selepas perempadanan semula berbanding 115 kerusi pada PRU lalu.

'Kuliah' melawan di jalan raya

Oleh ARIF ATAN

Pekikan 'Hidup Rakyat', 'Tangkap Jho Low' bergema di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur minggu lalu. Lantang mengocak rasa, lebih 1,000 peserta himpunan #TangkapPencuri yang rata-ratanya anak muda turut menjerit sama.

Laungan penuh semangat demonstran berbilang kaum pada petang Sabtu itu turut dipimpin aktivis mahasiswa, Asheeq Ali Sethi Alivi.

Berkemeja kolar bulat berwarna hitam, penuntut jurusan undang-undang di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkenaan antara mahasiswa yang dilihat menjadi penggerak kepada aksi massa menuntut perompak negara diheret ke mahkamah.

Beliau yang sebelum ini pernah digantung pengajian penangan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) bukan berseorangan pada unjuk rasa menjelang tempoh kurang sebulan sebelum Pilihan Raya Umum ke-14



(PRU14) itu.

Aktivis mahasiswa Universiti Malaya (UM), Anis Syafiqah Yusof serta suaminya yang juga mantan pimpinan Persatuan Mahasiswa Islam UM (PMIUM), Luqman Hakim Fazli turut berada di atas lori yang menjadi pentas ucapan.

Ucapan diselangi rantai lagu protes antaranya, 'Darah Rakyat' dan 'Buruh Tani' turut 'disulami' beberapa kali amaran terakhir daripada pegawai IPD Dang Wangi.

Malah, sepanjang hampir dua jam himpunan itu, aktivis mahasiswa yang bernaung di bawah gerakan Anak Muda Cari Jho Low (AMCJL) kerap diacah dengan tindakan beberapa anggota polis yang meluru ke pentas semacam mahu membuat tangkapan.

Justeru, penampilan Asheeq, Anis dan Luqman serta ramai lagi aktivis mahasiswa lain secara terbuka dalam demonstrasi yang dijelaskan tajam Bukit Aman itu wajar dipuji.



Ditik-ditik mahasiswa dan anak muda diarah pihak polis supaya menghentikan aksi unjuk rasa Tangkap Pencuri.

Kesanggupan mereka dibakar terik panahan matang dengan membawa sepaduk berwajah harawan kontroversi 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Jho Low pastinya bukan kerana diupah.

Mereka antara 41 peratus atau 6.09 juta pengundi muda berusia kurang 40 tahun yang bakal membuang undi pada 9 Mei ini.

Walaupun diancam tindakan tatatertib universiti, bukan sedikit mahasiswa sesuai tarafnya sebagai golongan terpel-

jar tidak mudah menyerah. Bulan lalu, kira-kira 100 penuntut universiti menggerakkan aksi Protes Bisu Mahasiswa di Parlimen ketika Rang Undang-Undang (RUU) berkaitan berita palsu dan bantahan

kawasan pilihan raya, 28 Mac lalu, saya terserempak dengan seorang penuntut yang baharu tiba sejurus perarakan dari Tugu Negara menuju ke bangunan Parlimen berakhir.



Gerakan mahasiswa era 60-an diharap berulang pada masa ini. Foto Fahmi Reza

Forum politik isi orientasi

KARTUNIS berjaya aktivis, Fahmi Reza berkongsikan pengisian program Orientasi di Universiti Malaya (UM) sesi 1969/1970 yang kini mustahil dapat dilihat pada Minggu Haluan Siswa di universiti itu.

Pengkaji aktivisme mahasiswa itu berkata, aktiviti suai kenal sepanjang dekad 1960-an di kampus itu dianjurkan sepenuhnya oleh mahasiswa tanpa sebarang campur tangan pentadbiran universiti.

"Boleh percaya tak pada tahun 1969, program orientasi untuk pelajar baru UM penuh dengan forum-forum politik yang membincangkan isu-isu pemberontakan mahasiswa internasional, ISA dan sosialisme.

Turut menjadi topik dialog adalah masalah ekonomi, analisis kritis tentang parti-parti politik serta penelitian keputusan Pilihan Raya Umum ke-3 (PRU3).

Perekra grafik yang dihukum membayar denda RM30,000 ekoran menyiarkan gambar badut menyerupai pemimpin tinggi BN itu memetik keratan yang diambil dari akhbar Mahasiswa Negara pada 1969.

"Jauh beza dengan mahasiswa sekarang yang dipisahkan sepenuhnya dari politik dan menjauhkan diri dari membincangkan isu-isu politik semasa," katanya.

Di Facebook miliknya juga, Fahmi turut melakukan beberapa muat naik foto aksi protes mahasiswa dekad itu antaranya seperti tuntutan autonomi universiti.

"Mengapa 52 tahun dulu dalam kampus UM, seramai 2,500 orang mahasiswa bertindak memboikot kuliah mereka dan turun dalam satu perarakan protes demi memperjuangkan 'autonomi universiti'?

"Bagaimana gerakan mahasiswa UM 50 tahun dulu bisa mengurus tadbir bangunan mereka sendiri dalam kampus sebagai pusat gerakan untuk memperjuangkan kuasa mahasiswa di universiti?

"Kenapa 50 tahun dulu, seramai 1,500 orang mahasiswa UM berdemostrasi dan menunjuk perasaan beramai-ramai di depan pejabat Kementerian Dalam Negeri?" soalnya lagi.

Antara terancam dan mengancam

MENELAAH karya terjemahan Ancaman Islam: Dongeng atau Kenyataan? menjelang pilihan raya umum ini dilihat relevan dalam meneliti wacana berkenaan 'ancaman'.

Buku John L. Esposito yang ditulis beberapa tahun sebelum meletusnya peristiwa 11 September 2001, membolehkan kita 'membaca' tafsiran Barat terhadap Islam.

Pengarang berpendapat Barat memindahkan sikap mereka terhadap komunisme kepada 'fundamentalisme Islam' yang sewenang-wenangnya dikait dengan pelampau dan fanatik agama sebagai ancaman baru.

Persepsi itu muncul terutama selepas lahirnya Revolusi Iran. Pada ketika Barat cenderung menganggap Islam sebagai ancaman, banyak



pemerintah di negara berpenduduk Muslim pula bersikap oportunistis.

Mereka menjadikan alasan kononnya mahu membendung fahaman radikal atau keganasan Islam untuk menghapuskan gerakan Islam.

Pola alasan itu samalah ketika era antikomunisme yang diguna untuk menghalalkan pemerintahan autoritarian dan mendapatkan sokongan kuasa Barat.

Akibatnya, pencabulan hak asasi manusia termasuk memenjarakan aktivis Islam dan mengharamkan pertubuhan Islam mewabak. Tidak hairanlah, sikap sesetengah kerajaan Arab itu juga mendapat sokongan pemimpin Israel.

Esposito mengajak pembaca memahami realiti kepelbagai dunia Islam. Baginya, Barat tidak harus mempunyai masalah untuk menghormati dunia Islam yang cuba menentukan hala tuju masing-masing.

Sesuai dengan topik yang membincarkan kerencaman budaya, pengarang mengingatkan transformasi nilai dan institusi politik mengambil tempoh yang panjang.

Siapa yang ‘betul-betul gila’ sekarang?

“ Dan kerja sukar itu berjaya dilakukan oleh Ahmad Lutfi Othman dengan bersahaja dan meyakinkan, kerana dua faktor-pengetahuan yang luas dan ingatan yang tajam mengenai perkara yang dibincangkan; dan penguasaan bahasa serta keterampilan dalam gaya penceritaan atau naratif persembahannya.” Bacalah buku ini, sebelum anda melangkah kaki ke bilik mengundi pada 9 Mei nanti. ”

M AHATHIR adalah suatu perwatakan yang istimewa, unik, menarik dan hebat. Katalah apa-pun kepada dia atau mengenai dia, positif maupun negatif, atau tersangat negatif pun, dia tetap dengan perwatakan dia yang sentiasa terbuka kepada kemungkinan. Watak seorang pejuang yang tak pernah berhenti berjuang walaupun usianya sudah 93 tahun.


Tak siapa dapat menjangka atau mempercayai sebelumnya bahawa apa yang sedang berlaku hari ini akan berlaku. Apabila Mahathir mula menyatakan ketidaksenangannya terhadap kepimpinan Perdana Menteri Najib Razak, orang-orang Pas mula menyebut bahawa do'a almarhum Presiden Pas Ustaz Fadzil Noor telah dimakbulkan Tuhan dan sedang menjadi kenyataan, iaitu Mahathir dipanjangan umurnya untuk melihat sendiri kesan-kesan buruk dari perbuatannya semasa memerintah negara.

Masa berlalu, dan Mahathir semakin melibatkan diri ke dalam gerakan mementang Najib, hingga sampai kepada dia menuahkan parti baru, Parti Bersatu Peribumi Malaysia (PBPM atau Bersatu) dan bergabung dengan Keadilan, DAP dan AMANAH membentuk Pakatan Harapan, dan dia dipersetujui menjadi ketua kepada Pakatan Harapan (PH) dan bakal Perdana Menteri Malaysia sekiranya PH menang dalam PRU14.

Jelaslah apa yang berlaku itu adalah lebih daripada sekadar do'a Ustaz Fadzil yang dimakbulkan Tuhan untuk Mahathir melihat sendiri kesan buruk daripada perbuatan mungkarnya. Sebaliknya Mahathir kini dilihat sebagai tokoh utama penyelamat negara Malaysia yang dikatakan sedang menuju kehancuran akibat pemerintahan Najib-Rosmah.

Ternyata tidak ada seorang pun rakyat Malaysia maupun para pemimpin yang ada kini, termasuk pemimpin Reformasi Anwar Ibrahim, yang berkemampuan untuk menghalang Najib daripada terus berkuasa dan membawa Malaysia kepada keadaan yang lebih teruk itu, hingga semua pemimpin pakatan pembangkang terpaksa bersetuju mengangkat Mahathir untuk melaksanakan misi besar mereka.

Sosok yang beberapa tahun lalu dimu-



Buku Mengapa Mahathir? cuba menjawab pelbagai kekeliruan dan menyanggah idea kingmaker Pas.

suhu, dicemuh dan dikata nista dengan pelbagai kata itu, termasuk saya sendiri pun mengata dia “Macam Orang Gila” – di samping menulis beberapa buah buku seperti ‘Gawat: Gagalnya Formula Mahathir’ (1998), ‘Mahathir (Ekonomi) Perang ‘Aqidah’ (1999) dan buku puisi ‘Macam Orang Gila’ (2001) – kini segalanya bertukar dan terbalik.

Suatu keadaan yang tidak pernah dijangka. Memang ada orang yang tidak mahu dan tidak bersetuju menerima Mahathir sebagai pemimpin untuk menjatuhkan Najib dan membentuk kerajaan baru yang lebih baik. Tetapi realiti politik hari ini yang akan menjalani pilihanraya umum 9 Mei nanti, hanya ada dua pilihan: Najib atau Mahathir. (Yang seorang lagi Hj Hadi Awang pemimpin Pas itu tidak dianggap sebagai alternatif kepada dua pilihan itu, melainkan oleh ahli-ahli parti itu sendiri).

Seperti saya katakan di permulaan tulisan ini: Mahathir adalah suatu perwatakan yang istimewa, unik, menarik dan hebat. Dia yang di sekitar tahun 1999 dan berikutannya pernah saya laungkan di merata tempat di hadapan ribuan khlayak melalui puisi mengatakan bahawa “Rakyat tengok dia – Macam orang gila”, dan akhirnya “Rakyat tengok dia – Betul-betul gila!”. Sekarang kawan-kawan bertanya saya: “Siapa yang betul-betul gila sekarang?” Maksudnya orang tidak lagi melihat Mahathir seperti orang melihatnya 18-


20 tahun lalu. Kalau dulu saya laungkan dia “Macam Orang Gila”, ribuan orang di depan pentas akan ikut melaungkan yang sama – “Macam Orang Gila”. Tetapi sekarang saya tak mungkin lagi melaungkan puisi itu sebeginu. Kalau saya laungkan juga beginu pastinya orang akan boo dan sorak saya.

Memang saya selalu mengatakan bahawa masyarakat Malaysia hari ini adalah masyarakat yang materialistik dan oportunistik disebabkan oleh dasar-dasar pemerintahan dan kepemimpinan Mahathir. Masyarakat kita menjadi masyarakat yang hilang keupayaan untuk bertindak melawan kezaliman, pembohongan, rasuah, perompakan dan salahguna kuasa adalah disebabkan oleh sikap mereka yang terlalu materialistik dan oportunistik itu.

Bagi saya kesalahan yang telah dilakukan oleh Mahathir sangatlah besar. Dialah juga yang telah meng'aibkan orang Melayu dengan tindakannya melumuri najis ke muka orang Melayu melalui tuduhan-tuduhan seksual melampaui terhadap Anwar, yang diikuti dengan pelbagai tindakan mendedahkan ke'aiban di khlayak umum. Hal yang tidak pernah terjadi dalam masyarakat Melayu sebelumnya.

Tidak pernah terbayang dan terfikiran bahawa perwatakan yang disifatkan mahazalim dan mahafiraun 18-20 tahun dulu itu akan bertukar sepenuhnya menjadi suatu watak penyelamat yang

TEKAD BUDAYA DINSMAN



diperlukan oleh bangsanya, oleh rakyat pelbagai kaum di negaranya – yang sedang berada dalam keadaan tidak selamat oleh beberapa ancaman khasnya ekonomi dan keselamatan/kedaulatan.

Memang ia perwatakan yang menarik. Sungguhpun saya meletakkan kesahan yang besar ke atas dirinya, namun saya tak dapat mengelakkan diri dari pada mengagumi kehebatan perwatakannya yang luarbiasa itu. Bagaimana dia boleh menukar kemarahan dan kebencian serta permusuhan berjuta orang terhadapnya, menjadi lembut dan dapat menerima sebagai seorang pemimpin yang diperlukan untuk memimpin mereka ke arah kebaikan, atau ke arah kehidupan yang lebih baik.

Saya percaya ramai orang tertanya-tanya akan perkara ini, seperti mereka juga bertanya dalam keadaan yang keliru dan hairan: Mengapa Mahathir? Mengapa tidak orang lain? Mengapa mengangkat semula orang yang kita sendiri telah membuangnya? Apakah dia begitu sekali hebat sehingga kita terpaksa mengubah sikap dan pendirian kita terhadapnya, walaupun dia telah membuat pelbagai dosa dan jahat kepada kita?

Dan dalam keadaan orang ramai keliru, hairan dan tertanya-tanya itu tak semena-mena seorang penulis, Ahmad Lutfi Othman, menerbitkan sebuah buku nipis (100 halaman) berjudul: ‘Mengapa Mahathir?’ Saya telah membaca buku ini dan segera mencatatkan reaksi awal saya dalam fesbuk, begini.

“Dalam penulisan, terutamanya hal politik yang mengelirukan seperti suasana politik Malaysia hari ini, tidak ada yang lebih sukar daripada meletakkan perspektif yang tepat dan jelas dengan fakta dan hujah yang lengkap, yakni bukan berpilih-pilih, hingga pembaca mendapat maklumat yang seperlunya lalu fikiran jadi terbuka dan dapat merumuskan perkara dan persoalan yang dibincangkan dengan munasabah dan memuaskan, tanpa keraguan, melainkan mereka yang memang berprasanaga sebaliknya.

“Dan kerja sukar itu berjaya dilakukan oleh Ahmad Lutfi Othman dengan bersahaja dan meyakinkan, kerana dua faktor – pengetahuan yang luas dan ingatan yang tajam mengenai perkara yang dibincangkan; dan penguasaan bahasa serta keterampilan dalam gaya penceritaan atau naratif persembahannya.”

Bacalah buku ini, sebelum anda melangkah kaki ke bilik mengundi pada 9 Mei nanti.

Buku “Mengapa Mahathir?” boleh dipesan terus kepada Luqman Hakim 0192903291. Harga RM13, tidak termasuk kos pos laju.

Calon muda untuk biru yang lebih muda

TIDAK perlu lama selepas Barisan melancarkan poster kata hikmah "Kita Pilih Biru" sebagai sepak mula kampen pilihan raya mereka, ruang maya dibanjiri dengan serangan balas oleh rakyat tidak bernama yang paling spontan dan sinis, "Kita Pilih Biru Yang Lebih Muda". Dengan begitu sahaja, ia menjadi tular dan menenggelamkan percubaan Barisan Nasional. Bukan kepalang geramnya pasukan kampen Barisan Nasional, buntu sebentar jugalah mereka berdepan situasi sebegini.

Inilah keindahannya apabila politik diisi dengan otak fikiran kaum muda. Ideanya segar dan sesuai zaman. Ia mungkin lucu dan seakan keanak-anakan, namun itulah yang paling berkesan dan menarik. Orang muda bukan tidak suka diberatkan dengan hal-hal yang berat dan serius, sebaliknya mereka lebih ringan mulut dan jari jemari untuk ikut serta andai ia mampu diringankan.

Bercakap soal orang muda dalam politik, baru sahaja dilancarkan minggu ini adalah kampen sokongan oleh Liga Pemuda Malaysia (yang mana saya baru dilantik sebagai Presidennya) buat teman-teman anak muda yang bakal bertanding di bawah gabungan Pakatan Harapan dalam PRU14 ini. Kempen ini menyasarkan beberapa perkara termasuklah menyediakan sedikit peruntukan kewangan, sokongan media digital, petugas untuk kampen pilihan raya, dan publisiti dari semasa ke semasa bagi mempromosikan calon-calon ini.

Calon-calonnya muda belaka, masing-masing baru pertama kali diangkat untuk menjadi barisan hadapan. Merentasi parti politik, setiakawan oleh Liga Pemuda ini dimulakan dengan empat orang terlebih dahulu – Young Syefura (DAP – DUN Ketari), Sheikh Omar (DAP – DUN Paloh), Hazmi Hassam atau Jeming (AMANAH –

DUN Panchor) dan Ashraf Mustaqim (BERSATU – Parlimen Paya Besar).

Mereka ini tidak diberi cek kosong, sebaliknya diikat dengan sebuah perjanjian atau deklarasi yang diasaskan melalui

Kongres Anak Muda Malaysia 2017 yang lalu. Sokongan yang ditawarkan kepada mereka ini diikat dengan janji bahawa sesudah menang (ataupun tidak), mereka harus mengangkat agenda persefahaman yang dipersetujui bersama. Kesemuanya ada 13 agenda yang meliputi isu-isu seputar nasib anak muda di negara ini. Antaranya termasuklah pendidikan percuma, pengiktirafan hak kaum Orang Asal dan Orang Asli, penentangan ke atas budaya rasuah, perlindungan alam sekitar, autonomi untuk institusi pendidikan, hak wanita, serta banyak lagi.

Perhitungannya mudah – dalam kita saban hari bertempik memperjuangkan agar politik kita ditarusi oleh kaum muda, apakah apabila ianya dilaksanakan, kita terus cuci tangan dan membiarkan mereka begitu sahaja. Tentulah yang wajar adalah apabila pemimpin di atas telah bersedia membariskan orang-orang muda, kita yang lain ini pula harus menyambutnya dengan menawarkan sokongan kembali kepada mereka. Orang muda harus menyokong orang muda.

Menarik untuk diperhatikan, dan bersyukurlah kita apabila sekurang-kurangnya di belak kita ini, Pakatan Harapan – orang muda diberi ruang dan peluang seluas-luasnya untuk ke hadapan. Tidak perlu pun sampai ketua pemuda kita terpaksa merayu di dalam media meminta agar

ADAM ADLI



Liga Pemuda Malaysia sedia menzahirkan sokongan kepada Pakatan Harapan kerana menepati syarat sebagai pilihan alternatif buat rakyat memilih demi menewaskan Barisan Nasional.

pucuk pimpinan memberi peluang kepada lapisan muda untuk menjadi calon seperti teman kita di seberang sana.

Begitulah seharusnya, dalam zaman yang sedang berubah ini, kita tidak boleh mahu terus mengikut arus lama yang tentu sekali tidak akan menambat hati orang muda. Tidak dinafikan usia tidak menjamin apa-apa; yang muda belum tentu semuanya segar dan inovatif. Ada sahaja yang usianya muda, otaknya kalah orang tua umur 93 tahun. Namun jika tidak digalakkan, dan tidak diambil risiko untuk menjana tenaga politik baharu, kita tidak boleh mendabik dada mengatakan bahawa kita ini adalah harapan untuk masa hadapan.

Semoga PRU14 kali ini menjadi medan untuk kita mulai memupuk harapan hari ini dan masa hadapan untuk kita semua. Pemimpin pelapis tidak akan lahir sendiri, ia perlu dilahirkan. Syabas dan selamat maju jaya untuk calon-calon muda yang bakal mengibarkan bendera biru, yang lebih muda.

P/S: Bagi pihak Liga Pemuda Malaysia, saya memohon sumbangan pembaca buat calon-calon muda yang disokong oleh kami ini. Sumbangan ikhlas boleh disalurkan kepada:
MAYBANK 5127 4550 6143
(Lensa Training & Consultancy)

Apa maksud berteraskan Islam menurut Pas?

Oleh USTAZ ZOLKHARNAIN ABIDIN

DATUK Seri Abdul Hadi Awang berkata, "Pas tiada halangan untuk bekerjasama dengan mana-mana parti lain yang berpegang teguh kepada perjuangan yang berteraskan Islam".

Adakah berteraskan Islam maksudnya berlabel Islam? Atau, tertulis perkataan Islam dalam perlembagaan? Atau perlu ada Dewan Ulama?

Umno pernah mendakwa parti itu

parti Islam dan berjuang Islam. Adakah maksudnya Pas sedia kerjasama dengan Umno?

Parti Amanah Negara juga mencatatkan agenda Islam dalam perlembagaannya. Adakah Pas sudi bekerjasama dengan AMANAH?

Berteraskan Islam mengikut perspektif siapa? Adakah perspektif Pas yang melihat orang lain yang tidak bersamanya sebagai menolak Islam?

Bagi Pas RUU 355 adalah setaraf hudud.

RUU itu dikritik oleh mereka yang tidak bersama Pas. Bolehkah Pas bekerjasama dengan pengkritik RUU itu?

Istilah "berteraskan Islam" hanyalah retorik Abdul Hadi untuk mengelak pentaksiran Pas mempersoalkan pendekatan politik parti itu yang dilihat lebih mesra Umno.

Pas sudah tiada agenda politik yang jelas. Apa yang parti itu ada hanyalah retorika agama (istilah yang lebih tepat ialah "menjulag agama") untuk kelangsung-

gan hayat politiknya.

Boleh saja saya letak gambar pemimpin Pas berada dalam majlis yang ada hidangan arak dalam status ini sebab nanti ada yang akan komen tentang perkara itu.

Namun fokus saya ialah, pemimpin Pas hanya mampu meratib kalimah Islam di sana-sini, tapi praktiknya, pemimpin Pas tidak pun lebih baik akhlaknya daripada orang yang bukan Pas.

Retorik representasi wanita dalam politik

PESTA demokrasi datang lagi. Telahan dan spekulasi tarikh rakyat Malaysia memilih kini telah terjawab setelah pengumuman rasmi pembubaran parlimen dibuat pada 7 April 2018 disusuli dengan pengisytiharan tarikh penamaan calon dan tarikh mengundi pada 9 Mei 2018 oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Fasa kini adalah saat kritis bagi semua parti menentukan calon-calon yang bakal bertanding dan mewakili partinya dalam pilihan raya umum (PRU).

Selagi watikah perlantikan sebagai calon tidak diserahkan pada tangan empunya diri, tiada seorang pun boleh menuntut dia orangnya yang akan bertanding atas tiket partinya atau parti orang lain. 'Winnability' atau faktor 'boleh menang' adalah perkara utama yang diambil kira dalam pemilihan.

Berprestasi? Sesuai dengan faktor demografi dan profil pengundi di konstituensi? Atau faktor siapa yang mengenali calon (Baca: Based on you-know-who?)

CALON BOLEH MENANG

Faktor boleh menang seseorang calon secara strategiknya wajar mengambil kira profil pengundi. Sebagai contoh, daftar pemilih suku ke-4 tahun 2017 menyenaraikan 14,940,624 pengundi yang melibatkan 7,557,187 pengundi wanita (50.58%) dan 7,383,437 pengundi lelaki (49.42%).

Ini bermakna pengundi wanita relatif lebih tinggi berbanding lelaki secara keseluruhan dan mungkin peratusan berbeza bergantung kepada taburan penduduk di



PENDAPAT
ANFAAL SAARI

sesebuah konstituensi. Hakikatnya, calon lelaki mahupun wanita yang memenangi pilihan raya bertanggungjawab mentadbir perihal kehidupan berkaitan lelaki dan juga wanita!

Dalam dunia politik, yang akan terpilih menjadi wakil rakyat hanya 1%. Sejumlah 222 kerusi parlimen dan 576 kerusi Dun (dewan undangan negeri). Mana mungkin kesemua aktivis politik dan pemimpin politik berpeluang bertanding dan menduduki kerusi-kerusi panas tersebut. Tambah pula arena politik sinonim sebagai dunia lelaki, penuh maskulin! It's a man's world.

Sedangkan hal mentadbir masyarakat juga memerlukan representasi wanita yang memahami keperluan wanita dan keluarga diangkat dalam penggubalan polisi dan dasar baik di peringkat negeri mahupun persekutuan.

DEMOKRASI POLITIK

Demokrasi politik menjana peluang sesiapa sahaja untuk mengutarakan idea di peringkat nasional. Ini termasuklah warga wanita yang ikut terlibat dalam isu sosio-ekonomi dan politik. Walaupun hakikatnya di Malaysia, ini masih lagi didominasi oleh kaum lelaki dalam sistem patriarki.

Persoalan saya, apakah terjemahan dan komitmen parti-parti politik yang melaungkan peluang inklusiviti untuk semua? Perihal pemekaan gender (gender sensitization) dalam memilih calon dalam pilihanraya adalah satu isu mendasar dan menggambarkan kesungguhan pemimpin sesebuah

“...Wanita Pakatan Harapan meletakkan agenda tumpuan melakukan tindakan afirmatif dalam meningkatkan kuantiti dan kualiti wanita dalam partisipasi politik. Agenda ini tidak mungkin mampu dilaksana sekiranya fasa kritis pemilihan calon dalam pilihanraya umum kali ini tidak mengambil kira bilangan wanita yang signifikan dari setiap parti.”

parti memberi peluang partisipasi wanita yang saksama.

Mekanisme kuota, iaitu minima seorang wanita bagi setiap tiga calon masih jauh tersasar. Kuota ini bukan bermakna pemilihan 'asal cukup' sehingga mengorbankan kualiti malah tidak berupaya memberi sumbangan yang signifikan. Pun begitu, ketetapan ini wajar ditegaskan secara berulang dalam membentuk satu budaya yang lebih sihat dalam pendemokrasian di peringkat nasional.

POSISSI STRATEGIK WANITA

Adakah wanita hanya diberi tempat dan laluan hanya apabila wanita buat bising? Make some noise ladies! Atau wanita harus beralih kerana ruang itu sudah terlalu sesak dengan terlalu ramai calon lelaki yang lebih kredibel?

Atau wanita adalah warga kelas kedua dalam kepimpinan, malah posisi strategik yang hanya layak buat wanita adalah lantikan-lantikan politik 'sejurus kita mencapai kemenangan'? Peruntukan 30% kuota adalah angka yang munasabah tetapi masih dipandang enteng dalam memposisi wanita secara strategik di peringkat nasional.

Wanita Pakatan Harapan meletakkan agenda tumpuan melakukan tindakan afirmatif dalam meningkatkan kuantiti dan kualiti wanita dalam partisipasi politik. Agenda ini tidak mungkin mampu dilaksana sekiranya fasa kritis pemilihan calon dalam pilihanraya umum kali ini tidak mengam-

bilkira bilangan wanita yang signifikan dari setiap parti.

Syabas saya ucapan pada parti-parti yang telah menamakan calon-calon wanita di kerusi Gred A dan bukan Gred C. Itulah komitmen jitu kepimpinan yang meyakini kompetensi wakil rakyat adalah dinilai pada merit bukan pada gendernya.

Bagi parti-parti politik lain yang masih berkira-kira lagi, terimalah teguran ikhlas saya untuk benar-benar inklusif dan menerima hakikat bahawa 'wanita adalah denyut nadi politik'. Wanita bukan sekadar foot-soldiers atau enjin penggerak, tetapi wanita juga punya buah fikir dan idea untuk diketengahkan dalam struktur yang lebih tinggi.

Sekiranya parti politik beriltizam untuk memenuhi kuota 30% sebagai sebuah mekanisme dalam memastikan kesaksamaan gender, ia tidak terhenti sebatas pemilihan calon wanita yang signifikan tetapi diteruskan dengan pendidikan politik. Pendidikan yang membebaskan pemikiran stereotaip dan diskriminasi terhadap ruang dan peluang untuk wanita.

Kita mampu ubah jika kita mahu! "For me, a better democracy is a democracy where women do not only have the right to vote and to elect but to be elected," kata Michelle Bachelet, Ketua Wanita Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), mantan Presiden dan Menteri Pertahanan Chile.

Anfaal Saari ialah Naib Ketua Wanita PH Nasional dan Naib Ketua 3 Angkatan Wanita Amanah Negara (Awan) Nasional.

Pas lambatkan proses perkasa syariah

Oleh ARHAM MERICAN

PAS melalui Manifesto Malaysia Sejahtera membuat senarai kosa kata Syariah yang akan diperjuangkan antaranya Musyarakah, Sukuk Al-Ijarah, -Ijarah, Bai' al-Salam, Waqaf, No to ëRibaí dan Qardhul Hasan.

Ketahuilah bahawa semuanya itu telah terkandung dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 atau Islamic Financial Services Act 2013 (IFSA 2013).

Ia telah diluluskan di Parlimen pada Disember 2012, mendapat perkenan daripada Yang di-Pertuan Agong pada 18 Mac 2013 dan digazetkan pada 22 Mac 2013. Akhirnya dikuatkuasakan pada 30 Jun 2013.

Akta ini sebelum digubal telah melalui proses konsultasi berterusan selama lebih

enam tahun bermula dengan semakan terhadap Akta Bank Negara Malaysia 1958 atau Central Bank of Malaysia Act 1958.

Sebelum pembentangan IFSA 2013, Bank Negara Malaysia (BNM) telah membentangkan Financial Sector Blueprint 2011-2020 pada Disember 2011 yang menggariskan masa depan sektor kewangan di Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi dengan pemerkasaan Shariah.

BNM telah mengambil kira langkah-langkah sepatutnya dalam mengintegrasikan Syariah dalam sistem kewangan dan perundangan sedia ada, di samping perubahan-perubahan yang berlaku di peringkat antarabangsa.

Pernah kita dengar bantahan daripada ahli parlimen DAP semasa akta ini diben-

tangkan? Bukankah pengenalan akta ini membantu pemerkasaan Syariah di Malaysia?

Disebabkan ini, saya tidak percaya tuduhan bahawa ada ahli parlimen tertentu yang menolak Hudud atau yang dikatakan Pas sebagai menolak pemerkasaan Syariah. Tetapi isu sebenarnya adalah kegagalan kita dalam aspek teknikal dan bagaimana kita mempersempit Syariah itu dalam imej yang sepatutnya.

Ia didedahkan sendiri oleh beberapa ahli Jawatankuasa Teknikal Hudud (JTH) antaranya Prof. Madya Dr. Shamrahayu dan Dr. Zulqarnain Lukman yang mengatakan ahli parlimen Marang (yang juga presiden Pas) telah melambatkan proses pemerkasaan Syariah dengan tindakan beliau yang melanggar garis masa JK yang telah dibincang

dan diputuskan.

(Penjelasan Dr Zulqarnain boleh dikuti di <https://youtu.be/midmdjB9S1U> dan Prof Madya Dr Shamrahayu di <https://youtu.be/7tIKbTJueBQ>)

JTH juga telah meletakkan tiga fasal pemerkasaan undang-undang Syariah. Pertama untuk hukuman yang telah sedia ada dalam Mahkamah Syariah seperti zina, qazaf, minum arak dan murtad. Kedua bab sariqah dan hirabah. Ketiga undang-undang yang melibatkan hukuman mati.

Maka dengan itu, segala kempen ungu dan RUU355 adalah untuk kepentingan politik semata-mata. Mereka bukanlah ingin memperkasakan Syariah seperti yang diperkatakan tetapi mereka telah melambatkan proses itu daripada berlaku.

AMANAH Johor sedia hadapi 'team rasuah'

BATU PAHAT: AMANAH Negeri Johor mengumumkan 13 calon yang bakal bertanding mewakili parti itu di dua kerusi Parlimen dan 11 kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) pada pilihan raya umum ke-14 (PRU-14) ini.

Pengerusi AMANAH Negeri Aminolhuda Hassan berkata daripada 13 calon itu, dua ialah wanita.

Ketua Wanita Muda AMANAH Nasional Anis Afida Mohd Azli akan bertanding di kerusi Parlimen Parit Sulong manakala Ketua Wanita AMANAH Johor Norhayati Bachok bagi kerusi Dun Maharani.

"Satu lagi kerusi Parlimen iaitu Parlimen Pulai mempertaruhkan Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub yang turut bertanding untuk Dun Simpang Jeram," kata beliau dalam sidang media, baru-baru ini.

Sementara itu, Aminolhuda akan mem-

pertahankan kerusi Dun Parit Yaani manakala Setiausaha AMANAH Johor Ir Khairuddin A Rahim akan bertanding di Dun Senggarang.

Setiausaha Organisasi AMANAH Nasional Suhaizan Kaiat yang juga Naib Ketua AMANAH Johor dipertaruhkan di Dun Kukup sementara Timbalan Pengerusi AMANAH negeri Dzulkifly Ahmad ditugaskan bertanding di Kota Iskandar iaitu nama baru menggantikan Nusa Jaya.

AMANAH negeri juga turut menamakan Naib Pengerusi AMANAH negeri Dr Sulaiman Mohd Nor di Dun Kemelahan, Ketua Pemuda Taqiuddin Cheman (Pulai Sebatang), Ahli Jawatankuasa AMANAH negeri Abrary Ramly (Pasir Raja), Ahmad Kamal Nor (Penawar), Muhamad Said Jonit (Mahkota) dan Ir Dr Faizul Amri Adnan (Serom).

Dalam sidang media yang sama, Salahuddin berkata calon-calon Pakatan Harapan Johor terdiri daripada golongan profesional dan berintergriti yang mampu mentadbir negeri



Sidang media memperkenalkan calon-calon AMANAH PRU14 bagi negeri Johor.

itu.

"Kita ada pasukan yang kuat, berkelaya-kan, berintergriti dan kami percaya mereka boleh diberikan kepercayaan mengurus tadbir Johor.

"Paling penting kami sudah menapis

semua calon lebih awal supaya tidak mengulangi 'team rasuah Johor' hingga ahli Exco pun terbabit dengan rasuah. Jadi pasukan khusus daripada AMANAH ini sudah ambil tanggung jawab kerana kita mahu melawan rasuah," katanya.

Kubu Umno di Felda pecah, ketua GPW sertai AMANAH



Nora menyerahkan borang keahlian AMANAH kepada Mazlan dalam satu majlis ringkas di Felda Serting Hilir.

BANDAR SRI JEMPOL: Kubu Umno di Felda Serting Hilir pecah apabila Ketua GPW Felda Serting Hilir 3, Nora Abdul Rahman mengisyiharkan diri menyertai AMANAH.

Nora bertindak menyertai AMANAH bersama 23 penerokawati yang lain.

Mereka menyerahkan borang keahlian AMANAH kepada Presiden Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak) Mazlan Aliman, baru-baru ini.

Majlis penyerahan borang menyertai AMANAH itu berlangsung di Felda Serting Hilir 13 April lalu.

Penyertaan Nora memberi kesan besar kepada sokongan peneroka khususnya

penerokawati di kawasan penempatan Felda itu.

Menurut Mazlan, pada pilihan raya umum (PRU) lalu, 85% pengundi wanita di Felda mengundi BN.

Beliau mensasarkan kemerosotan 10% undi yang bakal diterima BN daripada pengundi wanita Felda pada PRU ini.

"Jika kita berjaya turunkan 10% pengundi BN di kalangan wanita Felda, kita akan boleh pecahkan penguasaan Umno di Felda," kata Mazlan.

Kawasan penempatan Felda merangkumi 52 kawasan parlimen di negara ini dan disifatkan sebagai kubu BN.

Gelombang tsunami rakyat hingga kawasan kampung

Oleh ARIF ATAN

MELAKA: Kesedaran rakyat Melaka untuk berubah dengan menolak Umno-BN pada pilihan raya umum ke-14 (PRU14) turut dirasai di kawasan luar bandar.

Pengerusi AMANAH Melaka, Adly Zahari berkata, perkembangan mutakhir juga menyaksikan ramai pemimpin akar umbi Umno di kawasan kampung juga menyertai tsunami sokongan kepada Pakatan Harapan (PH).

"Dua hari lepas (10 April) saya pergi Taboh Naning, Dun (Dewan Undangan Negeri) yang pengundinya paling kecil di Melaka sekitar 8,000 orang.

"Saya rasmikan penubuhan satu PDM (Pusat Daerah Mengundi) di Sungai Buloh. Yang datang sekitar 70 orang, 50 orang tempatan, selebihnya orang luar Taboh Naning.

"Antara yang hadir bekas ketua pemuda Umno cawangan dan bekas setiausaha Umno cawangan juga ahli-ahli jawatankuasa kampung," katanya dalam Ceramah Pakatan Harapan di Bukit Baru, baru-baru ini.

Sehubungan itu, beliau menyifatkan gelombang perubahan tsunami rakyat bukan sahaja berlaku di bandar dan pinggir bandar malah penduduk di kampung juga tekad untuk menumbangkan Umno-BN.

N.05 Taboh Naning merupakan antara lima kawasan Dun di bawah Parlimen Masjid Tanah dengan jumlah keseluruhan pemilih 8,198 orang.

Disandang Datuk Latipah Omar dari BN, Taboh Naning bakal menyaksikan pertandingan sekurang-kurangnya tiga penjuruh apabila Pas sejak akhir tahun lalu turut

berhasrat meletakkan calonnya.

Dun Melaka mempunyai 28 kerusi dan enam Parlimen dengan jumlah keseluruhan 495,645 pemilih berdaftar.

Kedudukan semasa menyaksikan BN menguasai empat kerusi Parlimen manakala PKR dan DAP masing-masing satu kerusi.

Di peringkat Dun, BN memegang 21 kerusi manakala DAP (enam) dan Pas (satu).

Empat Adun DAP kemudiannya bertindak keluar parti dan mengisyiharkan diri sebagai Adun Bebas.

Dr Hatta wakili AMANAH di Lumut

Oleh MOHD ALI HASHIM

POH: Empat calon AMANAH akan bertanding bagi kerusi Parlimen serta 16 kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) di Perak dalam pilihan raya umum (PRU) ini. Pengumuman senarai calon itu dibuat Penggerusi AMANAH Perak Asmuni Awil dalam sidang media di Pejabat AMANAH negeri 17 April lalu.

Antara mereka yang telah diumumkan untuk bertanding ialah Naib Presiden AMANAH, Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa bagi kerusi Parlimen Parit Buntar.

Manakala bagi kerusi Parlimen Kuala Kangsar akan diwakili Dr Ahmad Termizi Ramli dan Parlimen Parit bakal ditandingi Timbalan Penggerusi AMANAH Wilayah Persekutuan Tarmizi Mohd Jam.

Pengarah Pilihan Raya AMANAH Nasional yang juga Penggerusi AMANAH Wilayah Persekutuan Dr Mohd Hatta Ramli pula akan bertanding di kawasan Parlimen Lumut.



Asmuni memperkenalkan Dr Hatta sebagai calon AMANAH bagi kawasan Parlimen Lumut.

Asmuni turut mengumumkan calon-calon AMANAH bagi kerusi Dun.

Kerusi Dun Selama ia akan ditandingi

Razali Ismail manakala Ketua Pemuda Pakatan Harapan (PH) Negeri Perak, Hasnul Zulkarnain akan bertanding di kerusi Dun Titi

Serong.

Sementara itu Ustaz Ahmad Saqif Ansorullah yang berusia 26 tahun akan bertanding di kerusi Dun Selinsing.

Asmuni juga mengumumkan Ir Megat Sharifuddin Ibrahim dipilih bertanding di kerusi Dun Changkat Jering.

Kerusi Dun Kamunting pula diwakili Ir Dr Fadhil Nuruddin serta Datuk Seri Ir Mohamad Nizar Jamaluddin bagi kerusi Dun Sungai Rapat.

Naib Penggerusi AMANAH Negeri Perak, Tan Seng Toh pula dipilih untuk bertanding di kerusi Dun Ayer Kuning.

Setiausaha Wanita AMANAH Nasional, Zaiton Latiff pula diberi mandat untuk bertanding di kerusi Dun Kampong Gajah.

Bagi Dun Pasir Panjang, AMANAH mempertaruhkan Yahaya Mat Nor manakala Hati Musa akan bertanding di kerusi Dun Rungkup.

Peguam Aminuddin Zulkipli mewakili AMANAH bagi kerusi Behrang manakala Asmuni akan bertanding di kerusi Dun Manjoi.

Peruntukan sekolah Islam P. Pinang ditambah

PERMATANG PAUH: Kerajaan Negeri Pulau Pinang tetap memberi perhatian kepada perkembangan hal ehwal agama Islam di negeri ini walaupun dikecam MCA dan Gerakan serta ditohmah Umno dan Pas sebagai anti-Islam.

Sebaliknya segala serangan yang dilakukan terhadap kerajaan negeri tidak akan melunturkan semangat untuk terus menjaga kebaikan institusi pendidikan Islam, kata Ketua Menteri Lim Guan Eng.

Berucap dalam majlis sumbangan Sekolah Agama Rakyat, maahad tafhib, pondok, tadika Islam dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan di Penanti, dekat sini, 10 April lalu, Guan Eng berkata kerajaan negeri telah memberikan sumbangan tambahan sebanyak RM17.5 juta dalam bentuk wang tunai kepada institusi pendidikan Islam di negeri ini.

"Ini menjadikan keseluruhan peruntukan adalah sebanyak RM57 juta tidak termasuk kos pengambilan tanah bagi membina Sekolah Agama Rakyat," ujarnya lagi.

Tambahnya lagi, jumlah peruntukan bagi hal ehwal agama Islam telah pun ditingkatkan kepada RM457.05 juta bagi tempoh 2008 sehingga 2016.

"Sekiranya dibandingkan dengan pemeri-

ntahan BN pada tempoh yang sama sejak 1999 sehingga 2007, mereka hanya menyalurkan peruntukan untuk perkara yang sama sebanyak RM249.09 juta sahaja.

"Sebaliknya kerajaan negeri juga telah menaikkan peruntukan pembangunan sekolah pendidikan Islam sebanyak RM57.64 juta sejak tahun 2008 sehingga 2016.

"Namun begitu jika dibandingkan dengan kerajaan zaman BN dahulu antara tahun 1999 sehingga 2007 mereka hanya memperuntukan sebanyak RM20.11 juta sahaja," jelas beliau.

Tambahnya lagi sebagai bukti kepedulian kerajaan negeri terhadap perkembangan institusi pendidikan Islam di Pulau Pinang, sebuah bangunan baru iaitu Sekolah Rendah Islam Maahad At-Tarbiah Guar Jering, Penanti, Permatang Pauh setinggi tiga tingkat telah dibina dengan kos RM-1.3 juta.

Sekolah Agama Rakyat dengan peruntukan sejumlah RM334,900.

Peruntukan turut diberikan kepada 11 buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan dengan jumlah sumbangan sebanyak RM216,900.

Sebanyak 10 Sekolah Rendah Agama Rakyat turut menerima peruntukan yang



Guan Eng dan para pemimpin PH pada majlis penyerahan bantuan institusi pendidikan Islam Pulau Pinang di Penanti.

berjumlah RM472,300 kali ini.

Sejumlah 37 Maahad Tafhib menerima peruntukan kali ini dengan jumlah sumbangan RM168,584.

Tidak ketinggalan 105 Sekolah Agama Rakyat-Kafa Integrasi dengan peruntukan sebanyak RM467,400.

Sebanyak sembilan pusat pengajian pondok turut menerima sumbangan kerajaan negeri berjumlah RM90,000 serta

Tadika Islam yang berjumlah 15 buah juga menerima sumbangan bernilai RM32,148.

Hadir sama pada majlis penyerahan sumbangan itu Ahli Parlimen Permatang Pauh Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Ketua Menteri Datuk Mohd Rashid Hasnon, Penggerusi Keadilan negeri Datuk Osman Mansor, Ahli Parlimen Lembah Pantai Nurul Izzah Anwar dan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Pensyarah, jurutera antara 9 calon AMANAH Negeri Sembilan

Oleh ARIF ATAN

LENGGENG: AMANAH Negeri Sembilan membariskan sembilan calon bertanding pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) merangkumi dua kerusi Parlimen dan tujuh kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

Mereka yang terdiri daripada muka baru dan lama itu mempunyai pelbagai

latar belakang iaitu pensyarah, jurutera, ahli perniagaan, ustaz, belia dan aktivis Felda.

Ketua AMANAH Negeri Sembilan, Zulkefly Mohamad akan bertanding di kerusi Dun Johol manakala Parlimen Jelebu dan Tampin akan ditandingi pensyarah.

Naib Presiden AMANAH, Husam Musa menyempurnakan majlis pengisytiharan tersebut di Bilik Gerakan Pakatan Harapan

(PH) Lenggeng, baru-baru ini.

Negeri Sembilan mempunyai 36 kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) dan lapan kerusi Parlimen dengan jumlah 557,137 pemilih.

BN mempunyai 22 kerusi Dun manakala DAP (11) dan PKR tiga kerusi Dun. Kedudukan semasa Parlimen menyaksikan BN menguasai lima kerusi, DAP (2) dan PKR memiliki satu kerusi.

Senarai terperinci calon AMANAH Negeri Sembilan adalah seperti berikut:



- P.126 Jelebu - Mustafa Ab Kadir, 65
- P.133 Tampin - Dr Hasan Bahrom, 62
- N.04 Klawang - Bakri Sawir, 59
- N.05 Serting - Abd Rahman Ramli, 58
- N.09 Lenggeng - Suhaimi Kassim, 47
- N.17 Senaling - Rais Mohamad, 53
- N.19 Johol - Zulkefly Omar, 54
- N.25 Paroi - Taufek Abd Ghani, 50
- N.28 Kota - Sahrizal Masrudin, 34

AMANAH Kedah umum senarai calon PRU

Oleh MOHD ALI HASHIM

ALOR SETAR: Presiden AMANAH Mohamad Sabu mengumumkan senarai calon AMANAH bagi pilihan raya umum ke-14 (PRU14) yang akan bertanding di tiga kerusi Parlimen dan sepuluh Dewan Undangan Negeri (Dun) Kedah.

Pengumuman dilakukan Mohamad dalam ceramah perdana PH dekat sini, 12 April lalu.

Hadir sama Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub dan para pemimpin Pakatan Harapan (PH) negeri.

Tiga calon bagi bagi kawasan parlimen ialah Datuk Mahfuz Omar di kerusi parlimen Pokok Sena manakala Parlimen Padang Terap pula akan ditandingi Naib Ketua Pemuda AMANAH Kedah, Mohd Khairizal Khazali.

Bagi kerusi parlimen Sik, Azli Uda seor-



Mohamad Sabu bersama calon-calon AMANAH Kedah bagi PRU ke-14.

ang akauntan dan ahli jawatankuasa AMANAH Sik akan mewakili AMANAH pada PRU kali ini.

Pengerusi AMANAH Kedah Datuk Dr Ismail

Salleh mengetuai cabaran AMANAH di kerusi Dun Pengkalan Kundur manakala Ketua Pemuda AMANAH Kedah Mohd Asmirul Anuar Aris pula diberi tugas untuk bertan-

ding di Dun Kubang Rotan.

Kerusi Dun Alor Mengkudu akan ditinggidi Timbalan Pengerusi AMANAH Kedah, Datuk Mohd Phahrolrazi Mohd Zawawi.

Naib Pengerusi AMANAH Kedah Dr Salmeen Said pula bertanding di kerusi Dun Siputeh.

Sementara itu bagi kerusi Dun Merbau Pulas diwakili Ketua AMANAH Padang Serai, Abd Razak Salleh.

Untuk kerusi Dun Kupang ditandingi Naib Pengerusi AMANAH Kedah, Johari Abdullah manakala kerusi Dun Pantai Merdeka akan diwakili Ustaz Rosli Yusof.

Timbalan Ketua AMANAH Sik Abdul Rashid Abdullah menggalas cabaran AMANAH di Dun Belantek.

Bagi Dun Sungai Limau dan Dun Tokai yang diwakili Pas sejak beberapa penggal, akan ditandingi Zahran Datuk Abdullah dan bekas ahli parlimen Jerai, Ustaz Firdaus Jaafar.

Rumah siap tapi tidak diduduki

PADANG BESAR: Bukan sahaja menampung beberapa projek terbengkalai, malah ada juga projek yang telah siap dibina namun gagal dimanfaatkan untuk rakyat.

Antaranya projek perumahan rakyat di Taman Wang Kelian, dekat sini yang telah siap dibina namun tidak didiami sehingga sekarang.

Projek perumahan yang terbiar ini bukan sahaja merugikan wang negara malah menyakitkan mata yang memandang, kata Ketua Bahagian PPBM Padang Besar Izizam Ibrahim.

Izizam meninjau kawasan perumahan tersebut, baru-baru ini.

Jelas beliau lagi, sikap tidak peduli dan prihatin kerajaan BN yang meneraju Perlis menyebabkan projek yang telah siap sejak sekian lama itu tidak dimanfaatkan.

"Untuk apa dijanjikan lambakan projek baru lagi, sedangkan projek lama yang didakwa khusus untuk rakyat marhaen pun tidak dapat disempurnakan.

"Projek perumahan di Taman Wang

Wang Kelian ini begitu hampir dengan pintu masuk ke sempadan Thailand.

"Secara jelas dan nyata, ia adalah satu lagi pembaziran dan kelemahan yang tidak boleh disembunyikan lagi," ujarnya.

Menurut Izizam, projek perumahan ini sepatutnya boleh diduduki rakyat negeri ini yang layak namun masih tidak mempunyai rumah.

"Begini banyak wang yang telah dikeluaran bagi membangunkan projek ini, namun kini ia terbiar dan ditumbuhki belukar serta rosak segala infrastruktur yang ada," katanya lagi.

Sehubungan itu, beliau menyarankan agar projek perumahan Taman Wang Kelian ini di baik pulih dan segala masalah yang timbul diselesaikan segera sebelum ianya menjadi



Izizam Ibrahim



Guan Eng diiringi Gobind berjalan keluar daripada mahkamah.

satu lagi projek 'gajah putih' yang menyakit mata.

"Siapkan dahulu projek perumahan, rekreasi, ekonomi dan seumpamanya yang tidak terjaga dan terbiar.

"Jika perkara ini tidak dapat dilaksanakan, tidak perlulah menabur lambakan janji-janji baru menjelang pilihan raya.

"Hospital Padang Besar dan Sekolah Sukan di Padang Besar pun tidak mampu disiapkan walaupun janji sudah bertahun-tahun lama-nya," tambahnya lagi.

Sehubungan itu, beliau menyeru rakyat negeri ini agar menilai prestasi BN dan membuat pilihan yang tepat pada pilihan raya umum 9 Mei ini.

SPRM perlu siasat dakwaan bekas menteri kabinet

PERMATANG PAUH: Pendedahan yang dibuat Tan Sri Rafidah Aziz tidak harus dipandang ringan sebaliknya perlu diberi perhatian serius kerana melibatkan kepentingan dan aset milik Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Faiz Fadzil berkata, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) harus menyiasat segera pendedahan tersebut kerana ia melibatkan Kementerian Pertahanan.

"Sebagai bekas menteri kabinet yang

agak lama, sudah pasti beliau mempunyai banyak maklumat.

"Sehubungan itu SPRM mesti segera membuat siasatan walaupun ia didakwa melibatkan Perdana Menteri.

"Buktikan bahawa SPRM efisien dan pantas bergerak apabila ada pendedahan yang telah dibuat sebeginit rupa," ujarnya ketika dijumpai selepas ceramah Pakatan Harapan (PH) di Permatang Pasir, dekat sini.

Rafidah baru-baru ini mendedahkan cadiangan Datuk Seri Najib Razak yang juga Menteri Pertahanan dalam mesyuarat kabinet

dipengerusikan Tun Abdullah Ahmad Badawi pada 2008 untuk menswastakan 40,000 hektar tanah milik ATM di seluruh negara kepada syarikat yang dimiliki tiga individu.

Penswastaan itu juga dilakukan secara runding terus.

"Memandangkan PRU semakin dekat, maka adalah wajar SPRM menjalankan siasatan dengan segera.

"Sekiranya terbukti ada mana-mana pihak yang telah menyalahgunakan kuasa atau kedudukan, maka tindakan mesti segera diambil.

"Dengan tindakan segera tersebut ia dapat menghilangkan persepsi negatif masyarakat terhadap SPRM," tegasnya.

Justeru itu katanya, tidak dapat dinafikan banyak lagi pendedahan dan pembongkaran salah laku pemimpin Umno dan BN yang akan didekahkan tidak lama lagi.

Hadir sama dalam program tersebut Naib Presiden AMANAH Datuk Mahfuz Omar, Ketua Cabang Keadilan Permatang Pauh Amir Ghazali, Ahli Parlimen Bukit Mertajam Steven Sim dan para pemimpin PH Pulau Pinang.

Doktor pakar calon AMANAH Pulau Pinang

Oleh MOHD ALI HASHIM

KEPALA BATAS: Pengurus AMANAH Negeri Pulau Pinang Datuk Dr Mujahid Yusof mengumumkan calon-calon AMANAH bagi kawasan Parlimen Kepala Batas, kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) Sungai Dua, Permatang Pasir serta Bayan Lepas.

Pengumuman dilakukan pada program ceramah Pakatan Harapan (PH) yang diadakan di Taman Desa Murni, dekat sini, 13 April lalu.

Turut hadir pada majlis pengumuman tersebut Presiden AMANAH Mohamad Sabu, Pengurus Keadilan Pulau Pinang Datuk Mansor Othman, Pengurus PPBM negeri Marzuki Yahaya serta pemimpin DAP negeri Phee Boon Poh.

Menurut Dr Mujahid, calon yang diketengahkan AMANAH kali ini terdiri daripada golongan profesional yang komited untuk menumbangkan Umno dan BN dalam pilihan raya umum ke-14 (PRU14) pada 9 Mei ini.

Pakar perunding kanak-kanak Dr Zaidi Zakaria dipilih mewakili AMANAH bagi kawasan parlimen Kepala Batas manakala Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional Faiz Fadzil yang juga seorang peguam akan bertanding di kerusi Dun Permatang Pasir.

Sementara itu bagi kerusi Dun Sungai Dua, AMANAH mempertaruhkan Yusri Ishak, seorang pengamal undang-undang dan ahli perniagaan.

Naib Ketua Pemuda AMANAH Pulau Pinang, Azrul Mahathir Aziz pula dipilih untuk bertanding bagi kerusi Dun Bayan



Mohamad dan Dr Mujahid menjulang tangan calon-calon AMANAH PRU14 negeri Pulau Pinang.

Lepas.

"Calon-calon yang ditonjolkan oleh AMANAH kali ini ialah mereka yang mempunyai satu misi untuk memastikan PH tetap menjadi kerajaan bukan saja di Pulau Pinang, tetapi juga di seluruh negara.

"Kesemua calon AMANAH telah pun menjalankan gerak kerja melalui pelbagai pendekatan turun padang sebelum pembubaran Parlimen lagi.

"Dengan komitmen dan kerjasama komponen dalam PH, kita yakin kemenangan akan mampu diraih dalam PRU14 kali ini," jelasnya lagi.

Ketiga-tiga kerusi Dun itu ditandingi Pas pada PRU13 lima tahun lalu.

Selain AMANAH, agihan kerusi Dun

bagi PRU14 menyaksikan DAP kekal bertanding di 19 kerusi, PKR (14) dan Bersatu buat pertama kali di gelanggang pilihan raya dengan empat kerusi.

Pada PRU13, DAP memenangi kesemua 19 kerusi DUN yang ditandingi, PKR menang 10 daripada 16 kerusi yang ditandingi manakala Pas (satu) dan BN 10 kerusi.

Bagi kerusi Parlimen, DAP memiliki tujuh kerusi manakala PKR dan BN masing-masing tiga kerusi.

Seramai 867,748 pemilih berdaftar di Pulau Pinang yang akan menentukan sama ada tempoh dua penggal pentadbiran blok Pakatan Harapan yang sebelum ini dikenali sebagai Pakatan Rakyat diteruskan atau tidak.

Tohmahan PH musuhi Islam tidak berasas



Ustaz Ali Abdul Rahman Hasan

PASIR MAS: Dakwaan segelintir pihak kononnya Pakatan Harapan (PH) adalah gabungan politik untuk memusuhi Islam adalah tidak berasas dan berniat jahat.

"Asas gabungan ini adalah untuk mencari kebaikan kepada rakyat dan negara yang begitu jelas sedang dikhianati oleh mereka yang berada di puncak kuasa," kata bekas Imam Masjid Galok, Pasir Mas, Ustaz Ali Abdul Rahman Hasan.

Umat Islam katanya perlu bersama-siaha yang berusaha memperjuangkan kebaikan walaupun ada di kalangan mereka orang-orang yang tidak beragama Islam.

"Dengan tindakan-tindakan pemimpin Umno dan BN yang terang-terang merosakkan negara dan menganiaya rakyat, kita semua perlu bergabung untuk membentuk sebuah kerajaan yang lebih baik dalam PRU14 ini."

"Untuk tujuan itu tentulah kita memerlukan semua kumpulan-kumpulan rakyat yang sanggup berkorban walaupun berhadapan dengan pelbagai risiko menghadapi kezaliman pemerintah."

"Kita harus bersyukur kerana dengan kebijaksanaan para pemimpin, kini, satu gabungan mantap berjaya diwujudkan," katanya.

Gabungan seperti ini, katanya jelas beramatlamat untuk mengalahkan BN dan mengantikan dengan sebuah pemerintahan baru yang pastinya lebih mesra rakyat dan memperkuatkan negara.

"Dalam keadaan ini adalah pelik bila ada mereka yang mengaku yang memperjuangkan Islam tetapi tidak mahu bersama-sama kumpulan yang berazam menumbangkan sebuah kezaliman."

"Lebih pelik lagi, kumpulan yang berjuang menentang kezaliman ini pula yang dituduh memusuhi Islam," katanya.

Menurut beliau, umat Islam tidak dilarang berpakaat dengan kumpulan manapun atas tujuan melakukan kebaikan.

"Perkara ini tentu sekali tidak menyentuh soal akidah dan kelslaman seseorang," katanya.

Ustaz Ali atau lebih dikenali sebagai 'Tok Ime Li' ialah penyelaras AMANAH Dun Chetok.

Beliau yang juga seorang guru agama di sekolah Yayasan Islam Kelantan dipersekutuan dari menjadi Imam Masjid Mukim lebih setahun lalu dipercayai atas sebab politik.

Ramai yang menjangka beliau akan bertanding sebagai calon PH dengan simbol PKR dalam PRU14 ini.

Husam hantar nota bantah mesyuarat balak

KOTA BHARU: Pengurus Pakatan Harapan (PH) Kelantan, Husam Musa menghantar nota bantahan kepada Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob 16 April lalu supaya mesyuarat untuk meluluskan permohonan kawasan balak dibatalkan.

Beliau yang masuk ke pejabat Menteri Besar pada awal pagi menyerahkan nota berkenaan kepada pegawai di pejabat berkenaan.

Husam yang diiringi peguamnya dan para petugas media disambut mesra kakitangan pejabat dan petugas keselamatan.

Melalui nota itu, Husam menyatakan tindakan memanggil mesyuarat untuk meluluskan permohonan-permohonan melibatkan hutan simpan dengan keluasan yang besar adalah tidak wajar dan melanggar semangat perlombongan.

"Saya dengan ini, memberi nota bantahan ini agar menteri besar membantalkan



Husam bercakap kepada media sebaik menyerahkan nota bantahan kepada kakitangan pejabat Menteri Besar Kelantan.

mesyuarat berkenaan atau mana-mana mesyuarat yang membawa kesan seperti itu," katanya.

Husam mendapat maklumat bahawa mesyuarat yang sedang berjalan adalah untuk meluluskan kawasan balak kepada sebuah syarikat proksi Timbalan Menteri

Besar Mohd Amar Abdullah.

"Mesyuarat jawatankuasa kecil perhutanan (JKKP) yang bersidang itu melibatkan kawasan hutan simpan lebih kurang 15 ribu ekar," katanya.

Andaikata ia diluluskan, bermakna kerajaan semestinya Pas Kelantan jelas melanggar tatacara (SOP) yang ditetapkan.

Beliau mengesahkan MB sedang mempengaruhi mesyuarat berkenaan.

Husam berkata beliau telah memaklumkan kepada Setiausaha Sulit Kanan MB bahawa satu perintah mahka-

mah akan diperoleh untuk mengisytiharkan kelulusan kelulusan itu nanti adalah tidak sah.

"Pembalak mendapat kelulusan melalui mesyuarat hari ini juga kemungkinan menanggung risiko pembatalan jika mana-mana kerajaan baru dibentuk," katanya.

Kuasa luar, perkauman dan agama menjelang PRU14

DATUK Seri Najib Razak membuat tuduhan kononnya ejen Zionis telah merebak ke dalam parti pembangkang. Kita tidak hairan tuduhan melulu ini dibuat beberapa minggu sebelum PRU14 untuk agenda politik Umno-BN.

Kita juga tidak hairan jika tuduhan tanpa bukti Najib tidak akan diambil tindakan oleh pihak berkuasa walaupun Akta Antiberita Tidak Benar 2018 telah pun mula berkuatkuasa. Undang-undang baru ini nampaknya akan ditujukan kepada pembangkang dan penyokongnya sahaja.

Zionis

Mengambil sikap berhati-hati dengan puak Zionis adalah baik dan patut dibuat.

Persoalan besarnya kenapakah baru-baru ini kerajaan pimpinan Najib membenarkan bekas diplomat dan pegawai kanan Israel masuk ke Malaysia selama satu minggu untuk satu mesyuarat atau konvensyen.

Pertanyaan ini tidak diberi jawapan yang memuaskan kerana kerajaan menyatakan agensi Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) yang menganjurkan konvensyen tersebut walhal kerajaan Malaysia yang berhak menentukan siapa



PENDAPAT RAJA Bahrin SHAH

yang dibenarkan masuk ke negara yang berdaulat ini.

Malaysia secara rasminya boleh mengharamkan rakyat Isreal memasuki negara kita dan mengisyiharkan mereka sebagai 'persona non grata'.

Apa yang dikesalkan, beberapa minggu selepas konvensyen dihadiri diplomat Israel itu berakhir, beratus rakyat Islam Palestin ditembak oleh rejim Zionis yang telah mengorbankan berbelas nyawa.

Nilai dagangan Malaysia-Israel

Malah ekoran lawatan pegawai Israel ke Malaysia, satu pengumuman telah dibuat oleh mereka yang perdagangan serta perniagaan Israel-Malaysia telah meningkat kepada nilai RM6 bilion. Ianya tanpa disedari oleh rakyat kita.

Kenapa kerahsiaan oleh Kerajaan Malaysia dalam isu ini? Berita ini mengejutkan kita semua.

Pada minggu terakhir Parlimen pada bulan April 2018 baru-baru ini saya telah mengemukakan Usul di Parlimen untuk dibahas pembunuhan kejam rakyat Islam Palestin oleh rejim Zionis Israel.

Usul ini telah ditolak tanpa apa-apa sokongan dari pihak Umno-BN. Dimanakah komitmen kerajaan pimpinan Najib dalam isu kekejaman rejim Zionis-Israel ini?

Jelas mengikut contoh di atas, kerajaan pimpinan Najib hanyalah "cakap tak sama bikin" dalam isu rejim Zionis Israel ini. Perbuatan-perbuatan tersebut di atas adalah bukti tiada kesungguhan kerajaan BN bagi membela rakyat Palestin.

Tanpa sebarang bukti, Najib tiba-tiba menuduh pembangkang menjadi ejen Zionis.

Seperti pilihan raya yang lepas-lepas, Umno-BN akan menggunakan isu agama dan perkauman untuk menakutkan rakyat dan memburukkan pembangkang.

Pilihan raya umum ini akan meyaksi-



kan lebih banyak taktik sedemikian rupa yang lebih kotor dan dahsyat.

■ **Raja Bahrin Shah ialah Pengurus Biro Antarabangsa AMANAH Nasional dan Pengurus Pakatan Harapan Terengganu.**

DAP memang mahu sokongan Melayu, seperti Umno mahu sokongan Cina

Oleh M. NOOR HASLAM

MENARIK sokongan orang Melayu supaya mengundi DAP bukanlah benda baru. Malah usaha itu lebih jelas dilihat sejak tsunami politik 2008.

Pelancaran portal Roketkini.com, perenbitan akhbar The Roket berbahasa Malaysia, penubuhan Sekolah Demokrasi, pengajuran forum, dialog, majlis berbuka puasa dan sebagainya oleh DAP – semua ini adalah usaha bagi menyampaikan maklumat tepat tentang DAP dan perjuangannya.

Semua usaha DAP ini jelas, memang untuk menarik sokongan masyarakat Melayu yang selama ini dimomokkan dengan pelbagai karut-marut dongeng Umno memburuk-burukkan parti roket ini.

Justeru, apabila terkeluar suara sumbang yang cuba memomokkan kononnya undi PKR sama dengan mengundi DAP; kononnya DAP pergunakan PK

untuk tarik sokongan Melayu – nampaknya dakyah sedemikian sudah makan tuan; ini benar-benar dakwaan kelakar.

Dakyah dangkal itu tidak lain cuba memanipulasi fakta kononnya DAP mahu menyelinap masuk ke dalam PKR semata-mata meraih sokongan pengundi Melayu lalu merebut kuasa dan menghakis segala keistimewaan. Ini juga satu tuduhan basi maha-kelakar. Jika ikutkan logik semacam ini, mana nak letak PKR, AMANAH dan Bersatu?

PRU14 ini, DAP bukan sahaja memerlukan sokongan Melayu tetapi DAP juga memerlukan sokongan seluruh rakyat Malaysia pelbagai kaum di negara ini. Begitu halnya dengan komponen Pakatan Harapan (PH) yang lain. Kenapa pencacai Umno-Pas terlalu benak untuk menerima kenyataan jelas ini?

Hakikatnya, undi PKR bukan sahaja untuk memenangkan DAP tetapi juga seluruh komponen PH seperti AMANAH, Bersatu, PKR malah termasuk rakan

sekutu PH iaitu Parti Warisan Sabah (Warisan).

Nampaknya, keputusan penggunaan logo PKR yang diumumkan Tun Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini bagi memberi tamparan hebat kepada lawan politik Umno-BN termasuk Pas yang semacam tidak boleh menerima keterbukaan parti-parti komponen PH.

Niat mereka jelas, apabila Pendaftaran Pertubuhan (RoS) masih gagal meluluskan gabungan PH secara rasmi, maka pembangkang akan lebih mudah berpecah belah. Namun, niat itu terbantut – PH malah semakin kuat.

Antara tuduhan liar lain yang sering dimomokkan ialah, kononnya Tun Dr Mahathir Mohamad telah mempergunakan PKR demi meneruskan hayat politiknya – termasuk dakwaan kononnya keputusan itu adalah satu penghinaan kepada pejuang-pejuang era reformasi 98.

Pada masa yang sama, Mahathir juga

dituduh dipergunakan oleh Lim Kit Siang supaya DAP berkuasa di Malaysia. Anehnya, di pihak MCA, pencacai mereka mendakwa DAP pula telah ditindas oleh Mahathir dan Bersatu.

Segalanya sudah jelas, Umno-BN makin tertekan, takut dan mungkin mereka juga merasakan, PRU14 kali ini adalah penamat buat mereka, sebagaimana teori RAHMAN yang meletakkan huruf 'N' mewakili Najib sebagai penghujung pemerintahan parti cap dacing itu.

Ya, DAP memang perlukan sokongan Melayu untuk membawa perubahan kepada Malaysia bersama-sama Pakatan Harapan. Simbol PKR adalah faktor penyatu kemarahan rakyat Malaysia. Apa masalah 'macai' Umno?

Dia pun bertanding pilihan raya guna lambang dacing untuk raih sokongan Cina.

■ **Penulis ialah aktivis Melayu DAP.**

Five aspects of the Malay tsunami

“ Malaysia will only create history if there is a Malay tsunami on May 9, which will unravel Najib and Umno/BN's grand design to win big in the 14th GE, even to regain two-thirds parliamentary majority and restore Umno hegemony in Malaysian national politics. ”

THE Prime Minister, Datuk Seri Najib Razak cautioned the Malays and bumiputeras against triggering a Malay tsunami in the upcoming 14th General Election as this will jeopardize their rights and interests.

This is a far cry from what Najib said only few days ago, that he could not detect a Malay tsunami taking place in the 14GE.

Najib is beginning to learn the truism that "a week is a long time in politics", and the Polling Day of the 14th General Election on May 9 is still more than three weeks away.

On May 9, 2016 two years ago, Filipinos changed their President. On May 9, 2017, a year ago, the South Koreans changed their President.

Will Malaysians create history on May 9 this year to change the Prime Minister of Malaysia and the government of Malaysia?

Will May 9 see Tun Mahathir as the seventh Prime Minister and Datuk Seri Anwar Ibrahim as the eighth Prime Minister?

When Anwar Ibrahim leaves Sungai Buloh Prison, who will enter the prison?

Will May 9 see the end of the famous RAHMAN saying on the first six Prime Ministers of Malaysia - Tunku Abdul Rahman, Abdul Razak, Hussein Onn, Dr. Mahathir Mohamad, Abdullah Ahmad Badawi and Najib Razak and the beginning of a new saying predicting the new series of Prime Ministers – starting with Tun Mahathir and Datuk Seri Anwar Ibrahim as the seventh and eighth Prime Ministers.

This means that the second saying to predict a new series of Prime Ministers of Malaysia will start with 'MA' – which could be 'Malaysia', 'Mahathir' or any other possible term.

From dismissing that a Malay tsunami can happen in Malaysia in the 14GE, the Umno leaders, propagandists and quinoa cybertroopers have moved to a new position, decrying and trying to create fear among the Malays that a Malay tsunami

will be the doom of the Malays.

This is just as much as a lie, fake news and false information like the mountain of lies, fake news and false information they had tried to demonise me in the past few decades,

I have been accused of being anti-Malay, anti-Islam; anti-Chinese educated Chinese; anti-English educated Chinese; anti-Indian; anti-Christian; cause of May 13 riots in 1969; a communist; multiple agent of foreign powers including CIA, KGB, MI5, Australian Secret Intelligence; received RM1 billion from Mahathir, RM100 million from tycoon Robert Kuok and over RM1 from Israeli sources; given RM40 million to a news portal; offered Pas President Hadi Awang RM100 million to defy the Sultan of Selangor; that I dominate and run Pakatan Harapan; want to be Prime Minister when Pakatan Harapan wins the 14th General Election; plan to disband Malay Regiment and destroy Malaysia-China relations, and a catalogue of incredible fake news, false information and downright lies!

The Malay tsunami which will be the outstanding characteristic of the 14th General Election will have the following five aspects:

Firstly, it will mean a rejection of Umno in the 14GE but it does not mean the doom of the Malays. I had worked with Bapa Malaysia Tunku Abdul Rahman and was in touch with the former third Prime Minister of Malaysia, Tun Hussein Onn, during their retirement as they were dismayed by the direction that Umno was taking, and I am now working with Malaysia's longest-serving Prime Minister, Tun Mahathir because Umno under Najib today has gone overboard and is only looking after the interests of Najib's cronies and kleptocrats at the expense of the ordinary Malays and Malaysians we well as the nation's good name and honour.

Is it ever conceivable that Tunku Abdul

Rahman, Tun Hussein Onn and Tun Mahathir – who had collectively been Prime Ministers of Malaysia for some 40 years – would work against the rights and interests of the Malays?

Of course not.

Instead of enjoying high international esteem, admiration and respect for over four decades of nation-building under the first five Prime Ministers, Malaysia under Najib is now scorned and looked askance by the rest of the world as a global kleptocracy.

This is why Umno must be defeated and Malaysia saved in the 14th General Election, which will allow Malaysia to join the ranks of normal democracies like Japan, India, South Korea, Taiwan, even Indonesia and Philippines where the voters can exercise their constitutional right to elect the government of their choice peacefully and democratically without threat of violence, chaos or catastrophe.

Secondly, a Malay tsunami in the 14GE to defeat Umno does not necessarily mean the doom of Umno. It gives Umno the opportunity to reform itself to make itself relevant to Malaysian politics.

If political parties in other countries which had dominated the politics of nations during the first decades of their nationhood, like in Japan, India and Taiwan, could recover their relevance and be returned to power in subsequent elections, is Umno incapable of such a feat?

A Pakatan Harapan Federal Government in Putrajaya will have to demonstrate it is more capable and successful in looking after the rights and interests of all Malaysians, whether Malays, Chinese, Indians, Kadazans, Ibans, Orang Asli as the Pakatan Harapan coalition of PKR, Amanah, Bersatu and DAP, does not want to be a one-term government but want to be the Malaysian Government in Putrajaya not only in the 14GE, but also to enjoy the confidence of the national electorate so as to have the



OPINION
LIM KIT SIANG

mandate to form the Malaysian Government in Putrajaya in the 15GE, 16GE and thereafter.

Thirdly, a Malay tsunami does mean the dismantling of Malay-bumiputra institutions and the dissolution or closure of institutions like FELDA, FELRA, MARA and Tabung Haji but to make them more successful and competitive to serve their original missions and not to become 'captive' institutions to serve the interests of Najib cronies and kleptocrats.

Fourthly, a Malay tsunami is not anti-Chinese, anti-Indian, anti-Kadazan or anti-Iban but the best part of a Malaysian Tsunami in the 14GE to reset nation-building policies and directions to fulfill the Malaysian Dream of the Merdeka generation and the Malaysian generation in the first decade of nationhood for Malaysia to become a united, harmonious, just, democratic, progressive and prosperous Malaysia recognized worldwide as a top-class nation in every field of human endeavour instead of hurtling, as at present, towards the trajectory of a failed, rogue and kleptocratic state.

Fifthly, a Malay tsunami is to liberate Malaysia from the ignominy, infamy and iniquity of a global kleptocracy, for no religion would countenance their leaders coming from the ranks of the kleptocratic 4Ps – Pencuri, Perompak Penyagak and Penyamun.

It is not anti-Islam, anti-Buddhism, anti-Christianity, anti-Hinduism or anti-Sikhism but an important step to make Malaysia a model to the world as to how a nation of diverse races, religions, languages and cultures could build a new civilization of tolerance, morality, civility, progress and success from the best of the diverse races, religions, languages and cultures which meet in confluence in Malaysia.

■ Lim Kit Siang is DAP veteran.

Menghidu agenda merobek perlembagaan

SAYA terbaca ke-nyataan Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang berhubung 'tercium' keinginan DAP untuk merobek perlembagaan negara.

Niat ini tercium hasil dari hebatan rasmi seorang paderi iaitu Reveren Bernard Paul yang menge-luh mengenai rasuah dan salah guna kuasa dan menyeru pengikut Kristian mendoakan pertukaran kerajaan dalam PRU ke-14 ini.

Hasil dari hebatan yang agak biasa dan lembut ini maka dikupas secara panjang lebar oleh Haji Hadi bahawa DAP ingin merobek perlembagaan negara. Ini masalahnya apabila kita berpolitik berpandukan 'hiduan' dan bukan akal yang waras.

Sedangkan akal yang waras akan memaklumkan bahawa persoalan keluhan terhadap rasuah dan penyelewengan adalah perkara biasa selari dengan naluri yang telah Allah SWT berikan pada semua manusia, sama ada Muslim atau bukan Muslim.

Atau adakah dianggap bahawa mangsa kezaliman yang bukan Islam suka dirinya dizalimi? Sehingga apabila dia mengeluh maka dianggap mempunyai agenda tersembunyi seperti mana yang dihidu! Mungkin masalahnya dengan hidung tukang peng-hidu, sedangkan keluhan itu adalah berasas dan wajar.

Mendakwa bahawa adanya agenda yang dihidu seolah-olah membela pihak yang melakukan rasuah dan penyeleweng-an. Sedangkan sepatutnya ilmuwan dan cendekiawan Islam berdiri bersama dengan mereka yang inginkan perubahan ke arah yang lebih baik dan bukan menyelar mereka atau menuduh mereka dengan tuduhan-tuduhan liar.

**LAUT
BUDI
TEPIAN
AKAL**

KHALID SAMAD



FAHAM SEKULAR

Dicakap pula mengenai fahaman sekular dan disyarahkan secara panjang lebar. Akan tetapi apabila pihak gereja ingin memberi

panduan kepada pengikut Kristian supaya menolak pemimpin yang rasuah, maka dituduh pula dengan berbagai tuduhan.

Tidakkah sepatutnya kita sebaliknya menggalakkan mereka untuk mengamalkan nilai-nilai keadilan, amanah dan pertanggungjawaban yang turut diajar agama mereka? Sudah pasti soal kepercayaan tidak boleh dipaksakan tetapi apabila adanya persamaan nilai maka tidakkah ianya sepatutnya diraikan?

Persoalan merobek perlembagaan juga bukan sesuatu yang semudah itu. Ianya perlukan majoriti dua pertiga dari ahli Dewan Rakyat, iaitu 148, sedangkan DAP hanya bertanding dalam 50 kerusi Parlimen sahaja. Adakah Haji Hadi menganggap hanya Pas dan Umno mempertahankan perlembagaan? Adakah beliau termakan dengan dakyah Umno selama ini bahawa parti itu memperjuangkan kepentingan Melayu dan Islam?

Adakah Haji Hadi percaya pembohongan yang diuar-uarkan dirinya sendiri bahawa Pakatan Harapan adalah sebenarnya dikusasi DAP?

Teringat saya kisah lucu watak kelakar Arab yang bernama Johar. Satu hari dia diganggu oleh bunyi bising kanak-kanak bermain di luar rumahnya. Maka diberitahu kanak-kanak itu bahawa rumah di hujung pekan sedang mengadakan kenduri dan semua dijemput untuk menjamu selera. Maka kanak-kanak itu semua pergi meninggalkan kawasan berhampiran rumahnya.

Suasana menjadi sunyi dan aman. Akan tetapi selepas beberapa ketika Johar melihat kanak-kanak itu masih tidak kembali dan dia bergegas untuk ke hujung pekan kerana dikhawatir memang ada kenduri seperti didakwanya! Johar akhirnya percaya pada pembohongannya sendiri.

ROBEK PERLEMBAGAAN

Sedangkan niat untuk merobek perlembagaan khususnya berhubung kedudukan Islam dan orang Melayu langsung tidak disebut oleh mana-mana pihak. Hebatnya paderi berkenaan langsung tidak menyentuh isu-isu perlembagaan. Atau adakah Haji Hadi menganggap amalan rasuah dan penyelewengan Umno sebagai hak yang dipertahankan perlembagaan?

Sekiranya tidak, maka bagaimana ianya boleh dikaitkan dengan niat untuk merobek perlembagaan? Tiada yang ingin 'mengerat akar' seperti didakwa Haji Hadi. Sebaliknya kita ingin menukar tukang kebun yang berusaha meracuni pokok dengan seorang tukang kebun baharu yang akan membajaknya.

Persoalan Pas tidak disoal siasat oleh SPRM juga turut menjadi bahan kebanggaan beliau. Sedangkan itu bukan bukti atau kayu pengukur untuk mengesahkan bahawa Pas semestinya bersih rasuah. Ianya mungkin juga bukti bahawa Pas dilindungi seperti mana juga dilindungi Najib dan Jho Low.

Sekiranya ingin dijadikan SPRM sebagai rujukan maka perlu terlebih dahulu dirombak SPRM dan ditentukan ianya bebas dari dikuasai pimpinan politik.

Oleh itu, tidak perlu dibanggakan sangat persoalan ini. Pihak korup melindungi

golongan korup yang lain. Bebaskan negara dari pemerintahan kleptokrasi dan selepas itu akan ianya menjadi jelas siapa yang korup dan siapa tidak.

ADU DOMBA

Haji Hadi menyebut bahawa Pas berjuang secara damai, memilih pendekatan demokrasi. Namun malangnya tidak boleh dinafikan pendekatan Haji Hadi sejak 2015 kerap dilihat ingin menimbulkan adu-domba dengan bukan Islam. Ini dilakukan atas harapan bahawa umat Islam akan menolak Pakatan Harapan.

Oleh itu mesej Pas merupakan mesej kebencian yang ingin menakut-nakutkan umat Islam terhadap 'ancaman' bukan Islam. Ini merupakan satu pendekatan yang merosakkan imej Islam dan mengukuhkan persepsi salah bahawa Islam adalah agama perbalahan dan keganasan.

Walaupun Haji Hadi ingin meletakkan Pas sebagai pilihan ketiga untuk rakyat Malaysia, Pas sering dilihat menyerang pembangkang iaitu Pakatan Harapan dan semakin mesra Umno/BN.

Pendekatan menakut-nakutkan umat Islam dengan kononnya agenda Kristian dan permusuhan terhadap Islam adalah pendekatan Umno/BN sejak sekian lama.

Malangnya dewasa ini ianya lebih diguna pakai Pas. Sudah pasti Umno/BN merasa amat lega apabila peranan ini boleh diserahkan kepada Pas khususnya Haji Hadi.

Dengan pendekatan sedemikian, tidak mungkin Pas akan diterima sebagai alternatif yang munasabah bagi negara Malaysia.

Khalid Samad ialah Pengarah Komunikasi AMANAH Nasional.

Kisah kapal mewah Jho Low



RES IPSA LOQUITUR
(the thing speak for itself)

MOHAMED HANIPA MAIDIN

TAHNIAH kepada sesiapa sahaja yang menyokong Jho Low atau 1MDB berhubung keputusan hakim Ratmoho, hakim mahkamah daerah Jakarta Selatan yang memutuskan rampasan atau penyitaan oleh FBI ke atas kapal layar mewah Equanimity yang dikaitkan dengan skandal 1MDB dan Jho Low adalah tidak sah.

Beberapa media antarabangsa melaporkan kapal Equanimity itu dibuat pada tahun 2014 oleh syarikat pembuat kapal di Belanda, Oceano. Dalam saman DoJ dikatakan kapal itu dibuat setelah menerima arahan yang lengkap dari Jho Low tentang "its outfitting". Katanya, di kapal layar mewah sepanjang 900 meter dan bernilai US\$260 juta itu, ada antaranya landasan helikopter (landing pad), kolam renang, gim-

Peguam Andi Simangunsong yang mewakili syarikat induk (holding company) Equanimity dilaporkan berkata mahkamah telah menyatakan secara jelas panduan (guidance) kepada pihak polis ketika berurusan dengan permintaan asing berhubung kerjasama undang-undang (foreign request for legal cooperation).

Timbalan Pengarah Polis Negara bagi jenayah khas, Daniel Silitonga yang mengetuai misi penyitaan kapal mewah itu dilaporkan berkata polis akan mengkaji semula keputusan mahkamah itu bagi menentukan tindakan selanjutnya.

Saya cuba juga kesan dari beberapa laporan media tentang keputusan itu bagi mendapat maklumat berkaitan dakwaan

beberapa orang yang kata Jho Low tiada kaitan dengan kapal layar newah itu. Tak jumpa pula hakim setuju dengan dakwaan itu. Dengan lain perkataan, maaflah saya tak jumpa sebarang keputusan dari hakim Ratmoho yang kata Jho Low tidak ada langsung kaitan dengan kapal Equanimity itu.

Yang saya baca laporan media dari UK, Daily Mail Online menyatakan, "Low, yang lokasi sebenar penyembunyiannya tidak diketahui, telah mencabar rampasan atau penyitaan itu di Mahkamah". Logiknya bila Jho Low cabar penyitaan itu, beliau ada kaitan dengan kapal itu. Jika tidak, dari awal mahkamah akan kata beliau hanya menyibuk sahaja.

Keputusan terbaru tentang

kapal Equanimity ini dari satu segi macam satu 'kemenangan' kepada pihak tertentu bila diputuskan penyitaan itu tidak sah. Tapi dari satu segi yang lain pula ia semacam 'pukulan TKO' ke atas pihak-pihak yang dilihat cuba nak elakkan perkaitan kapal mewah itu dengan Jho Low atau dengan dana 1MDB.

Apapun bagi rakyat, yang mereka marah adalah macam mana dalam keadaan kami menderita, ada pihak yang boleh beli kapal layar mewah, beli permata berlian merah jambu, beli mahligai mewah, beli lukisan mewah, beli jet peribadi mewah?

Mohamed Hanipa Maidin ialah Pengurus Biro Undang-undang (Kanun) AMANAH Nasional.



'Tangkap Jho Low!' bergema di ibu negara

Oleh AMNI JAGAT
Foto WAN ZAHARI WAN SALLEH

KUALA LUMPUR: Replika kapal persiaran mewah milik hartawan kontroversi, Jho Low yang dibawa berarak semasa himpunan #TangkapPen-curi menarik perhatian warga kota sekitar Jalan Tuanku Abdul Rahman, petang 14 April lalu.

Sebahagian pengguna jalan raya membunyikan hon kenderaan masing-masing tanda sokongan manakala sesetengah pejalan kaki tidak berganjak menyaksikan demonstrasi diterajui anak muda itu.

Sempat berarak di atas lori kira-kira 100 meter bersama sepanduk berwajah Jho Low, polis bagaimanapun menghalang kenderaan itu dari pada terus dipandu menuju Dataran Merdeka.

Sejurus tiba betul-betul di hadapan gedung beli-beli Sogo, enjin lori itu dimatikan ketika pada masa sama pasukan Unit Tempur Ringan (LSF) PDRM kelihatan bergegas berbaris membentuk halangan.

Berlaku beberapa kali kekecohan apabila ada anggota polis menyerbu aktivis yang meneruskan ucapan di atas lori itu diselang-seli dengan bernyanyi di atas lori.

Turut kelihatan beberapa aktivis mahasiswa dari Universiti Malaya (UM) dan Universiti Ke-bangsaan Malaysia (UKM).

Walhal, pihak polis sebelum itu memberi tempoh 30 minit untuk himpunan anjuran Anak Muda Cari Jho Low (AMCJL) itu berlangsung.

Aksi massa diselangi laungan 'Hidup Rakyat', 'Tangkap Najib' dan 'Tangkap Jho Low' itu tetap diteruskan dengan lori tersebut berpatah balik ke dataran di depan Sogo.

Ucapan aktivis dan anak muda kemudiannya diteruskan disusuli dengan kata-kata semangat dan penghargaan daripada Presiden AMANAH, Mohamad Sabu.

Timbalan Presiden Pakatan Harapan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi dan Mobilisasi itu antara lain mengucapkan tahniah di

atas kehadiran ramai anak muda pada himpunan protes tersebut.

Beliau mengulangi tuntutan himpunan supaya Pengerusi BN, Datuk Seri Najib Razak dan Jho Low ditangkap kerana telah merompak harta milik negara melalui dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Namun belum jam 3.30 petang, pihak polis dari IPD Dang Wangi diketuai Shaharuddin Abdullah memberi amaran bersurau.

Beberapa anggota polis yang cuba meluru ke arah lori yang menjadi pentas ceramah kemudian diajak berbincang oleh Pengarah Eksekutif Suaram, Sevan Doraisamy dan beberapa pengamal undang-undang lain.

Pihak pengawal merayu untuk kandungan memorandum mereka dibacakan terlebih dahulu. Wakil AMCJL, Shazni Munir Mohd Ithnin kemudiannya membacakan tuntutan rakyat supaya perompak negara ditangkap.

Polis akhirnya menerima memorandum tuntutan itu sebelum himpunan diarah bersurau

sepenuhnya kira-kira pukul 3.45 petang.

Himpunan menjelang lagi 25 hari untuk rakyat membuang undi pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) itu menuntut supaya Jho Low yang terpalit dengan skandal kleptokrasi 1MDB diheret ke mahkamah.

Individu yang masih bersembunyi itu dinamakan dalam saman sivil Jabatan Keadilan Amerika Syarikat (DoJ) selain seorang lagi dikenali sebagai Malaysian Official 1 (MO1) kerana terbabit menyeleweng berbilion dolar dana 1MDB.

Pada 27 Februari lalu, sebuah kapal persiaran mewah Equanimity yang diburu DoJ telah dirampas oleh pihak berkuasa Indonesia di Bali.

Rampasan kapal mewah itu dilihat menjadi bukti penting wujudnya jenayah pengubahan wang haram yang dikaitkan dengan Jho Low.

Pemilik nama Low Taek Jho dari Pulau Pinang itu dikatakan rakan kepada Riza Aziz iaitu anak tiri Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.



Replika kapal mewah milik Jho Low turut diusung.



Demonstran sempat bergambar ramai bersama Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Faiz Fadzil.



Anak muda menggesa Jho Low ditahan.

Bantah pembunuhan rakyat Palestin

Oleh AKMAL HAZIQ

Foto WAN ZAHARI WAN SALLEH

KUALA LUMPUR: Hampir 500 orang berhimpun di hadapan Kedutaan Amerika Syarikat pada 13 April lalu bagi membantah tindakan kejam regim Israel membunuh warga Palestin yang cuba berarak ke Tebing Gaza sejak beberapa minggu lalu.

Himpunan selepas solat Jumaat itu adalah sempena kempen Great Return March (GRM) atau Perarakan Pulang Agung yang diadakan sejak empat minggu lalu bagi memperingati peristiwa hitam 'Malapetaka Palestin' atau disebut sebagai Nakbah Palestin yang ke-70.

GRM juga menjadi salah satu resolusi yang dicapai pada Konvensyen Ulama Sedunia Untuk Palestin yang diadakan di Beirut, Lubnan bulan lalu.

Pada himpunan itu, satu memorandum bantahan ditandatangani sekurang-kurangnya 46 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang prihatin terhadap perjuangan rakyat Palestin termasuk persatuan Kristian dan persatuan pelajar, diketuai oleh Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM), turut diserahkan kepada wakil kedutaan.

Pengerusi Kesatuan Ulama Sedunia Cawangan Malaysia, Ustaz Ahmad Awang yang menyerahkan memorandum itu bersama Pengerusi Boycott, Divestment, Sanctions (BDS) Prof Dr Nazari Ismail berkata, antara tuntutan mereka termasuk mendesak Presiden Amerika Syarikat Donald Trump menggesa sekutu rapatnya itu menghentikan pembantaian terhadap rakyat Palestin.



Dua anak kecil ini turut menyokong perjuangan rakyat Palestin.

"Kita tuntut supaya jangan halang hak orang Palestin balik ke negara asal mereka kerana ia diperakui PBB dan Konvensyen Geneva.

"Kita juga mendesak agar memberhentikan tindakan menembak dan membunuh rakyat Palestin kerana mereka pulang secara aman dan terdiri daripada orang awam termasuk kanak-kanak," katanya.

Sehingga minggu lalu, dilaporkan lebih 300 rakyat Palestin terbunuh sementara lebih 1500 lagi cedera ditembak oleh tentera regim ketika menyertai perarakan perjalanan pulang itu.

Tentera regim didakwa menembak peluru hidup selain gas pemedih mata dan peluru getah.



Pelbagai sepanduk dipamerkan bagi menyokong rakyat Palestin.



Ustaz Ahmad Awang dan Dr Nazari diiring ke Kedutaan Amerika Syarikat bagi menyerahkan memorandum.



Bendera Palestin berkibar megah dalam perarakan ke Kedutaan Amerika Syarikat.

PROMOSI TERBARU!!

**JOM IKLAN DENGAN
MINGGUAN AMANAH
SERENDAH RM500
SATU MUKA**

**Mingguan Amanah
meluas ke Singapura,
Sabah dan Sarawak**

**Percuma Mingguan
Amanah setiap keluaran
untuk anda**

**UNTUK PAKEJ
IKLAN YANG
LAGI MENARIK
HUBUNGI:
01132334322**

6 Bekas Hakim dilantik Pengurus Tatatertib AMANAH

10 Umno takut Anwar, Tun M bergabung

14 Undi pos meragukan, boleh dimanipulasi



PP18978/03/2016(034450)

Amanah Mingguan

BIL 99 | 22 - 28 APRIL 2018

WAKTU SOLAT							
BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA							
TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
22.04.18	5:38	5:48	7:05	1:15	4:29	7:20	8:31
23.04.18	5:38	5:48	7:05	1:14	4:29	7:20	8:31
24.04.18	5:37	5:47	7:04	1:14	4:29	7:20	8:31
25.04.18	5:37	5:47	7:04	1:14	4:29	7:20	8:31
26.04.18	5:36	5:46	7:04	1:14	4:30	7:20	8:31
27.04.18	5:36	5:46	7:04	1:14	4:30	7:20	8:31
28.04.18	5:36	5:46	7:03	1:14	4:30	7:20	8:31

CHINA DAPAT PERLEPASAN GST

KETIKA rakyat marah kerana dibebani cukai Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), syarikat-syarikat dari negara China Komunis bukan sahaja mendapat tanah, kawasan yang strategik, projek besar bahkan juga dibebaskan dari GST oleh kerajaan.

Jabatan Kastam telah mengesahkan perlepasan GST diberikan kepada syarikat dari China itu berdasarkan permintaan dan sokongan dari Kementerian Kewangan.



Gambaran kartunis tentang sikap kerajaan BN. Ketika mereka menyebarkan cerita kononnya Cina DAP mahu menguasai negara, yang sebenarnya mereka menjual negara.

► Laporan penuh muka 2

Memang suara Nik Abduh 100%

BEKAS Setiausaha Politik Presiden Pas, Dr Syed Azman Syed Ahmad Nawawi yakin bahawa audio yang dikatakan suara AJK Pas Pusat, Nik Abduh Nik Aziz berkaitan Pas terima wang dari Umno adalah benar 100 peratus.

"Pada malam ini saya nak

mengesahkan 100 peratus Umno sedang membantu Pas untuk menghancurkan Pakatan Harapan.

"Saya nak sahkan juga audio yang telah tersebar luas di seluruh negara yang bernama Nik Abduh adalah audio yang 100 peratus sah tanpa takwil lagi.

"Jika Nik Abduh tak berani untuk mengesahkan, saya 'bagi pihak' Nik Abduh mengesahkan itu suaranya, 100 peratus daripada Nik Abduh," kata Syed Azman dalam ceramahnya di Alor Setar.

■ Bersambung muka 8



Dr Syed Azman sahkan audio itu suara Nik Abduh 100%.



**TEMUI 50 RIBU PEMBACA
MINGGUAN AMANAH
ANDA!!!**

UNTUK PAKEJ IKLAN
MENARIK HUBUNGI
01132334322